

LIPUT RAYA SDN BHD (824490-W)

RANCANGAN PROJEK PEMBANGUNAN LADANG HUTAN BAGI SYARIKAT LIPUT RAYA SDN BHD DI HUTAN SIMPAN BUKIT SLIM (KOMPARTMEN 78 DAN 79), MUKIM SLIM, DAERAH MUALLIM, PERAK



**LOKASI : KOMPARTMEN 78 DAN 79, MUKIM SLIM,
DAERAH HUTAN BUKIT SLIM**

NEGERI : PERAK DARUL RIDZUAN

LUAS : 400 HEKTAR

TEMPOH : 50 TAHUN

PENGUSAHA PROJEK:
LIPUT RAYA SDN BHD (824490-W)
NO.59, JALAN YIN CHOO HAN
TAMAN IPOH, 31400, IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN
TEL: 05-2544278
EMEL: thomas.cheah@digitalway.net

PERUNDING PROJEK:
DARRYL ISAAC RESOURCES (002534255-P)
G05B, BLOK B, THE LEAFZ, JLN HANG TUAH 2
TAMAN SALAK SELATAN, 57100
KUALA LUMPUR
TEL: 03-27189306
EMEL: emiidahyu@yahoo.com

KEPADA
PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

DISEDIAKAN OLEH
EMI IDAHYU BINTI MOHD ARIFIN
DARRYL ISAAC RESOURCES
G05B, BLOCK B, THE LEAFZ, JLN HANG TUAH 2
TAMAN SALAK SELATAN, 57100
KUALA LUMPUR

BAGI PIHAK
DATO' WEI CHUAN BENG
LIPUT RAYA SDN BHD
NO.59, JALAN YIN CHOO HAN
TAMAN IPOH, 31400 IPOH
PERAK



**RANCANGAN PENGURUSAN LADANG HUTAN
(LIPUT RAYA SDN BHD)**

**LOKASI : HUTAN SIMPAN BUKIT SLIM (KOMPARTMEN 78 & 79), MUKIM
SLIM, DAERAH MUALLIM**

NEGERI : PERAK DARUL RIDZUAN

LUAS : 400 HEKTAR

TEMPOH : 50 TAHUN (2019 – 2069)

LIPUT RAYA SDN BHD (824490-W)

**NO.59, JALAN YIN CHOO HAN
TAMAN IPOH, 31400 IPOH, PERAK**

KELULUSAN RANCANGAN PENGURUSAN LADANG HUTAN

DISEDIAKAN:

.....
(LIPUT RAYA SDN BHD)

DILULUSKAN:

.....
(PENGARAH PERHUTANAN NEGERI)

PERAK DARUL RIDZUAN

(2022)

AKRONIM

BMPs	<i>Best Management Practices</i>
LRSB	Liput Raya Sdn Bhd
CBA	<i>Cost Benefit Analysis</i>
Cm	sentimeter
DBH	<i>Diameter at breast height</i>
Dpd	ukuran diameter pada paras dada
EIA	<i>Environmental Impact Assessment</i>
EMP	<i>Environmental Management Plan</i>
FPMP	<i>Forest Plantation Management Plan</i>
FRIM	<i>Forest Research Institute of Malaysia</i>
FSC	<i>Forest Stewardship Council</i>
Ha	hektar
HCVF	<i>High Conservation Value Forest</i>
HSK	Hutan Simpanan Kekal
IRR	<i>Internal Rate of Return</i>
JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPS	Jabatan Pengairan Dan Saliran
JPSM	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
K	kompartment
Km	kilometer
LB	<i>Logging Block</i>
M	meter
MCI&I-FP	<i>Malaysia Criteria and Indicators (Forest Plantation)</i>
Mm	milimeter
MTCC	<i>Malaysian Timber Certification Council</i>
MTIB	<i>Malaysian Timber Industry Board</i>
NPK	<i>Nitrogen, Phosphorus, Potassium</i>
NPV	<i>Net Present Value</i>

PB	<i>Planting Block</i>
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
<i>IPI</i>	<i>Profitability Index</i>
RPLH	Rancangan Pengurusan Ladang Hutan
SFM	<i>Sustainable Forest Management</i>

HAKCIPTA

© Darryl Isaac Resources 2022

19 Mei 2022

Dokumen ini termasuk semua tajuk, tetapi tidak terhad kepada hak cipta, di dalam dan sebarang salinannya adalah untuk digunakan oleh Liput Raya Sdn Bhd, Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan kakitangannya atau yang berkaitan dengannya bagi tujuan membuat keputusan yang berkaitan dengan penubuhan ladang hutan. Semua hak dan Hak Kekayaan Intelektual di dalam yang dapat diakses melalui penggunaan dokumen ini adalah hak milik pemilik kandungan masing-masing dan mungkin dilindungi oleh undang-undang hak cipta atau harta intelek yang lain. Dokumen ini tidak boleh diterbitkan semula, disalin atau diedarkan dalam apa bentuk atau dengan apa-apa cara, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dan jika tidak didedahkan kepada pihak ketiga atas dasar mengikut keperluan dan berdasarkan polisi syarikat dan jabatan.

DISEDIAKAN OLEH:

**EMI IDAHYU BINTI MOHD ARIFIN
PERUNDING
DARRYL ISAAC RESOURCES**

RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Rancangan Pengurusan Ladang Hutan (RPLH) ini bertujuan untuk menetapkan halatuju dan prosedur untuk mengurus dan membangunkan sumber ladang hutan bagi **“Cadangan Pembangunan Ladang Bagi Syarikat Liput Raya Sdn Bhd Di Hutan Simpan Bukit Slim (Sebahagian Kompartmen 78 dan 79), Mukim Slim, Daerah Muallim, Perak Darul Ridzuan”**. Pengusaha Projek Liput Raya Sdn. Bhd., merupakan sebuah syarikat yang di daftarkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965. Liput Raya Sdn. Bhd. berhasrat untuk menjalankan pembangunan ladang hutan bersama pengusaha yang berpengalaman.

Penyediaan halatuju dalam RPLH ini adalah dengan mengambilkira matlamat penubuhan ladang hutan oleh kerajaan negeri dan objektif pengurusan syarikat. Saranan yang telah digariskan ini akan membantu syarikat mencapai kehendak yang diinginkan. Ladang hutan yang berjaya akan melibatkan pengusahasilan dan aktiviti silvikultur dengan mengoptimumkan pengeluaran balak secara berkekalan di samping meminimakan impak operasi perhutanan ke atas sumber bukan balak dan persekitarannya. Strategi pengurusan yang digariskan di dalam rancangan pengurusan ini turut mempromosikan amalan penubuhan ladang hutan dengan mematuhi piawaian Pengurusan Hutan Secara Mampan (*Sustainable Forest Management* - SFM) dan juga mematuhi kehendak *Malaysian Criteria and Indicators* (MC&I)/ *Forest Stewardship Council* (FSC) disamping menjaga integriti ekosistem disekitarnya melalui pendekatan pengurusan hutan terbaik.


Pengusaha projek telah membuat aktiviti perancangan dengan mengenalpasti kawasan projek sebagai tapak yang sesuai untuk pembangunan ladang hutan. Berdasarkan analisis yang dijalankan, pengusaha projek yakin bahawa tapak projek yang dipilih adalah berketepatan dan dapat memberikan keuntungan yang tinggi bagi tempoh jangkamasa yang panjang di mana ialah boleh dinikmati bersama Kerajaan Negeri Perak. Syarikat Liput Raya Sdn Bhd (LRSB) adalah komited untuk menjaga keutuhan alam sekeliling di samping memastikan kejayaan penubuhan ladang hutan berpanduan kepada garis panduan yang dibentangkan di dalam Laporan EIA dan Laporan RPLH ini. Apa-apa aktiviti pembangunan perladangan hutan dilaksanakan mesti mematuhi garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perak di dalam "Arahan Kerja Pembangunan

Ladang Hutan Dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak" untuk Projek Pembangunan Ladang Hutan. Pokok kayu balak yang sedia ada di tapak projek akan ditebang mengikut petak dan fasa serta akan ditanam semula dengan **spesies Kelampayan, Jati dan Meranti**. Tapak projek ini dibahagikan kepada **empat (4) petak** dan **empat (4) fasa** seperti di **Jadual RE(1)**. Lokasi tapak projek ditunjukkan dalam **Rajah RE-1**. Pengeluaran kayu balak akan diuruskan oleh kontraktor yang berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan akan dijual hanya di dalam Malaysia sahaja.

Jadual RE(1): Petak, Fasa dan Keluasan

No	Petak	Fasa	Blok	Keluasan Blok (Ha)	Jumlah Keluasan (Ha)	Jumlah Keluasan Kawasan Tanaman (Ha)	Tahun Tanam
1	Petak 1	4	B14 B15 B16 B17 B18 B19	5.78 15.50 22.23 18.89 17.12 20.48	100	90	2025
2	Petak 2	3	B9 B10 B11 B12 B13	23.84 11.65 23.49 15.79 25.23	100	75	2024/ 2025
3	Petak 3	1	B1 B2 B3 B4	25.57 36.27 15.83 22.33	100	90	2022/ 2023
4	Petak 4	2	B5 B6 B7 B8	39.69 29.96 17.58 12.77	100	75	2023/ 2024

Rajah RE(1): Fasa Pembangunan Ladang



FASA	PETAK
1	Petak 3
2	Petak 4
3	Petak 2
4	Petak 1

Tambahan pula, dengan langkah-langkah positif dan wajar yang dicadangkan dalam laporan ini, cadangan projek perladangan hutan boleh dijalankan dengan cara mesra alam dan menguntungkan. Ladang hutan boleh dibangunkan secara optimum. Anggaran jangka masa penyediaan dan penubuhan ladang ialah 18 hingga 30 bulan bergantung kepada cuaca, pekerja, kontraktor dan bahan tanaman. Persiapan untuk penyediaan ladang dijangka bermula pada akhir tahun 2022. Proses penubuhan ladang akan dimulakan dengan persiapan kawasan untuk tanaman. Kawasan pengeluaran ladang (± 345 ha) akan ditanam dengan pokok Kelampayan, Jati dan Meranti iaitu spesies pelbagai hasil serta ditanam mengikut fasa untuk 5 pusingan bagi pokok Kelampayan dan 2 ke 3 pusingan bagi Jati dan Meranti. Seluas ± 40 ha lagi adalah kawasan pelindungan. RPLH ini akan

menitikberatkan aspek kelestarian dan produktiviti dengan mengambil kira impak program tersebut terhadap pembangunan ekonomi dan sosial di sekitar kawasan projek serta persekitaran alam semulajadinya. Liput Raya Sdn Bhd memberi komitmen untuk melindungi alam sekitar dan akan menyumbang secara positif untuk mengatasi kekurangan bekalan balak tempatan melalui penubuhan ladang hutan ini bagi manfaat generasi kini dan masa depan.

Projek ini dijangka akan dapat memperolehi pendapatan pada peringkat akhir tahun tiap pusingan, berdasarkan kepada tahun di mana pokok ditanam akan ditebang untuk mengambil balak. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas dalam **Jadual RE(2)** yang menunjukkan aliran nilai kini bersih dalam tempoh projek selama 50 tahun. Secara keseluruhan, projek ladang hutan ini akan memperoleh pendapatan minima daripada tahun ke-9 permulaan sehingga tahun ke-50 sebelum penuaian hasil dilaksanakan. Berdasarkan kepada unjuran tersebut di atas, adalah jelas bahawa projek ini akan berdaya maju dan berpotensi memberi keuntungan dalam jangka masa panjang iaitu pada tahun ke-10 selepas projek bermula. Namun pada peringkat awal, pengeluaran modal yang ketara banyaknya diperlukan bagi penyediaan ladang dan penyelenggaraan termasuk pembinaan infrastruktur dan pengurusan ladang. Pengusaha kayu balak dari hutan asli pada tahun pertama boleh menghasilkan pendapatan yang dapat membantu menyediakan modal awal pelaburan projek.

Analisis sensitiviti juga dijalankan untuk mengkaji impak perubahan dalam nilai beberapa angkubah projek (seperti harga kayu balak, kos pelaburan, tempoh projek dan lain-lain) yang dianggap boleh penting dan mempengaruhi perubahan dalam *base case*. Ini kerana analisis kewangan bagi projek termasuklah RPLH selama 50 tahun ini akan dikemaskini dan disemak dari semasa ke semasa untuk memastikan kemajuan berterusan dapat dicapai sebagaimana dikehendaki oleh rancangan ini. Komitmen yang diberikan oleh pengurusan syarikat akan memastikan RPLH ini sentiasa *responsive* terhadap keputusan pemantauan, maklumat terkini dan penambahbaikan pendekatan pengurusan. Halatuju yang terkandung di dalam RPLH ini akan dijadikan panduan oleh Liput Raya Sdn Bhd untuk aktiviti perladangan serta penuaian ladang hutan serta dijadikan rujukan untuk membuat keputusan di sepanjang pelaksanaan projek ini.

Berdasarkan kepada keputusan-keputusan analisis ekonomi dan tahap profesionalisma pasukan pengurusan, Liput Raya Sdn Bhd sangat yakin bahawa projek ini boleh berjaya. Dengan hasil Laporan

Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Laporan Rancangan Pengurusan Ladang Hutan (RPLH) ini dapat diterimapakai, adalah disyorkan agar Penggerak Projek, **Liput Raya Sdn. Bhd. dapat diberi kelulusan sepenuhnya oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP)** dan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan untuk melaksanakan operasi perladangan ladang hutan jenis Kelampayan, Jati dan Meranti yang telah dicadangkan.

JADUAL ANALISA KEWANGAN RE(2): Maklumat dan Analisa Kewangan Projek Ladang Hutan

LRSB

Perkara	Balak hutan asli	Kelampayan, Jati dan Meranti
Luas (ha)	345.66	345.66
Jarak (m)		3 X 3
Bil pk/ha		880
Mula hasil (th)	(1,2,3)	9
Hasil	45 tan/ha	
Harga (RM/ m ³)	415	150
Kayu (m ³)	32,000	1 /pk = 480/ha
Kayu (RM)	13,446,000	180 / m ³
Rtn (th)		5
NPV @ 8% (RM)		Faedah: RM17,452/800 / RM7,083,206 (25 th) RM17,452,800 / RM7,443,335 (50 th)
Nisbah Faedah/Kos@8%		
Kadar Pulangan Dalamann (IRR)		NPV @ 8% RM87,077 sehektar 1.72
NPV @10% (RM)		1.60 RM21,075,401
NPV @12% (RM)		1.50 RM15,350,847

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

	MUKASURAT
MAKLUMAT SYARIKAT	i
KELULUSAN RANCANGAN PENUBUHAN LADANG HUTAN	iv
AKRONIM	v
HAKCIPTA	vii
RINGKASAN EKSEKUTIF	ix
ISI KANDUNGAN	xvi
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang	2
1.1.1 Perundangan Projek Pembangunan Ladang Hutan	2
1.1.2 Pengurusan Ladang Hutan	4
1.1.3 Pengkelasan Hutan	6
1.1.4 Justifikasi Projek Pembangunan Ladang Hutan	8
1.2 Konsep Projek Pembangunan Ladang Hutan di Perak Darul Ridzuan	10
1.3 Kelulusan Permit Penggunaan Bagi Tujuan Projek Pembangunan Ladang Hutan	13
1.3.1 Maklumat Liput Raya Sdn Bhd	14
BAB 2 : MAKLUMAT ASAS KAWASAN PROJEK	
2.1 Lokasi	17
2.2 Maklumat Kawasan Projek	21
2.2.1 Sumber Hutan	23
2.2.1.1 Flora	23
2.2.1.2 Fauna	33
2.2.1.2.1 Mamalia	33
2.2.1.2.2 Burung	36
2.2.1.2.3 Amfibia dan Reptilia	39
2.2.2 Fisiografi dan Topografi	40

2.2.3	Iklim dan Saliran	44
2.2.4	Geologi dan Tanah	50
2.3	Maklumat Kawasan Persekitaran	56
2.3.1	Guna Tanah	56
2.3.2	Akses dan Komunikasi	60
2.3.3	Pengaruh Lain	61
BAB 3:	KONSEP PEMBANGUNAN PROJEK	
3.1	Penubuhan Ladang Hutan	64
3.1.1	Penzonan	65
3.1.2	Fasa Pembangunan Ladang	66
3.1.3	Kajian Kesesuaian Spesies – Tapak	70
3.1.3.1	Kelampayan	70
3.1.3.2	Pelbagai Spesies Hutan	74
3.1.3.2.1	Jati	74
3.1.3.2.2	Meranti	77
3.1.4	Penyediaan Sempadan	80
3.1.5	Penyediaan Tapak	80
3.1.5.1	Mitigasi	81
3.1.5.2	Pembalakan	81
3.1.5.3	Pembersihan Tapak	85
3.1.5.4	Penyediaan anak benih	86
3.1.5.5	Penanaman	86
3.1.6	Infrastruktur dan Kemudahan	86
3.1.6.1	Pembinaan Jalan	86
3.1.6.2	Sistem Pemparitan	90
3.1.6.3	Pejabat, Penginapan, Kemudahan Stor dan Bengkel	91
3.1.6.4	Tapak Semaian	94
3.1.6.4.1	Penjagaan Tapak Semaian	96
3.2	Pengurusan Ladang	99

3.2.1	Aktiviti Pengurusan	99
3.2.1.1	Penanaman Anak Pokok Spesies Kelampayan dan Pokok Hutan Pelbagai Spesies (Jati dan Meranti)	100
3.2.1.2	Rawatan Silvikultur	103
3.2.1.2.1	Pembajaan	103
3.2.1.2.2	Kawalan rumpai	104
3.2.1.2.3	Kawalan penyakit dan perosak	106
3.2.1.3	Kawalan Hakisan dan Tanaman Penutup Bumi	107
3.2.2	Operasi Pengusahaan	110
3.2.3	Mesin dan Jentera	111
3.2.4	Tenaga Kerja	112
3.2.5	Penanaman Semula	113
3.2.6	Hasil Hutan Bukan Kayu	114
3.2.6.1	Tanaman Betik	114
3.2.6.2	Tanaman Pisang	115
3.2.6.3	Tanaman Nenas	116
3.3	Pemeliharaan Biodiversiti	119
3.4	Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	120
 BAB 4 : KAWALAN, PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN KESELAMATAN		
4.1	Tindakan-tindakan Mitigasi Mengikut Fasa Penubuhan Ladang	123
4.2	Zon Penampan	128
4.3	Pengendalian Bahan Kimia dan Racun	133
4.4	Pencegahan Kebakaran	135
4.5	Pencegahan Serangan Perosak dan Penyakit	140
4.6	Kawalan Species Asing Merbahaya (<i>Invasive Alien Species</i>)	141
4.6.1	Species Flora	141
4.6.1.1	<i>Salvinia molesta</i> (Kariba Weed)	141
4.6.1.2	<i>Parthenium hysterophorus</i> (Parthenium Weed)	143
4.6.1.3	<i>Mikania micrantha</i> (Bitter Vine)	145
4.6.1.4	<i>Acacia mangium</i>	146

4.6.2	Spesies Fauna	147
4.6.2.1	<i>Rhinella marina</i> (Bufo Toads)	147
4.6.2.2	<i>Sturnus vulgaris</i> (European Starling)	148
4.7	Kawalan Keselamatan Fizikal	150
4.7.1	Pelan Tindakan Kecemasan	150
4.7.2	Objektif Pelan Tindakan Kecemasan	150
4.7.3	Asas Pelan Tindakan Kecemasan	151
4.7.4	ERP Tapak Projek	152
4.7.4.1	Organisasi	152
4.7.4.2	Tahap Pengelasan Kecemasan	155
4.7.4.3	Tanggungjawab Umum Komander (OSC) dan Pasukan Tindakan Kecemasan	155
4.7.5	Peralatan Kecemasan	158
4.7.6	Peluang Pekerjaan	158
4.8	Pencegahan Konflik antara Haiwan dengan Manusia	159
4.8.1	Kehilangan Hutan dan Habitat	160
4.8.2	Langkah Mitigasi bagi Kehidupan Liar dan Kehilangan Fauna	160
4.8.2.1	Konflik Manusia dan Hidupan Liar	161
4.8.2.2	Terbunuh di Jalan (<i>Roadkill</i>)	163
4.8.2.3	Kesalahan Berkaitan Hidupan Liar	164
4.8.3	Kawalan Fizikal	165
4.9	Keselamatan dan Kesihatan Pekerja	166
4.9.1	Kemalangan di Tempat Kerja	166
4.9.2	Pengendalian Agrokimia	166
4.9.3	Kawalan Peralatan	168
4.10	Penilaian Keberkesanan Pengurusan	169
4.10.1	Pemeriksaan Tapak	169
4.10.2	Penyelenggaraan dan Pemantauan	170
4.10.2.1	Semasa Pembangunan	170
4.10.2.2	Selepas Pembangunan	171
4.11	Pemantauan dan Pelaporan	172

4.12	Kajian Semula Rancangan Pengurusan Ladang Hutan	173
4.13	Pematuhan kepada Arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Yang Diberi Kuasa	173
BAB 5 :	MODAL INSAN	
5.1	Tenaga Kerja	175
5.2	Latihan	176
5.3	Penglibatan Wanita	177
BAB 6 :	KEWANGAN	
6.1	Anggaran Kos Penubuhan Pengurusan	179
6.1.1	Pendekatan	180
6.1.2	Andaian	181
6.1.2.1	Pembalakan Hutan Asli	181
6.1.2.2	Kelampayan	181
6.2	Analisa Kos dan Faedah	184
6.3	Strategi Pemasaran	188
BAB 7 :	RUMUSAN	
7.1	Kesimpulan	195
7.2	Pertimbangan	196
	SENARAI RUJUKAN	198
	SENARAI LAMPIRAN	201
	SENARAI JADUAL	201
	SENARAI RAJAH	203
	SENARAI PLAT	205

BAB 1 PENDAHULUAN

BAB 1 - PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Industri perkayuan memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi di Malaysia. Ia merupakan antara komoditi yang menjadi penyumbang utama bagi pendapatan eksport negara. Kayu dan produk keluaran kayu terutamanya perabot telah dieksport ke 160 buah negara di seluruh dunia. Sektor perkayuan di Malaysia juga menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih daripada 240,000 orang dan lebih kurang 3,500 buah kilang berasaskan kayu di negara ini. Sehubungan dengan itu, bekalan bahan mentah yang berterusan bagi industri berasaskan kayu-kayan adalah amat penting.

Kerajaan Persekutuan seawal 80'an telah mengenalpasti kepentingan penubuhan ladang hutan untuk menampung bekalan bahan mentah yang berterusan untuk industri berasaskan kayu-kayan. Oleh itu, kerajaan amat menggalakkan perlaburan sektor swasta dalam pembangunan ladang hutan. Usaha bersepadu antara pihak kerajaan dan swasta menyebabkan ladang hutan telah berkembang pesat dalam negara ini. Berhadapan dengan ketiadaan tanah-tanah kerajaan dan tanah bermilik yang sesuai untuk penanaman secara besar-besaran, kerajaan membenarkan penubuhan ladang hutan dalam hutan simpanan kekal (HSK) di mana sumber yang paling stabil bagi pembangunan projek tersebut.

Kerajaan negeri termasuk Perak turut menyokong ke atas keputusan tersebut. Ladang hutan yang terdapat penglibatan kerajaan dan swasta dikenali sebagai Projek Pembangunan Ladang Hutan.

1.1.1 Perundangan Projek Pembangunan Ladang Hutan

Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978 (Pindaan 1992) mengklasifikasikan HSK kepada empat fungsi utama iaitu Hutan Perlindungan, Hutan Berhasil (Pengeluaran), Hutan Lipur, serta Hutan Penyelidikan dan Pendidikan. Menurut DPN, Hutan Berhasil ialah hutan yang dibangunkan untuk tujuan bekalan yang berterusan, pengeluaran semua hasil hutan pada kadar yang munasabah secara ekonomik di dalam negara dan yang diperlukan untuk pertanian, penggunaan tempatan, perindustrian dan eksport. Hutan Berhasil ini diurus di bawah amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan bagi pengeluaran kayu-kayan secara berterusan. Ia juga menekankan kepentingan penubuhan ladang hutan untuk menampung bekalan mentah untuk industri pemprosesan berasaskan kayu-kayan serta menggalakkan perlaburan sektor swasta yang aktif dalam penubuhan dan pembangunan ladang hutan. Secara terperinci, DPN tersebut memfokus kepada perkara-perkara seperti berikut:

- Ladang hutan yang mencukupi akan ditubuhkan di seluruh negara untuk menampung bekalan kayu;
- Ladang hutan dari spesies-spesies cepat tumbesaran dan ladang hutan dari spesies-spesies bermutu tinggi akan digalakkan ditubuh di tapak-tapak yang sesuai; dan
- Pihak swasta akan digalakkan untuk melabur di dalam penubuhan dan pembangunan ladang hutan.

Isu kekurangan bekalan kayu balak telah dibangkit semula dan dibincangkan dalam Persidangan Majlis Perhutanan Negara (MPN) ke-20 pada 26 September 2006. MPN memperakui akan status kekurangan bekalan kayu balak tempatan dan mengesyorkan salah satu langkah untuk mengatasi masalah ini dengan mempertingkatkan usaha penanaman secara perladangan. Panduan bagi menjamin pengekalan sumber hutan negara telah disediakan dan ia merupakan teras utama untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara mampan yang selaras dengan keperluan sosio-ekonomi negara dan perlindungan alam sekitar. Mengikut Perlembagaan Malaysia, hal ehwal tanah dan perhutanan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang mempunyai hak mutlak ke atas sumber hutan. Dalam hal ehwal perhutanan, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam memberikan nasihat teknikal tentang pengurusan dan pembangunan hutan, menjalankan penyelidikan dan khidmat latihan. Ia telah digunapakai oleh semua negeri bertujuan meningkatkan kerjasama dan persefahaman di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mengurus, membangun dan mengekalkan sumber hutan negara.

Penubuhan ladang hutan adalah selaras dengan Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP 2009-2020) untuk meningkatkan bekalan kayu-kayan di masa hadapan. Teras 2 NATIP 2009-2020 telah mencadangkan pembekalan bahan mentah untuk membangunkan kawasan seluas 375,000 ha dalam tempoh 15 tahun bagi menghasilkan 75 juta m³ kayu. Di samping itu, Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi turut menyediakan galakan mendapatkan insentif pinjaman di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan.

Hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri di mana setiap negeri dipertanggungjawabkan untuk menggubal dasar dan undang-undang perhutanan masing-masing. Kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan hanya terhad untuk memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal, latihan serta menjalankan penyelidikan. Bagi memastikan pelaksanaan polisi dan program perhutanan dapat diselaraskan, Majlis Tanah Negara (MTN) telah diwujudkan di bawah Perlembagaan Persekutuan

sebagai platform kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk membincang perkara-perkara berkaitan polisi dan pengurusan perhutanan di Malaysia. MTN pada tahun 2012 telah bersetuju untuk meluluskan Zon Pembangunan Ladang Hutan (ZPLH) dalam HSK seluas 439,189 ha dan 100,000 ha daripadanya terletak di dalam Perak. Susulan daripada itu, Kerajaan Negeri Perak melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan (MMK) telah meluluskan penubuhan ZPLH dalam HSK Perak pada tahun 2012.

1.1.2 Pengurusan Ladang Hutan

Untuk memastikan HSK diurus secara berkekalan, "Dasar dan Strategi Pengurusan Hutan untuk Semenanjung Malaysia" telah dicadangkan pada tahun 1976 dan seterusnya diterima sebagai tambahan kepada Dasar Perhutanan Negara. Dasar tersebut digubal bagi memastikan penggunaan sepenuhnya sumber hutan, penghasilan yang berkekalan, faedah sosial dan ekonomi yang maksimum dan kestabilan alam sekitar. Dasar pengurusan serta objektif-objektifnya yang telah diterima adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengurus dan menggunakan sumber hutan bagi mendapatkan faedah yang maksimum berdasarkan keupayaan semulajadi dan rancangan pengurusan serta penggunaan tanah hutan yang menyeluruh.
- ii. Untuk menentukan hasil yang berpotensi dengan berpanduan kepada taksiran yang mendalam dan sistematik ke atas sumber hutan, daya ketumbuhannya dan faktor lain yang berkaitan.
- iii. Untuk mengusahakan hutan secara konservatif dengan cara tebangan memilih supaya meninggalkan anak benih semulajadi yang mencukupi selaras dengan tebangan yang berekonomik bagi memastikan asas sumber-sumber hutan yang berkekalan.
- iv. Untuk menggunakan dengan sebaik-baiknya sistem pengurusan hutan yang telah dirumuskan berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada teknik-teknik pengurusan yang bersepadu dan kajian-kajian operasi.
- v. Untuk memulihkan semula hutan yang telah diusahakan dan hutan miskin supaya dapat menghasilkan stok minimum yang bersamaan dengan dua puluh lima (25) pokok sehektar bagi

spesies-spesies dagangan yang berperepang 45 cm pada dada untuk menjamin pengeluaran balak yang berekonomik.

- vi. Untuk menubuhkan ladang hutan dengan spesies-spesies dagangan yang cepat tumbesar serta menggalakkan pelbagaigunaan hutan dan pemeliharaan alam sekitar semulajadi.

Selaras dengan polisi dan objektif-objektif pengurusan ladang hutan yang tersebut di atas, strategi-strategi berikut telah dirumuskan:


- a. Tanah hutan yang akan dibuka untuk projek pertanian hendaklah dirancang dengan teliti agar pengeluaran balak dapat dikawal serta menjamin penggunaan yang maksima. Peraturan-peraturan untuk tebang habis sesuatu kawasan akan dipatuhi sepenuhnya.
- b. Kajian tanah yang lengkap akan dijalankan bagi menentukan kawasan tanaman dan pemilihan spesies-spesies yang bersesuaian.
- c. Kawasan hutan yang sesuai akan ditentukan untuk dipelbagai gunakan selaras dengan tujuan untuk meningkatkan keperluan beriadah, pemeliharaan tanah dan air dan juga pemeliharaan flora dan fauna.

Pengetahuan serta kefahaman mengenai pusingan pemulihan hutan sehingga mencapai tahap kematangan adalah penting dalam menentukan pembangunan hutan semulajadi. Pengetahuan ini adalah amat berguna bagi pengurusan sesuatu kawasan hutan. Matlamat yang paling diutamakan di dalam pengurusan hutan secara berkekalan ialah bagi mendapatkan kadar tebang tahunan yang seimbang dengan kadar penghasilan berkekalan supaya kenaikan min tahunan bersamaan dengan tebang tahunan. Dalam hal yang demikian komposisi hutan pengeluaran tidak semestinya sama dengan hutan telah matang.

1.1.3 Pengkelasan Hutan

Secara umumnya, HSK dikelaskan kepada dua (2) kategori yang utama iaitu hutan pengeluaran dan hutan perlindungan. Untuk mengurus sumber hutan di Negeri Perak dengan lebih intensif di bawah konsep penghasilan kayu yang berkekalan, kawasan hutan dalam HSK diklasifikasikan mengikut kelas kecerunan serta salah satu atau lebih dari kelas fungsi hutan sebagaimana dikehendaki dibawah Seksyen 10 (1) Akta Perhutanan Negara, 1984. **Rajah 1.1** menunjukkan pengelasan HSK di Negeri Perak:

BIL.	JENIS PENGKELASAN	LUAS (HA)
1	Hutan Pengeluaran	522,581.15
2	Hutan Perlindungan Tanah	190,162.82
3	Hutan Tebus Guna Tanah	3,216.00
4	Hutan Kawalan Banjir	-
5	Hutan Tadahan Air	295,400.34
6	Hutan Perlindungan Hidupan Liar	255.00
7	Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR)	6,545.00
8	Hutan Lipur	3,151.00
9	Hutan Pelajaran	50.00
10	Hutan Penyelidikan	1,797.00
11	Hutan Bagi Maksud Persekutuan	-
12	Hutan Taman Negeri	117,500.00



Rajah 1.1: Pengelasan HSK di Negeri Perak

Projek Pembangunan Ladang Hutan dibangunkan dalam hutan pengeluaran untuk membekalkan kayu-kayan secara berkekalan kepada industri berasaskan kayu di samping mengurangkan tekanan dan permintaan yang tinggi ke atas sumber hutan asli yang sedia ada.

1.1.4 Justifikasi Projek Pembangunan Ladang Hutan

Secara umumnya, pertumbuhan industri berasas kayu di Perak adalah bergantung secara langsung kepada keupayaan bekalan kayu-kayan daripada kawasan hutan asli sama ada dari kawasan HSK, Hutan Tanah Kerajaan ataupun Tanah Bermilik. Namun begitu, pertumbuhan industri ini yang pesat pada akhir 70'an telah mengalami penurunan. Di Perak sahaja, banyak industri berasas kayu terutamanya kilang papan lapis, kilang kayu gergaji dan kilang perabot beroperasi di bawah kapasiti keupayaan sebenar. Kajian mendapati faktor utama yang menyumbang kepada perkara ini adalah disebabkan oleh kekurangan bekalan kayu balak yang merupakan bahan mentah utama kepada industri ini. Usaha-usaha dalam mengatasi masalah ini perlu diambil kira bagi memastikan industri-industri berasas kayu di negeri ini tidak terus terkubur. Projek Pembangunan Ladang Hutan perlu diteruskan kerana dapat dilihat berjaya mengatasi masalah kekurangan bahan mentah kayu balak melalui penanaman semula kawasan hutan sudah kerja dengan spesies-spesies yang cepat membesar.

Seperti isu yang diutarakan oleh MPN dan NATIP, Projek Pembangunan Ladang Hutan merupakan salah satu amalan yang penting untuk menjamin bekalan kayu-kayan yang mencukupi dan berterusan kepada industri kayu-kayan. Kajian menunjukkan ladang hutan dapat membekalkan kayu-kayan sebanyak tiga (3) kali ganda lebih tinggi dari hutan asli bagi setiap keluasan yang sama dan tempoh yang lebih singkat berbanding dengan hutan asli. Spesies dagang atau tempatan yang dipilih tersebut mempunyai kadar pertumbuhan yang lebih cepat berbanding dengan kebanyakan spesies hutan. Selain itu, penanaman dan pengurusan yang sistematik turut meningkatkan kadar hidup dan pertumbuhannya. Kejayaan ladang hutan untuk membekalkan bahan mentah yang berterusan kepada industri kayu-kayan telah terbukti di luar negara. Yang penting sekali, ladang hutan akan membantu mengekalkan pembangunan industri berasaskan kayu di negara ini. Ketersediaan berterusan bagi industri kayu tempatan dan eksport di masa hadapan terutamanya dalam mencapai sasaran pendapatan RM50 billion menjelang 2020 yang ditetapkan oleh NATIP 2011.

Di samping itu, konsep ladang hutan adalah dihargai dan diterima oleh kebanyakan pengguna di peringkat antarabangsa dan ia tidak menghadapi tekanan daripada Kempen Anti Kayu Tropika. Orang awam terutamanya Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sering membantah aktiviti pembalakan di dalam HSK dan kawasan hutan harus dilindungi sepenuhnya. Akan tetapi aktiviti tersebut tidak dapat dielakkan sepenuhnya untuk memastikan industri kayu-kayan berjalan lancar demi kebaikan sosio ekonomi negara. Oleh itu, Projek Pembangunan Ladang Hutan amat penting dan dapat mengurangkan tekanan pembekalan bahan mentah kepada industri kayu-kayan di Malaysia. Projek Pembangunan Ladang Hutan

yang bertujuan untuk membekalkan kayu-kayan bermutu sederhana serta berpatutan harganya dapat mengurangkan tekanan ke atas kebergantungan kepada bekalan sumber asli dari hutan asli bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam industri perkayuan. Secara tidak langsung, hutan asli dapat dilindungi pada masa depan dan hanya menjalankan penebangan pokok secara minima kerana bekalan sumber asli yang berkekalan adalah dari ladang hutan. Peranan hutan asli boleh ditumpukan kepada fungsi-fungsi lain yang lebih penting seperti pengekalan sumber air yang bersih, penstabilan cuaca dan alam sekitar, sumber pengekalan biodiversiti flora dan fauna.

Selain daripada menjamin bekalan kayu-kayan yang mencukupi dan berterusan, ladang hutan juga dapat menggantikan kawasan hutan miskin atau terosot bagi meningkatkan daya pengeluaran kawasan tersebut dan memperbaiki keadaan tanah berkenaan. Kerajaan Negeri Perak telah meluluskan suatu kawasan di dalam HSK yang sesuai untuk membangunkan ladang hutan dan dikenali sebagai ZPLH. Penzonan tersebut berasaskan maklumat yang diperolehi daripada Inventori Hutan Nasional, Inventori Hutan Sebelum Tebangan, tinjauan atau survei ke atas kawasan terokaan haram dan kawasan tanaman pindah serta kawasan terosot disebabkan insiden kebakaran hutan, penyakit dan serangan serangga. Kesemua kawasan tersebut dikenalpasti dan dizonkan sebagai hutan miskin atau terosot dan sesuai untuk pembangunan ladang hutan. Maka Projek Pembangunan Ladang Hutan dapat menghidupkan alam sekitar dan meningkatkan kualiti hutan yang asalnya berisipadu hutan rendah ditanam dengan pokok-pokok yang cepat tumbuh dan bersesuaian. Ini adalah sejajar dengan pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Tanaman 100 juta Pokok yang bertujuan untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia.

Tambahan pula, penglibatan swasta dalam program ini dapat mengurangkan kos rawatan yang ditanggung oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak semasa melaksanakan projek mengayakan stok dirian hutan di kawasan yang miskin atau terosot serta mengurangkan kos pemulihan di kawasan lapang, kawasan lombong, kawasan bekas teroka dan kawasan dominasi tumbuhan buluh yang terdapat dalam HSK.

Projek Pembangunan Ladang Hutan boleh mengurangkan tekanan terhadap pembalakan di HSK di samping menjamin kemajuan industri berasaskan kayu yang merupakan salah satu dari penggerak ekonomi dalam negeri. Lagipun, Projek Pembangunan Ladang Hutan dapat mempelbagaikan ekonomi di dalam negeri dengan menyediakan peluang-peluang untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi kepada sektor swasta. Projek Pembangunan Ladang Hutan dapat meningkatkan pembuatan produk hutan

seperti kayu balak, kayu arang, produk makanan, produk ternakan dan lain-lain. Secara dasarnya, Projek Pembangunan Ladang Hutan akan mendapat pulangan pelaburan yang baik dan terjamin.

Selain itu, ia juga dapat mengurangkan import kayu-kayan dari luar negara yang menyebabkan pengaliran wang ke luar negara. Ini akan menyebabkan ringgit Malaysia mendapat tekanan sehingga merendahkan nilainya. Lagipun, Projek Pembangunan Ladang Hutan lebih ke arah mengupah masyarakat tempatan sebagai pekerja ladang maka ini akan menyediakan peluang-peluang pekerjaan di kawasan luar bandar dan juga dapat menjimat duit serta mengawal aliran ringgit. Sosio ekonomi setempat dan kebolehcapaian ke sesuatu kawasan pedalaman dapat dipertingkatkan serta pembangunan setempat dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Selain itu, kayu-kayan bermutu sederhana dengan harga yang berpatutan dapat mengurangkan beban rakyat yang berpendapatan rendah.

Kesimpulannya, Projek Pembangunan Ladang Hutan yang dibangunkan secara besar-besaran ini bukan semata-matanya untuk keuntungan syarikat sahaja tetapi demi kelestarian alam sekitar dan kepentingan negara serta negeri. Ia dapat memaksimumkan penggunaan tanah, memperbaiki biodiversiti, meningkatkan proses penghasilan biomass dan menjadikan iklim mikro lebih sempurna. Projek Pembangunan Ladang Hutan juga memainkan peranan yang penting dari segi aktiviti persekitaran dan sosial bagi penghuni hutan.

1.2 Konsep Projek Pembangunan Ladang Hutan di Perak Darul Ridzuan

Konsep Projek Pembangunan Ladang Hutan yang paling utama sekali adalah status tanah ladang hutan tersebut masih kekal sebagai HSK. Kerajaan Negeri Perak melalui MMK telah meluluskan penubuhan ZPLH dalam HSK Perak pada tahun 2012. ZPLH terletak di hutan pengeluaran yang mempunyai purata isipadu kasar penstokan hutan kurang daripada 153m³/hektar bagi pokok-pokok bersaiz 30cm perepang ke atas. Hutan terosot tersebut mungkin diakibatkan oleh aktiviti pencerobohan, lebihan pembalakan (*over logging*), penerokaan haram, tanaman pindah, kebakaran hutan, penyakit dan serangan serangga. Selain itu, kawasan tersebut tidak terlibat dengan kawasan tadahan air dan bekalan air untuk masyarakat.

Kelulusan Projek Pembangunan Ladang Hutan diberikan kepada syarikat melalui permit penggunaan bagi tujuan Projek Pembangunan Ladang Hutan dengan tempoh pajakan yang terhad sahaja dan biasanya adalah 50 tahun.

Ladang hutan didefinisikan sebagai kawasan yang ditanam dengan pokok atau tumbuh-tumbuhan hutan atau spesies ladang hutan dengan kaedah tanaman secara terbuka yang luasnya tidak kurang daripada 50 ha. Spesies ladang hutan yang dibenarkan adalah spesies pokok tempatan atau dagang yang mempunyai pulangan ekonomik dan mempunyai pusingan tebang yang munasabah dengan regim pengurusan serta silvikultur yang sesuai. Kerajaan Negeri Perak telah mengenalpasti 10 spesies yang sesuai ditanam dalam HSK Perak dan menggalakkan penanaman pelbagai spesies untuk mengelakkan keburukan dan risiko dengan penanaman mono spesies. Senarai spesies yang diluluskan untuk ditanam adalah seperti berikut:

- i. Batai (*Paraserianthes falcataria*)
- ii. Getah Klon Balak (*Hevea* spp.)
- iii. Khaya (*Khaya ivorensis*)
- iv. Jati (*Tectona grandis*)
- v. Kelampayan (*Neolamarckia cadamba*)
- vi. Binuang (*Octomeles sumatrana*)
- vii. Sentang (*Azadirachta excelsa*)
- viii. Eucalyptus (*Eucalyptus* spp.)
- ix. Karas (*Aquilaria* spp.)
- x. Jelutong (*Dyera costulata*)

Projek Pembangunan Ladang Hutan mengamalkan Kaedah Tebang Habis Bersyarat. Kaedah Tebang Habis Bersyarat bermaksud tebang habis akan dijalankan di kawasan projek tetapi sesetengah kawasan akan dilindungi sebagai kawasan perlindungan tanah. Ciri-ciri kawasan perlindungan tanah adalah seperti berikut:

- i. Kawasan yang mempunyai ketinggian melebihi 1,000-meter dari aras paras laut;
- ii. Kawasan berkecerunan melebihi 40°;
- iii. Kawasan yang mempunyai sejarah kejadian tanah runtuh ataupun kawasan yang berpotensi tinggi untuk mengalami tanah runtuh di masa hadapan;
- iv. Zon penampakan alur air bagi semua sungai kekal di dalam kawasan projek hendaklah dikekalkan; dan
- v. Kawasan bersebelahan kawasan projek mempunyai fungsi HSK tertentu mengikut kehendak Pengarah Perhutanan Negeri Perak.

Selain itu, kawasan berhutan yang mengandungi ciri-ciri estetik yang menarik, mempunyai kepentingan serta nilai yang tinggi dari segi budaya dan adat resam penduduk tempatan ataupun mempunyai kandungan kepelbagaian hayat yang sesuai untuk dibangunkan sebagai *High Value Conservation Forest* (HCVF) dan spesies-spesies fauna dan flora yang dilindungi dan terancam juga tidak sesuai dibangunkan sebagai ladang hutan. Kawasan berhutan juga tidak terbabit dengan Simpanan Hutan Dara (VJR), petak-petak kajian, petak-petak contoh dan projek-projek kerjasama Jabatan Perhutanan.

Selain daripada itu, sekiranya terdapat kawasan yang berkecerunan di antara 35° hingga 40° serta ketinggian di antara 600-meter hingga 1,000-meter dari paras laut maka kawasan tersebut tidak dibenarkan menjalankan kerja teres untuk mengurangkan gangguan tanah dan hakisan tanah. Syarikat dikehendaki menanam pokok spesies hutan yang bersesuaian di dalam kawasan berkenaan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Perak telah merancang untuk penubuhan ladang hutan secara berperingkat dengan fasa-fasa pembangunan yang telah dikenal pasti untuk mengelakkan pembukaan yang besar pada satu masa yang sama.

Ladang hutan mempunyai ciri-ciri pertanian maka dijangka akan melibatkan kerja-kerja tanah dan memberi impak besar kepada alam sekitar. Demi pembangunan tetapi tidak mengabaikan alam sekitar, pengusaha Projek Pembangunan Ladang Hutan dikehendaki menyediakan laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA) bagi projek tersebut. Pengusaha Projek Pembangunan Ladang Hutan hendaklah mengadakan kerja-kerja mitigasi sebelum, semasa dan selepas di tapak projek untuk mengurangkan impak-impak projek kepada alam sekitar.

Bukan sahaja risiko kepada alam sekitar, penglibatan dalam ladang hutan ataupun industri berdasarkan pertanian boleh dikatakan mempunyai risiko yang tinggi kerana ianya memerlukan pelaburan modal yang agak tinggi tetapi memberi pulangan yang rendah. Ini adalah kerana industri berasaskan pertanian memerlukan kawasan yang luas, perkembangan teknologi, kepakaran, buruh yang ramai dan di kawasan yang mempunyai kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan yang rendah. Semua ini akan mengurangkan menarik minat pelabur atau penglibatan pihak swasta. Walau bagaimanapun, industri ini akan memberi pulangan yang baik dan berdaya maju serta menguntungkan negara jika terdapat perancangan dan pengurusan yang baik.


Oleh yang sedemikian, Rancangan Pengurusan Ladang Hutan (RPLH) perlu disediakan. RPLH ini dihasilkan berdasarkan "Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 2 Tahun

2017: Format Rancangan Pengurusan Ladang Hutan”. Ianya akan menjadi dokumen rujukan asas kepada pengusaha Projek Pembangunan Ladang Hutan untuk menguruskan dan membangunkan ladang hutan dengan cekap dan berkesan. Keperluan untuk menyediakan RPLH diwajibkan ke atas setiap permit penggunaan bagi tujuan Projek Pembangunan Ladang Hutan di dalam HSK Perak. RPLH ini merangkumi rancangan pembangunan dan pengurusan Projek Pembangunan Ladang Hutan di kawasan tersebut selama 50 tahun berdasarkan perundangan sedia ada, laporan EIA dan pengurusan ladang hutan secara berkekalan seperti yang disusulkan dalam *Malaysia Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management* [MC&I (SFM)]. *Midterm review* RPLH perlu diadakan untuk kebaikan syarikat dan Kerajaan Negeri Perak. Walau bagaimanapun, RPLH ini adalah dokumen yang boleh dibuat pindaan dan kandungannya akan ubah mengikut keadaan dan rancangan dari semasa ke semasa berdasarkan data-data terkini, penemuan baru, idea dan kajian terbaru.

1.3 Kelulusan Permit Penggunaan Bagi Tujuan Projek Pembangunan Ladang Hutan

Kerajaan menggalakkan penyertaan lebih banyak sektor swasta dalam penubuhan ladang hutan bagi memenuhi kekurangan bekalan kayu semasa di Malaysia. Dalam hal ini, Liput Raya Sdn Bhd (LRSB) telah menyahut cabaran ini untuk melibatkan diri dalam Projek Pembangunan Ladang Hutan. Matlamat syarikat adalah untuk mengeksploitasi dan mempelopori industri penghasilan balak dengan melaksanakan kerja-kerja penanaman semula pokok balak. Dengan hasrat tersebut, syarikat telah merancang untuk membangunkan Projek Pembangunan Ladang Hutan dengan tanaman Kelampayan dan pokok hutan pelbagai spesies seperti Meranti dan Jati.

Ke arah usaha ini, Kerajaan Negeri Perak telah meluluskan Permit Penggunaan bagi tujuan Projek Pembangunan Ladang Hutan di Hutan Simpan Bukit Slim, Daerah Hutan Perak Selatan (lihat **Rajah 1.1**) selama 50 tahun dengan keluasan 400 hektar (ha) kepada LRSB seperti dalam Rujukan Surat: PPN. Pk (S) 800/9/9 Jilid 2(20) bertarikh 10 September 2020 dan pindaan petak seperti dalam surat Rujukan Surat: PPN. PK.600/16/69 () bertarikh 22 April 2022 (lihat **Lampiran 1.1**). Kawasan kelulusan tersebut terletak di dalam sebahagian kompartmen 78 dan 79 dalam Hutan Simpan Bukit Slim, Daerah Hutan Perak Selatan.



Rajah 1.2: Pelan kawasan kelulusan Projek Pembangunan Ladang Hutan di dalam Hutan Simpan Bukit Slim, Daerah Hutan Perak Selatan bagi Liput Raya Sdn Bhd


1.3.1 Maklumat Liput Raya Sdn Bhd

LRSB adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang berdaftar pada 8 Julai 2008 dengan nombor pendaftaran 824490-W (**Lampiran 1.2**) yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965.

Syarikat telah ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti pertanian seperti penanaman pokok buah-buahan dan pokok hutan serta terlibat dalam pelbagai jenis aktiviti lain seperti aktiviti pembalakan. Syarikat ini memulakan aktiviti penanaman pokok selaras dengan inisiatif kerajaan untuk menggalakkan penyertaan lebih banyak sektor swasta dalam usaha penubuhan ladang hutan.

Syarikat ini akan bekerjasama dengan rakan kongsi bagi mengurus dan membangunkan projek ini. Kawasan tersebut akan dikendalikan dan diuruskan oleh pasukan projek yang berpengalaman dalam industri berasaskan pertanian untuk memajukan Projek Pembangunan Ladang Hutan. Bagi mematuhi undang-undang serta keperluan perladangan hutan, agensi perunding perhutanan Darryl Isaac

Resources telah dilantik untuk menyediakan RPLH. Carta organisasi syarikat adalah seperti **Rajah 1.3** di bawah.




Rajah 1.3: Carta Organisasi Liput Raya Sdn. Bhd.

BAB 2 MAKLUMAT ASAS PROJEK

BAB 2 MAKLUMAT ASAS KAWASAN PROJEK

2.1 Lokasi

Aktiviti perladangan dan pembalakan hutan yang akan dijalankan dalam Projek Pembangunan Ladang Hutan adalah selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak (MMK) pada 16 Mei 2012 dan Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP 2009-2020). Berdasarkan Pelan Cadangan 2035 Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Muallim & Sebahagian Daerah Batang Padang, tapak projek terletak di bawah Blok Perancangan (BP) 2 di mana kawasan tersebut diklasifikasikan sebagai kawasan hutan. Tapak projek terletak di Sebahagian Kompartmen 78 dan 79, Hutan Simpan Bukit Slim, Mukim Slim dalam pentadbiran Daerah Muallim, Perak. Dari segi daerah pentadbiran hutan, tapak projek terletak sepenuhnya di Daerah Muallim. Pelan dan lokasi tapak projek ditunjukkan dalam **Rajah 2.1**.



Sumber: Wiranda (M)Sdn. Bhd.


Rajah 2.1: Kedudukan Tapak Projek dalam Daerah Muallim

18 | Page




Syarikat akan membina jambatan yang melintasi Sg Slim dan akan mendapat persetujuan dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Perak sebelum pembinaan dimulakan. Terdapat satu matau yang ada di dalam kawasan hutan simpanan kekal (HSK). Lokasi matau tersebut ditunjukkan dalam

Rajah 2.1. Jalan masuk utama akan melalui kawasan pertanian yang sedia ada dan Lebuhraya Pantai Barat (masih di tahap pembinaan). Walaupun Projek Pembangunan Ladang Hutan ini terletak di dalam HSK dan dikelilingi oleh ladang lain di bahagian barat tapak projek, terdapat beberapa penempatan Orang Asli berdekatan iaitu Kampung Orang Asli Sg Gesau, Kampung Orang Asli Pos Bersih dan Kampung Ulu Slim terletak kira-kira 4 km daripadanya (lihat **Rajah 2.3**)



Rajah 2.3: Kedudukan kampung yang berdekatan dengan tapak projek

Tapak projek keseluruhannya terletak di dalam HSK. Berdasarkan rekod Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Hutan Simpan Bukit Slim seluas 37,440.87 ha merupakan sebuah HSK yang diwartakan sepenuhnya dan dilengkapi dengan nombor pendaftaran warta iaitu 2134 yang diwartakan pada 24 Mac 1933 (JPNPk 2016). Tapak projek terletak di sebahagian Kompartmen 78 dan 79 dalam Hutan Simpan Bukit Slim, Daerah Perak Selatan dengan keluasan 400 hektar. Projek Pembangunan Ladang Hutan tersebut melibatkan sebanyak empat (4) petak seperti di **Rajah 2.4**. Pecahan petak adalah seperti di **Jadual 2.1**.



Rajah 2.4: Pecahan petak dalam Projek Pembangunan Ladang Hutan


Jadual 2.1: Petak, Fasa dan Keluasan

PETAK	FASA	KELUASAN KAWASAN (hektar)	TEMPOH
PETAK 1	4	100	6-8 bulan
PETAK 2	3	100	6-8 bulan
PETAK 3	1	100	6-8 bulan
PETAK 4	2	100	6-8 bulan
JUMLAH		400	


Kerja-kerja pembangunan akan bermula di Petak 3 (P3) diikuti dengan Petak 4 (P4), Petak 2 (P2) dan Petak 1 (P1). Fasa Pembahagian petak tersebut dapat memaksimumkan penggunaan pekerja kerana tenaga kerja dapat dibahagikan dengan baik serta memudahkan sebarang perancangan baru dan pembaziran tenaga kerja dapat dielakkan. Dengan itu, operasi setiap fasa dapat dikawal dengan baik. Selain itu, kerja-kerja pembukaan kawasan diikuti dengan kerja-kerja penanaman mengurangkan pembukaan ruang yang besar secara serentak dan ini dapat mengurangkan hakisan tanah terutamanya larian permukaan tanah.

2.2 Maklumat Kawasan Projek

Tapak projek ialah hutan sekunder dalam Hutan Simpan Bukit Slim. Tanah ini telah disetujui untuk penanaman ladang hutan dan penuaian kayu oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak untuk dikembangkan oleh Liput Raya Sdn Bhd (LRSB) kira-kira 400 hektar (988.42 ekar). Untuk pengelasan hutan, kawasan ini berada di bawah hutan pengeluaran dalam Akta Perhutanan Nasional 1984. Kapasiti tapak projek bergantung pada spesifikasi penanaman termasuk spesies, jenis putaran penuaian, kesesuaian keadaan dan lain-lain. Selain hutan, aktiviti penggunaan tanah utama yang terdapat di sekitar tapak projek adalah pertanian, yang merupakan kebun kelapa sawit dan getah. Kawasan ladang kebanyakannya terletak di bahagian barat dan barat daya tapak projek. **Rajah 2.5** menunjukkan kegunaan tanah kawasan projek.




Rajah 2.5 Kegunaan tanah tapak projek



Rajah 2.6 Kawasan persekitaran tapak projek

Seperti yang dimaklum sebelum ini, tapak projek dapat dicapai dengan mudah dari bandar Slim River dengan melalui Jalan Slim River - Tg. Malim sejauh kira-kira 10 km dan belok kiri ke Jalan Ulu Slim sejauh kira-kira 12 km. Kemudian belok kanan ke jalan pembalakan yang belum dibina yang terletak di sebelah barat tapak projek dan akan digunakan semasa fasa pengembangan dan operasi. Di samping itu, mengikut perancangan asal, jalan masuk akan melalui jalan persendirian lain seperti ESPEK RISDA dan MB Inc. Laluan sedia ada tersebut akan digunakan sebagai laluan alternatif sekiranya perlu. **Rajah 2.6** telah menunjukkan kawasan persekitaran tapak projek. **Plat 2.1** dan **Plat 2.2** menunjukkan persekitaran tapak projek dan kampung orang asli berhampiran di tapak projek. Terdapat dua penempatan orang asli di kawasan tapak projek, Kampung Orang Asli (Pos Bersih) dan Kampung Orang Asli Gesau. Penempatan ini terletak dalam radius 3.0km dari tapak projek.



Plat 2.1: Persekitaran tapak projek



Plat 2.2: Kampung orang asli berhampiran

2.2.1 Sumber Hutan

Kawasan projek seluas 400 ha dalam Hutan Simpan Bukit Slim terdiri jenis ciri-ciri landskap dari kawasan rendah hingga kawasan berbukit. Ia masih mempunyai hutan yang baik dan kawasan urban di bahagian barat yang secara tidak langsung mempengaruhi komuniti fauna. Atribut habitat in-situ masih berhutan; dipengaruhi oleh sungai dan anak sungai yang ada yang secara semula jadi mengalir melalui tapak projek menentukan kumpulan spesies yang berbeza.

2.2.1.1 Flora


Tapak projek dikategorikan sebagai hutan tanah rendah. Ini adalah salah satu hutan yang paling kompleks, padat dan kaya dengan spesies. Ia mempunyai nilai yang besar untuk pemuliharaan hidupan liar dan penyelidikan saintifik. Istilah hutan hujan tropika yang digunakan untuk menggambarkan hutan di mana terdapat kekurangan air di mana iklimnya sentiasa panas. Kajian mengenai flora dilakukan pada 1 hingga 9 Disember 2020 bertujuan untuk mengkaji kepelbagaian dan komposisi spesies serta perkiraan biomas tanah di atas di lokasi projek.

Objektif khusus tinjauan adalah:

- Untuk mengenal pasti spesies flora di dalam tapak projek;
- Untuk menentukan status pemuliharaan flora yang direkodkan dalam batas yang ditentukan dari tapak projek berdasarkan Senarai Merah Malaysia dan Senarai Merah IUCN spesies yang Terancam;
- Untuk mengenal pasti potensi kesan terhadap spesies flora dan mengesyorkan langkah-langkah pengurangan yang diperlukan.

Hasil tinjauan menunjukkan sebanyak 81 Famili, 194 genera, dan 273 spesies tumbuhan dari 174 spesies pokok (T), 31 spesies pokok renek (S), 16 spesies herba (H), 34 spesies pendaki (C), 6 spesies sawit (P), dan 12 spesies pakis direkodkan. Leguminosea adalah keluarga terbesar dengan 16 spesies, 10 genera, diikuti oleh keluarga Rubiaceae dengan 15 spesies 13 genera dan keluarga lain adalah Euphorbiaceae dan Anacardiaceae direkodkan dengan masing-masing 13 spesies. Selain itu, keluarga lain seperti Moraceae, Myristicaceae dan Clusiaceae juga menyumbang sejumlah spesies di kawasan ini (**Jadual 2.2**). Sebilangan flora adalah seperti yang ditunjukkan di **Plat 2.3**.

Jadual 2.2: Menunjukkan 10 spesies pokok yang dominan di kawasan projek



Plat 2.3: Sebilangan flora di kawasan projek



Jadual 2.3 menunjukkan senarai flora yang ditemui di kawasan projek. Kebanyakan tumbuh-tumbuhan di kawasan projek diwakili oleh keluarga Leguminosea, Rubiaceae, Euphorbiaceae dan Anacardiaceae.

Jadual 2.3: Senarai flora yang ditemui di kawasan projek

FAMILY	SPECIES	STATUS MALAYSIA	PLANT HABIT
Acantaceae	<i>Asystasia gangetica</i> (L.) T. Anderson	NE	H
Acanthaceae	<i>Chroesthes longifolia</i> (Wight) B. Hansen	NE	S
Actinidiaceae	<i>Saurauia pentapetala</i> (Jack) Hoogland	NE	T
Adiantaceae	<i>Adiantum latifolium</i> Lam.	NE	F
Adiantaceae	<i>Taenitis blechnoides</i> (Willd.) Sw.,	NE	F
Anacardiaceae	<i>Bouea oppositifolia</i> (Roxb.) Meisn.	NE	T
Anacardiaceae	<i>Buchanania arborescens</i> (Blume) Blume	NE	T
Anacardiaceae	<i>Camptosperma auriculatum</i> (Blume) Hook.f.	NE	T
Anacardiaceae	<i>Gluta malayana</i> (Corner) Ding Hou	NE	T
Anacardiaceae	<i>Gluta wallichii</i> (Hook. f.) Ding Hou	NE	T
Anacardiaceae	<i>Mangifera caesia</i> Jack	NE	T
Anacardiaceae	<i>Mangifera griffithii</i> Hook. f.	NE	T
- iii. Tapak projek dapat dicapai dengan mudah dari bandar Slim River dengan melalui Jalan Slim River - Tg. Malim sejauh kira-kira 10 km dan belok kiri ke Jalan Ulu Slim sejauh kira-kira 12 km. Ia dianggap kelebihan utama bagi tapak projek ini kerana mempunyai akses yang mudah bagi kerja-kerja pengangkutan biji benih, bahan mentah, mesin, jentera, baja dan lain-lain yang berkaitan dengan kerja-kerja pembangunan ladang hutan kelak; dan
- iv. Tapak projek berada dalam kedudukan yang memenuhi keperluan zon penanaman.

3.1.1 Penzonan

Salah satu langkah yang paling penting semasa peringkat pra-perancangan ialah tapak projek mesti disusun menjadi beberapa zon yang berbeza untuk aktiviti pembalakan, penyediaan tapak dan penanaman. Ini diperlukan untuk operasi kawalan dan memaksimumkan penggunaan sumber dalam jangka masa yang ditentukan. Pengusaha projek telah membahagi tapak projek menjadi empat (4) petak untuk pengembangan kegiatan Projek Pembangunan Ladang Hutan. Cadangan untuk membuat penzonan di kawasan tapak projek adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti yang dijelaskan di bawah:

- 1) Untuk meminimumkan kesan negatif yang mungkin timbul terhadap persekitaran yang terdapat di dalam dan sekitar kawasan tapak projek terutamanya semasa aktiviti pembalakan, penebangan, pembersihan tapak dan aktiviti penanaman;
- 2) Menjalankan aktiviti pengembangan projek pembalakan dan penanaman pokok di petak demi petak atau fasa demi fasa dapat membantu pengusaha projek dalam mengendalikan dan mengurus kos buruh, transaksi kewangan, perbelanjaan dan mesin yang diperlukan dalam pengurusan ladang hutan;

- 3) Untuk memberi masa kepada hidupan liar yang terdapat di kawasan tapak projek untuk bermigrasi secara semula jadi dan berpindah ke kawasan HSK yang berdekatan serta memastikan bahawa tidak ada hidupan liar yang terperangkap, cedera atau terbunuh di ketika projek yang dijalankan; dan
- 4) Kawasan zon atau petak yang belum dibersihkan dapat digunakan sementara sebagai zon penampungan semula jadi untuk air sungai, kebisingan, pencemaran udara, debu dan hakisan yang mungkin terjadi akibat daripada aktiviti pembalakan dan penyediaan tapak di zon kawasan kerja yang aktif.

3.1.2 Fasa Pembangunan Ladang

Projek Pembangunan Ladang Hutan ini melibatkan pertukaran 400.0 hektar kawasan tanah di Hutan Simpan Bukit Slim sebahagian Kompartmen 78 dan 79 dalam Hutan Simpan Bukit Slim, Daerah Perak Selatan, Perak dari hutan asli kepada ladang hutan. Konsep projek adalah untuk meningkat dan memulihkan tanah hutan yang bernilai rendah kepada kawasan tanah hutan yang mempunyai produktiviti tinggi di mana ia dapat memberikan keuntungan kepada dua pihak iaitu LRSB dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Kawasan tapak projek mempunyai pokok kayu yang rendah dari segi nilai komersil, semak samun dan spesies buluh dijumpai di sekitar tapak projek. Pengusaha projek akan membangunkan secara berfasa bagi pejabat tapak, tapak semaian, tempat tinggal pekerja, kemudahan penyimpanan dan utiliti di lokasi yang dipilih di dalam kawasan tapak projek. Infrastruktur seperti jalan ladang, sistem pengairan, dan jambatan.


Projek ini akan dimulakan dengan aktiviti pembalakan secara tebang habis dan pembukaan tanah bagi peringkat awal seterusnya diikuti oleh membuat barisan, membuat lubang, tanaman penutup bumi dan penanaman Kelampayan manakala penanaman pokok hutan pelbagai spesies (Jati dan Meranti). Pokok hutan pelbagai spesies (Jati dan Meranti) dipilih kerana ia merupakan spesies yang akan bertindak sebagai tanaman restorasi. Seterusnya diikuti dengan fasa 2 dengan proses kerja yang sama sehingga selesai fasa keempat. Sebelum aktiviti pembangunan ladang hutan, pokok-pokok yang sedia ada akan dituai terlebih dahulu mengikut petak dan fasa. Tapak projek ini dibahagikan kepada empat (4) petak yang terdiri daripada P1 hingga P4. Seterusnya semasa penanaman, petak dibahagikan mengikut Blok Tanaman (BP). Perincian mengenai petak, blok dan fasa yang dicadangkan untuk Projek Pembangunan Ladang Hutan seperti ditunjukkan dalam **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1: Fasa Pembangunan Ladang Hutan

No	Petak	Fasa	Blok	Keluasan Blok (Ha)	Jumlah Keluasan (Ha)	Jumlah Keluasan Kawasan Tanaman (Ha)	Tahun Tanam
1	Petak 1	4	B14	5.78	100	90	2025
			B15	15.50			
			B16	22.23			
			B17	18.89			
			B18	17.12			
			B19	20.48			
2	Petak 2	3	B9	23.84	100	75	2024/ 2025
			B10	11.65			
			B11	23.49			
			B12	15.79			
			B13	25.23			
3	Petak 3	1	B1	25.57	100	90	2022/ 2023
			B2	36.27			
			B3	15.83			
			B4	22.33			
4	Petak 4	2	B5	39.69	100	75	2023/ 2024
			B6	29.96			
			B7	17.58			
			B8	12.77			

Rajah 3.1 menunjukkan petak pembalakan di LRSB. Kayu selebihnya akan dibersihkan dan akan ditanam semula dengan spesis Kelampayan di Petak 3 (Fasa 1) terlebih dahulu kerana berhampiran dengan jalan masuk dan diikuti oleh Petak 4 (fasa 2) dan seterusnya Petak 2 dan Petak 1 dengan tanaman Kelampayan dan pokok pelbagai spesies (Jati dan Meranti) mengikut blok tanaman (PB). Petak akan membentuk unit pengurusan terbesar di tapak projek dan turutan kerja Petak 3, Petak 4, Petak 2 dan Petak 1. Susunan petak atau blok penanaman akan digunakan untuk perancangan dan laporan semasa pemantauan pengusahaan.


Rajah 3.1 Petak Pembalakan LRSB



Secara umumnya, operasi projek ini akan melibatkan pelbagai aktiviti iaitu aktiviti pembalakan, pembersihan tapak, aktiviti penanaman, aktiviti penyelenggaraan, aktiviti pengeluaran dan pentadbiran. Peringkat utama perlaksanaan projek tersebut adalah seperti berikut:

- peringkat tinjauan;
- penyediaan tapak awal dan peringkat pembangunan;
- aktiviti pembalakan;
- perladangan hutan (aktiviti tanam semula); dan
- peringkat operasi (menuai).

Carta aliran bagi aktiviti-aktiviti dalam Projek Pembangunan Ladang Hutan adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.2**.



Rajah 3.2: Perancangan aktiviti bagi Projek Pembangunan Ladang Hutan

3.1.3 Kajian Kesesuaian Spesies – Tapak

Kajian-kajian awalan telah dilakukan dengan mendapatkan maklumat daripada penyelidikan-penyelidikan yang lepas mengenai kesesuaian spesies yang akan diperkenalkan di dalam projek ladang hutan ini. Sementara itu, rujukan pakar dari institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan tempatan juga dibuat untuk menasihati pihak syarikat bagi memastikan tiada permasalahan timbul mengenai spesies yang ditanam di masa hadapan. Mengikut Jabatan Perhutanan Negeri Perak, terdapat beberapa spesies ladang yang telah dikenalpasti seperti berikut:

- a) Batai;
- b) Binuang;
- c) Getah Klon Balak (TLC);
- d) Jati;
- e) Jelutong;
- f) Kelampayan;
- g) Sentang;
- h) Khaya
- i) Eucalyptus; dan
- j) Karas

Daripada sepuluh (10) spesies ladang hutan, Projek Pembangunan Ladang Hutan ini dicadangkan untuk menanam pokok Kelampayan dan pokok hutan pelbagai spesies seperti Jati dan Meranti. Pokok hutan pelbagai spesies (Jati dan Meranti) dipilih kerana ia merupakan spesies yang akan bertindak sebagai tanaman restorasi.

3.1.3.1 Kelampayan

Pada awalnya, hasil hutan berupa kayu diperolehi dari hutan semulajadi yang mampu menghasilkan jutaan meter persegi kayu. Namun, ketika ini keperluan kayu menjadi sukar dipenuhi jika hanya mengharapkan hutan semulajadi. Ini kerana, produktiviti hutan sudah mengalami penurunan akibat pembalakan, kebakaran hutan dan penukaran tanah hutan menjadi kawasan perkebunan dan pertanian. Keperluan kayu nasional yang mencapai lebih dari 60 juta m³/ tahun menjadi latar belakang adanya peluang perniagaan yang menarik untuk dikembangkan. Peluang mendapatkan keuntungan dengan cara membangunkan ladang hutan untuk menanam pelbagai jenis tanaman hutan. Jenis-jenis tanaman hutan yang ditanam harus memenuhi beberapa syarat, seperti berikut:

- a) Waktu matang untuk ditebang atau penuaian yang pendek;
- b) Pengurusan yang mudah;
- c) Syarat tempat tanam yang tidak rumit;
- d) Hasil kayunya serbaguna atau pelbagai guna;
- e) Permintaan pasaran terus meningkat;
- f) Membantu menyuburkan tanah dan memperbaiki kualiti tanah

Berdasarkan syarat-syarat tersebut, Kelampayan merupakan sejenis tanaman yang sesuai dikomersilkan untuk memenuhi keperluan bahan asas industri kayu. Ini kerana, Kelampayan merupakan salah satu jenis tanaman yang pertumbuhannya sangat cepat (*fast growing species*) dan dapat tumbuh subur di hutan tropika. Berdasarkan hasil penelitian, keistimewaan-keistimewaan lain tanaman Kelampayan dapat diuraikan sebagai berikut:

- Diameter batang pokok dapat tumbuh hingga 10cm/ tahun;
- Penuaian kayu Kelampayan singkat (5-6 tahun);
- Batang pokok berbentuk silinder dengan tahap kelurusan yang baik;
- Tidak memerlukan pemangkasan kerana cabang akan gugur sendiri ketika tumbuh (*self pruning*);
- Pertumbuhan lebih cepat dibandingkan dengan Batai;
- Kelampayan termasuk kategori tumbuhan perintis dan dapat tumbuh di tanah terbuka seperti tanah liat, tanah ringan podsolik coklat dan tanah berbatu; dan
- Tanaman Kelampayan lebih tahan dari serangan perosak dan penyakit dibandingkan dengan tanaman Batai.

Secara fizikal, Kelampayan memiliki permukaan yang licin dan tahap kelurusan yang sangat baik. Batangnya berwarna putih kekuningan hampir sama dengan meranti kuning. Batangnya mudah dikupas, dikeringkan dan dilekatkan. Bebas dari kecacatan mata kayu dan tahap pengecutannya rendah. Kayu Kelampayan dapat digunakan sebagai bahan utama industri perkayuan. Sementara itu, daunnya dapat digunakan sebagai bahan pembuatan baja kompos. Keistimewaan lain bagi Kelampayan ialah ia mampu tumbuh di tanah kritis, tempat terbuka seperti bekas kawasan tebingan, bekas laluan tempat pengumpulan tuaian sementara dan bekas tanah ladang. Oleh itu, proses tanam semula untuk tanaman ini tidak begitu sukar. Jika penjagaan dan pemeliharaan Kelampayan dilakukan secara intensif, hasil kayu yang diperolehi menjadi maksimum dan waktu matang untuk penebangannya menjadi cepat.

Terdapat beberapa manfaat pengkomersilan Kelampayan bagi sesebuah kawasan iaitu:

- 1) Pengendalian kemusnahan sesebuah kawasan dapat dilakukan dengan menanam dan memelihara tanaman, seperti tanaman Kelampayan. Setiap Kelampayan yang ditanam dapat membantu meningkatkan kualiti kawasan, di antaranya meningkatkan kesuburan tanah, memperbaiki sistem pengairan dan memperbaiki iklim mikro; dan
- 2) Dinilai dari aspek pemeliharaan tanah dan air, penanaman Kelampayan memberikan peranan yang sangat penting untuk memelihara keadaan tanah dan kawasan di sekitar tempat tanam. Selain itu, penanaman Kelampayan mampu membantu melestarikan alam untuk kelangsungan hidup manusia, baik pada masa sekarang mahupun pada generasi yang akan datang.

Dari segi prospek perniagaan pula, seiring dengan permintaan kayu yang terus meningkat, pemilihan kayu Kelampayan sebagai bahan asas industri dinilai cukup tepat. Ini kerana Kelampayan merupakan tanaman cepat tumbuh dan boleh dijadikan sebagai bahan untuk membuat bangunan, bahan utama industri perabot, industri kertas dan kraftangan.

Jadual 3.2: Cadangan Jadual Pelaksanaan Projek Pembangunan Ladang Kelampayan Bagi 50 Tahun

Fasa Penubuhan	Pusingan Pertama										Pusingan Kedua						
Tahun Pajakan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17
Aktiviti	B& ST & TB	B& ST & TB	B& ST & TB	R	R	R	R	R	R	B& BT & TB	B& BT & TB	BT & TB	R	R	R	R	R
Fasa Penubuhan	Pusingan Ketiga																
Tahun Pajakan	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	32	33	
Aktiviti	R	R	B& BT &T B	B& BT & TB	BT & TB	R	R	R	R	R	R	R	B& BT &T B	B& BT & TB	BT & TB	R	
Fasa Penubuhan	Pusingan Keempat										Pusingan Kelima						
Tahun Pajakan	34	35	36	37	38	39	40	41	42	43	44	45	46	47	48	49	50
Aktiviti	R	R	R	R	R	R	B& BT &T B	B& BT & TB	BT & TB	R	R	R	R	R	R	B& BT &T B	B& BT & TB

Nota:

ST – Sedia Tapak TB – Tanam Baru R – Rawatan
B – Balak BT – Bersih Tapak

3.1.3.2 Pelbagai Spesies Hutan

Pokok hutan pelbagai spesies (Jati dan Meranti) dipilih kerana ia merupakan spesies yang akan bertindak sebagai tanaman restorasi. Tanaman restorasi merupakan suatu rawatan pemulihan hutan di kawasan hutan terosot, hutan miskin dan kawasan lapang melalui pelaksanaan penanaman anak pokok bagi mengurangkan kemerosotan kualiti kawasan hutan tersebut. Kemerosotan kualiti suatu kawasan hutan boleh disebabkan oleh faktor alam semulajadi (kebakaran hutan, banjir, tanah runtuh dan rebut kencang) dan juga disebabkan oleh perbuatan manusia (pencerobohan dan penerokaan hutan, amalan pertanian pindah dan pembukaan kawasan hutan tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan).

3.1.3.2.1 Jati

Spesies Jati (*Tectona grandis*) merupakan sejenis pokok yang berkualiti dan digunakan untuk membuat rumah, perabot dan produk lain berasaskan kayu keras. Pokok dari keluarga Lamiaceae. Pokok jati adalah sejenis pokok yang mampu menghasilkan kayu bermutu tinggi. Pokok yang akan membesar selalu berbatang lurus dan dapat tumbuh hingga mencapai setinggi 30-40 meter. Pokok kayu jati mudah dikenali dengan ia mempunyai daun besar dimana ia akan luruh di musim kemarau. Pokok Jati sesuai tumbuh di kawasan dengan curahan hujan antara 1,500 - 2,000 mm/tahun dan suhu diantara 27-36 °C sama ada di dataran tanah rendah mahu pun di dataran tanah tinggi. Tempat yang paling baik untuk pertumbuhan pokok jati adalah pada tanah dengan pH 4.5-7.0 dan tidak mudah banjir. Unikunya pokok ini adala ia memiliki daun berbentuk elips yang lebar dan dapat mencapai ukuran sebesar 30-60 cm semasa pokok telah mencapai peringkat dewasa.

Sifat pokok Jati adalah mempunyai pertumbuhan yang lambat dengan kadar tumbuh benih (*germination process*) rendah di mana ia biasanya kurang dari 50% sahaja. Masalah utama penanaman pokok jati adalah untuk mendapatkan benih yang berkualiti kerana untuk mendapatkan benih secara semulajadi memang amat sukar. Dalam keadaan hutan semulajadi memang bekalan terus berkurangan akibat jangkamasa amat lama untuk pokok tersebut ditebang. Kini usaha menanam secara komersil dilakukan di beberapa negara terlibat dengan kombinasi dengan beberapa tanaman komersil lain. Dari segi bahan tanaman secara konvensional ia boleh disediakan dengan menggunakan biji benih. Bagaimana pun untuk mendapatkan biji benih dari pokok jati agak berkurangan dalam musim tertentu kerana tidak mencukupi untuk disemai. Biji pokok jati menjadi terhad disebabkan adanya lapisan luar biji yang keras. Beberapa alternatif lain telah dilakukan untuk mengatasi lapisan ini seperti merendam biji dalam air atau juga panaskan biji dengan api kecil atau pasir panas atau merendam dalam asid atau gunakan mikrob.

Bagaimana pun kejayaan tersebut masih belum optima lagi untuk anak benih pokok jati dalam masa yang cepat dan jumlah yang banyak.

Kayu jati merupakan kayu kelas satu mengikut pengkelasan kerana faktor kekuatan, ketahanan dan keindahannya. Secara teknikal kayu jati memiliki kelas kekuatan Kelas I dan kelas ketahanan juga Kelas I. Kayu ini sangat tahan terhadap serangan daripada anai-anai. Kayu teras dari pokok jati berwarna coklat muda, coklat kelabu hingga coklat merah tua. Kayu gubal iaitu di bahagian luar selalu berwarna putih dan kelabu kekuningan. Meskipun keras dan kuat selalunya kayu jati mudah dipotong dan mudah untuk diukir sehingga pembuat perabot gemar membuat ukir-ukiran. Kayu yang digosok halus memiliki permukaan yang licin dan seperti berminyak. Pola-pola atau corak lingkaran tahun pada kayu teras nampak jelas di mana ini akan menghasilkan rekabentuk lakaran yang indah. Oleh kerana ada kehalusan tekstur dan keindahan warna pada kayunya maka kayu jati digolongkan sebagai kayu mewah. Kayu jati banyak diproses menjadi perabot di taman, perabot interior, produk ukiran, kayu panel dan dijadikan anak tangga yang berkelas tinggi di rumah mewah. Walau pun kayu jati relatifnya mudah diolah bagaimana pun kayu ini terkenal sangat kuat dan tahan lama (awet). Kayu jati juga tidak mudah berubah bentuk oleh perubahan cuaca. Kayu jati digunakan juga sebagai bahan membuat *dock* di pelabuhan, kayu alas landasan keretapi, jambatan, membuat kapal laut dan kapal perang. Tukang kayu di Eropah pada abad ke-19 dikatakan akan meminta upah tambahan jika diminta menyediakan produk dari kayu jati.

Dari segi kegunaan pula pokok jati dilaporkan pada abad ke-17 masyarakat Sulawesi Selatan menggunakan akar jati sebagai penghasil pewarna kuning dan kuning coklat semulajadi untuk barang anyaman mereka. D dilaporkan di Jawa Timur, masyarakat Pulau Bawean pula mereka menyeduh daun jati untuk menghasilkan bahan pewarna coklat merah semulajadi. Orang Pulau Madura pula dikatakan mencampurkan tumbukan daun jati dengan asam jawa bertujuan untuk merawat penyakit kolera pada masa dahulu dengan meminum rendaman air kayu dan daun jati yang pahit sebagai penawar sakit. Walau pun kayu jati dari Myanmar didakwa lebih kuat dibandingkan jati Indonsia (Khususnya dari Pulau Jawa) tetapi kayu Jati Jawa menjadi pilihan orang Malaysia. Ini kerana tekstur kayu jati jawa lebih halus dan kayunya lebih kuat. Produk-produk perabut eksport kayu jati Indonesia amat terkenal di Asia Tenggara dan seluruh dunia kerana kualiti ukiran dan keindahannya.

Jadual 3.3: Cadangan Jadual Pelaksanaan Projek Pembangunan Ladang Jati Bagi 50 Tahun

Fasa Penubuhan	Pusingan Pertama						Pusingan Kedua					Pusingan Ketiga					
Tahun Pajakan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17
Aktiviti	B& ST &T B	B& ST &T B	B& ST & TB	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R
Fasa Penubuhan	Pusingan Keempat						Pusingan Kelima					Pusingan Keenam					
Tahun Pajakan	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	32	33	
Aktiviti	B& BT &T B	B& BT &T B	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	
Fasa Penubuhan	Pusingan Ketujuh						Pusingan Kelapan					Pusingan Kesembilan					
Tahun Pajakan	34	35	36	37	38	39	40	41	42	43	44	45	46	47	48	49	50
Aktiviti	B& BT &T B	B& BT &T B	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	B& B T& TB	B& B T& TB

Nota:

ST – Sedia Tapak

B – Balak

TB – Tanam Baru

BT – Bersih Tapak

R – Rawatan

3.1.3.2.2 Meranti

Shorea (pokok meranti) ialah sejenis genus yang terdiri daripada 196 spesies, khususnya pokok-pokok hutan hujan dalam famili Dipterocarpaceae. Genus ini berasal daripada Asia Tenggara, iaitu daripada India Utara ke Malaysia, Indonesia dan Filipina. Banyak pokok kayu balak yang penting dari segi ekonomi datang daripada genus Shorea. Kayu balak tersebut dijual dengan pelbagai nama dagang seperti Meranti, Lauan, Seraya, Balau, dan sebagainya. Genus "Mahogani Filipina" yang dijual di Amerika Utara mempunyai nama yang amat menarik, tetapi bukannya mahogani, tetapi merupakan campuran kayu-kayu daripada berbagai-bagai genus Shorea. Angiosperma tropika yang paling tinggi didokumentasikan adalah *Shorea faguettiana* setinggi 88,3 m di Taman Nasional Tawau Hills, di Sabah di pulau Borneo, dan di taman itu sekurang-kurangnya lima spesies lain dari genus telah diukur tingginya lebih dari 80 m: *S. argentifolia*, *S. gibbosa*, *S. johorensis*, *S. smithiana*, dan *S. superba*.

Borneo juga merupakan kawasan kepelbagaian Shorea dengan 138 spesies, 91 di antaranya endemik di pulau ini. Majoriti spesies Shorea adalah spesies berbunga umum yang merupakan peristiwa yang berlaku pada selang waktu yang tidak teratur antara 3-10 tahun, di mana hampir semua spesies dipterocarp bersama dengan spesies keluarga lain berkembang dengan banyak. Pembungaan umum dianggap telah berkembang untuk memuaskan pemangsa benih dan untuk memudahkan pendebungaan. Kedua-dua penjelasan itu nampaknya bernilai. Pembungaan dianggap disebabkan oleh kekeringan yang berlaku dalam tempoh peralihan dari La Niña ke El Niño. Besarnya peristiwa berbunga disarankan bergantung pada waktu kekeringan yang berkaitan dengan kitaran osilasi selatan El Niño (ENSO), dengan peristiwa terbesar berlaku setelah selang beberapa tahun tanpa berbunga.

Produk lain dari spesies Shorea merangkumi dammar dan illepe. Dammar adalah resin yang dikumpulkan dari pelbagai spesies. Ini berbeza warna di antara kumpulan taksonomi yang berbeza. *Shorea wiesneri* disenaraikan di banyak laman web sebagai sumber dammar yang penting namun, ini kelihatan seperti nama dagang atau sinonim. Minyak kacang lemak Borneo diekstrak dari buah bersayap berbentuk telur dari spesies Shorea.

Dari 148 spesies Shorea yang kini disenaraikan dalam Senarai Merah IUCN, kebanyakan disenaraikan sebagai terancam secara kritikal. Terdapat beberapa kebimbangan mengenai penyenaian dipterocarps IUCN, kerana kriteria yang digunakan untuk menilai tahap ancaman didasarkan terutamanya pada ciri-ciri populasi haiwan. Ini dianggap melampaui penilaian ancaman, jika diterapkan pada organisma spesifik habitat yang berumur panjang seperti pohon. Selanjutnya, satu spesies yang dilaporkan pupus dalam

senarai IUCN Red, *Shorea cuspidata*, dilaporkan biasa di Taman Negara Bako dan juga terdapat di Taman Negara Lambir.

Jadual 3.4: Cadangan Jadual Pelaksanaan Projek Pembangunan Ladang Meranti Bagi 50 Tahun

Fasa Penubuhan	Pusingan Pertama						Pusingan Kedua					Pusingan Ketiga					
Tahun Pajakan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17
Aktiviti	B& ST &T B	B& ST &T B	B& ST & TB	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R
Fasa Penubuhan	Pusingan Keempat						Pusingan Kelima					Pusingan Keenam					
Tahun Pajakan	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	32	33	
Aktiviti	R	R	R	R	R	R	B& BT &T B	B& BT &T B	R	R	R	R	R	R	R	R	
Fasa Penubuhan	Pusingan Ketujuh						Pusingan Kelapan					Pusingan Kesembilan					
Tahun Pajakan	34	35	36	37	38	39	40	41	42	43	44	45	46	47	48	49	50
Aktiviti	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	B& B T& TB	B& B T& TB

Nota:

ST – Sedia Tapak

B – Balak

TB – Tanam Baru

BT – Bersih Tapak

R – Rawatan

3.1.4 Penyediaan Sempadan

Penyediaan sempadan dilaksanakan dengan membuat tinjauan sempadan terlebih dahulu. Tujuan untuk menjalankan tinjauan sempadan adalah mengenalpasti sempadan sedia ada yang menandakan lokasi sebenar bagi tapak projek. Ini adalah sangat penting untuk memastikan pengusaha projek menjalankan kerja tanpa melibatkan mencerooboh ke kawasan pihak lain atau projek kawasan sebelah. Jabatan Perhutanan Negeri Perak akan menjalankan kerja-kerja penandaan sempadan. Pelan sempadan permit penggunaan akan bertindak sebagai dokumen rujukan bagi Projek Pembangunan Ladang Hutan ini. Syarikat telah mengambil tanggungjawab perundangan untuk menjalankan kaji selidik perimeter tanah dan penandaan sempadan tapak projek. Rancangan yang dikaji selidik akan membentuk satu asas untuk perancangan terperinci keseluruhan tapak projek.

Proses penyediaan sempadan kawasan ladang akan dibuat berdasarkan sempadan kelulusan kawasan permit yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Ini adalah bagi memudahkan pengurusan oleh pihak syarikat dan juga bagi mengelakkan konflik pertindihan kawasan ladang dengan pemilik syarikat/ pengusaha lain. Bagi memastikan sempadan yang disediakan adalah jelas dan senang dilihat maka langkah berjaga-jaga perlu diambil semasa proses pembersihan tanah.

3.1.5 Penyediaan Tapak

Penyediaan tapak dimulakan dengan aktiviti-aktiviti pembersihan jalan sedia ada atau membina jalan utama baru dan diikuti dengan langkah-langkah mitigasi untuk mengurangkan impak kepada alam sekitar sebelum kerja-kerja tanah dimulakan. Seterusnya, aktiviti pembalakan fasa pertama akan dimulakan dan sambung dengan kerja-kerja pembersihan tapak dengan mengeluarkan sisa-baki kayu. Selepas itu, kerja-kerja mitigasi disambung mengikut rancangan dalam *Environmental Management Plan* (EMP). Kerja-kerja penanaman akan dijalankan dan dimulakan dengan aktiviti-aktiviti membaris, melubang dan lain-lain. Proses kerja tersebut akan berulang di fasa seterusnya.

3.1.5.1 Mitigasi

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak telah meluluskan laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi Projek Pembangunan Ladang Hutan untuk syarikat LRSB. Laporan EMP akan disediakan dan dibentangkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak. Langkah-langkah mitigasi di tapak projek akan dibahagikan kepada tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas kerja tanah dijalankan. Langkah-langkah mitigasi akan dijelaskan dalam bab seterusnya.

3.1.5.2 Pembalakan

Aktiviti-aktiviti pembalakan perlu mematuhi kepada penguatkuasaan undang-undang, garis panduan dan dasar-dasar yang berkaitan dengan perhutanan di Malaysia. Tapak projek telah dibahagikan mengikut petak dan akan menjalani aktiviti pembalakan mengikut fasa. Saiz setiap petak perlu bersesuaian dan mudah untuk dipantau ketika menjalankan aktiviti pembalakan ini. Aktiviti yang terlibat semasa kerja-kerja pembalakan dijalankan adalah:

- i- Jalan balak - Jalan balak adalah penting kerana akan memudahkan aktiviti pembalakan. Pengusaha perlu mengenalpasti jalan pengeluaran yang hendak digunakan dan seeloknya gunakan jalan sedia ada. Selain itu, jalan balak tersebut akan digunakan sebagai jalan ladang utama di dalam kawasan projek untuk mengelakkan sebarang kesan negatif yang timbul. Adalah dijangkakan lebih kurang 25 meter dan 50 meter jalan diperlukan untuk aktiviti pembangunan ladang hutan. Sekiranya pembinaan jalan diperlukan maka dicadangkan untuk mematuhi spesifikasi jalan dalam Panduan Penubuhan Ladang Spesies Cepat Tumbuh yang diterbitkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada tahun 1989.
- ii- Pembinaan lorong penarik – Pembinaan Lorong Penarik (LP) (**Plat 3.1**) hendaklah selari dengan rancangan blok penanaman supaya tanah tersebut tidak dimampat dan menyusahkan kerja-kerja penanaman pokok.
 - Penentuan lorong penarik yang sesuai kepada keadaan semasa atas tanah.
 - Menjajarkan lorong penarik sebaik-baiknya berhampiran matau sementara untuk mengelakkan kerosakan yang berlebihan ke jalan sekunder kerana kerap tergelincir dan pergerakan balak.
 - Lorong penarik hendaklah tidak melintasi mana-mana alur air. Jika terpaksa,

pembentung atau jambatan sementara hendaklah dibina bersudut tepat dengan alur air.

- Mematuhi spesifikasi lorong penarik bagi jalan ladang dalam Panduan Penubuhan Ladang Spesies Cepat Tumbuh yang diterbitkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada tahun 1989.



Plat 3.1: Contoh Lorong Penarik

- iii- Pembinaan Matau (landing) – Matau ialah kawasan lapang di mana balak akan dikumpulkan bagi tujuan persediaan, penyusunan dan dibawa keluar. Kawasan tersebut perlu dibina, dijaga dan dikawal selia agar semua kayu balak dapat didaratkan dengan selamat dan pekerja boleh bekerja kawasan yang bebas daripada balak dan jentera yang bergerak. Balak hendaklah disusun dan dijarakkan supaya tindakan seorang pekerja tidak menimbulkan bahaya bagi pekerja lain. Kuantiti pembinaan matau (**Plat 3.2**) harus dikurangkan sebab pengumpulan balak di satu tempat akan menyebabkan tanah tersebut dimampat dan menyukarkan aktiviti penanaman pokok. Dicadangkan agar matau utama dibina di kawasan cadangan untuk membina tapak semeaian, pejabat, rumah pekerja dan lain-lain. Pembinaan matau dan susunan kayu dibalak mesti mematuhi kriteria-kriteria seperti kawasan matau mestilah boleh diakses dengan kenderaan sepanjang musim, matau perlu dibina atas permukaan tanah yang rata dan saiz/ keluasan kawasan matau tidak harus melebihi 0.5 ha dan harus tidak dibina kurang daripada 40 meter dari tebing sungai. Bagi projek ini, saiz matau yang disyorkan adalah kurang dari 0.2 hektar dengan kecerunan 2° ke 3°.



Plat 3.2: Contoh Matau

iv- Penebangan pokok – semua pokok-pokok akan ditebang dan dikeluarkan supaya kawasan lapang memudahkan aktiviti penanaman pokok. Dengan demikian, lapisan tanah akan dilindungi dan nutrien tanah akan disimpan. Kayu balak akan diuruskan oleh kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Keutamaan ialah ketumpatan dan lokasi lorong penarik, jenis sistem penuaian yang dipilih, pemadatan tanah dan tepu, dan jumlah gangguan tanah. Sistem traktor/ skidder merupakan jenis popular di mana kayu balak diangkut ke matau oleh traktor atau skidder di sepanjang lorong penarik. Inilah jenis yang paling murah dan paling biasa tetapi ia juga boleh mempunyai kesan paling ketara jika berdekatan badan air dan dilakukan tidak berhati-hati. Walau bagaimanapun, kesan-kesan ini boleh dikurangkan melalui amalan-amalan berikut:

v-

- Lorong penarik perlu disediakan secara berhati-hati untuk meminimumkan bilangan laluan. Sebolehnya menggunakan jalan ladang sedia ada.
- Lorong penarik tidak ditempatkan di tebing sungai, zon penampungan alur air, atau pada cerun curam.
- *Skidding* mesti ke *upslope* atau di kontur topografi untuk menyuraikan air larian.
- Langkah kawalan saliran, seperti halangan air yang dipasang pada lorong penarik untuk melindungi kualiti air yang sesuai di takungan.
- Semua pembinaan jalan dan semasa operasi penuaian akan dijalankan mengikut syarat-syarat yang bermusim. Bulan kering pada amnya adalah masa terbaik untuk pembinaan jarak dan lorong penarik untuk mengelakkan masalah air larian dan saliran. Pembinaan semasa hujan lebat akan meningkatkan potensi untuk larian air dan hakisan.

- Selepas tamat operasi penuaian matau dan lorong penarik akan stabil. Dicapai agar jalan ladang menggunakan lorong penarik supaya tiada pembukaan jalan ladang baru dilaksanakan.
- Tebangan habis dan operasi pembersihan konsesi blok (untuk ke ladang hutan) hendaklah dijalankan dengan serta-merta selepas operasi pengekstrakan balak telah selesai mengikuti garis panduan yang sesuai.

iiv- Pengangkutan Balak – Dalam pengangkutan kayu balak, ia akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu pengangkutan balak untuk ke matau dan pengangkutan kayu balak ke kilang papan dengan lori balak. Balak diangkut dari tempat penyimpanan sementara dan dibawa ke tempat penyimpanan balak yang dipanggil matau yang berdekatan dengan jalan balak utama. Kayu balak yang telah kumpulkan akan dibawa keluar dari hutan untuk ke matau menggunakan lori San-Tai-Wong (**Plat 3.3**). Di matau, Renjer Hutan/ pegawai hutan akan memeriksa dan menandakan kayu balak untuk menentukan anggaran cukai dan hasil. Seterusnya lori treler digunakan untuk membawa kayu-kayu balak ke kilang papan.



Plat 3.3: Lori San Tai Wong

Apabila selesai pembalakan, semua pokok akan ditebang atau ditebas kecuali kawasan yang dikenalpasti sebagai zon penampan, zon konservasi dan rizab sungai yang akan ditinggalkan dalam keadaan asal. Pembalakan akan dilakukan secara teliti untuk memastikan kerosakan yang minima terhadap tanah semasa penebangan, penarikan dan membawa keluar balak. Kerja-kerja pembalakan dan persiapan kawasan akan sedaya upaya mengelak daripada kerosakan serta hakisan tanah dan nutrient. Pengeluaran kayu balak akan diuruskan oleh kontraktor yang berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak sahaja.

3.1.5.3 Pembersihan Tapak

Memandangkan spesies ladang hutan merupakan spesies cepat tumbuh yang memerlukan cahaya matahari yang banyak, penanamannya adalah perlu di kawasan terbuka di mana secara mekanikalnya kawasan tersebut bebas daripada tumbuhan pokok, semak, buluh, rotan dan pokok pisang liar. Setelah selesai penebangan pokok-pokok bernilai, tapak projek akan dibersihkan sebelum sebarang penanaman dimulakan untuk menyediakan ruang tanaman bagi pokok ladang hutan. Kerja ini juga boleh menghapuskan punca penyakit dan mematikan serangga perosak melalui kepanasan di tapak. Selain itu, keadaan kawasan yang lapang memudahkan akses ke kawasan ladang dan untuk memudahkan aktiviti-aktiviti membuat barisan dan kerja melubang. Skala operasi ini akan berbeza-beza bergantung kepada jumlah sisa reba dalam tapak projek.

Kerja-kerja pembersihan boleh menggunakan gergaji berantai atau menggunakan jentera untuk tolak pokok-pokok. Biasanya, semak dan belukar ditebas dengan menggunakan gergaji berantai. Pokok-pokok hutan ditebang dengan menggunakan gergaji berantai juga. Pokok-pokoknya jatuh sehalu dan dalam sempadan kawasan. Elakkan pokok-pokoknya jatuh melintangi jalan dan sungai. Biasanya empat hingga lima pokok yang berdekatan sebaris ditebang sekali, yang paling besar di antaranya dijadikan pengempap. Pokok-pokok itu ditebang sebelah sahaja, potongan dibuat berbentuk baji, kemudian akan jatuh mengempap semua pokok itu. Dahan-dahan yang besar dicantas supaya menjadi padat robohnya.

Sebolehnya, tiada sisa pembalakan ditinggalkan di kawasan ladang kerana kayu sisa (tunggul) biasanya penyebab kepada kebakaran hutan dan punca penyakit atau habitat serangga perosak. Penubuhan ladang hutan ini tidak menggalakkan pembakaran terbuka yang mana semua sisa-sisa kayu akibat dari tebangan awal akan dibawa keluar atau dibiarkan di antara baris tanaman untuk melalui proses pereputan di ladang. Sisa kayu seperti ranting, tunggul dan akar akan ditolak ke kawasan yang tidak sesuai untuk penanaman pokok seperti jurang dan di antara barisan penanaman. Pembersihan adalah sesuai untuk dilaksanakan ketika musim kering iaitu di antara bulan Februari dan Mei.

Salah satu masalah utama semasa pembersihan kawasan adalah untuk mengalih semua tunggul yang besar dan akar tumbuhan yang boleh dilakukan secara mekanikal. Tunggul yang tidak dikeluarkan akan diracuni untuk mengawal masalah penyakit dan anai-anai. Spesifikasi untuk persediaan pembersihan tapak dan tanah untuk penanaman ladang hutan merangkumi tiga aktiviti utama:

- i. penebangan;

- ii. susun; dan
- iii. meracun reba dan tunggul

3.1.5.4 Penyediaan anak benih

Pengusaha projek perlu menyediakan anak pokok Kelampayan daripada klon yang bermutu tinggi dan terbukti di lapangan seperti yang disediakan oleh syarikat pembekal. Pada tahun pertama penanaman merangkumi bahan penanaman benih cantuman akan dibeli daripada pembekal yang mempunyai reputasi yang baik, sementara menunggu tapak semaian dalaman untuk beroperasi. Anak pokok yang dibeli akan dibawa terus ke lapangan untuk ditanam. Sekiranya hal ini tidak mungkin disebabkan oleh kelewatan dalam penyediaan tapak, maka anak pokok yang dapat ditempatkan di tapak semaian dalaman yang sedang dibina.

3.1.5.5 Penanaman

Penyediaan tapak dan operasi penanaman akan dijalankan dalam Blok Tanaman (PB). PB adalah berbeza dengan Blok Pembalakan (LB). LB adalah lebih besar daripada PB. Kawasan projek akan dibiarkan kira-kira tiga (3) bulan bagi tanaman penutup bumi untuk mengekalkan kesuburan tanah dan untuk mengurangkan kesan alam sekitar selepas pembalakan sebelum menanam semula pokok ladang. Tapak projek akan ditanam pokok selepasnya untuk mengelakkan tumbuhan perintis seperti mahang dan buluh mengambil alih kawasan tersebut. Selain itu, penanaman pokok berikutan aktiviti pembalakan supaya mengelakkan terlalu besar kawasan tanah yang didedahkan dalam tempoh yang panjang masa yang serta dapat mengurangkan larian air permukaan dan hakisan di lokasi. Carta Alir bagi keseluruhan aktiviti seperti di **Rajah 3.2** diatas.

3.1.6 Infrastruktur dan Kemudahan

3.1.6.1 Pembinaan Jalan

Membina rangkaian jalan sebaik-baiknya boleh disekalikan semasa operasi susunan mekanikal dan operasi bagi kedua-dua tapak rata dan beralun. Manakala di dalam kawasan berbukit yang perlu diselaraskan. Penyelarasan ini adalah perlu untuk minimumkan kerja perbaiki jalan secara berulang. Spesifikasi untuk pembinaan jalan ladang hutan memberikan pertimbangan berikut:

- i. jenis-jenis jalan,
- ii. kedudukan dan penjajaran jalan,
- iii. spesifikasi jalan pertanian hutan,
- iv. ketumpatan jalan,
- v. jambatan, dan
- vi. hak untuk penggunaan.

Terdapat beberapa jalan tanah yang sedia ada di dalam serta di luar kawasan. Jalan-jalan sedia-ada akan digunakan untuk operasi pembalakan dan ladang hutan. Mana-mana jalan akses di dalam kawasan HSK adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Oleh yang demikian, kebenaran penggunaan atau apa-apa penyenggaraan jalan akses dalam HSK tetapi di luar tapak projek hendaklah dengan **"Permit Jalan – Borang 7 di bawah Seksyen 50(1) Akta Perhutanan Negara 1984"** oleh pengusaha projek bagi tujuan perladangan hutan. Prinsip-prinsip umum akan digunakan dalam pembinaan jalan akses seperti berikut:

- menggunakan jalan yang sedia ada di mana yang mungkin.
- Meminimumkan kerja penolakan tanah untuk mengurangkan kejadian pencemaran dan hakisan.
- meminimumkan perubahan dalam kestabilan semulajadi tanah - tempat jalan-jalan di kawasan tanah tinggi.
- jauhkan daripada zon penampakan alur air dan kawasan-kawasan yang basah.
- sekiranya jalan-jalan perlu menyeberangi sungai, perlu dibuat jambatan sementara mengikut spesifikasi jalan dalam Panduan Penubuhan Ladang Spesies Cepat Tumbuh yang diterbitkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada tahun 1989.
- pastikan jalan kecerunan serendah mungkin. Jika gred yang curam akan diperlukan untuk jarak yang pendek, diikuti dengan laluan gred yang lebih rendah bagi mengurangkan halaju air larian.
- jika berkesempatan, jalan perlu mengikut kontur semulajadi tanah. Ini akan mengelakkan banyak potong dan isi.
- mengurangkan jumlah lintasan aliran.
- menentukan piawaian yang sewajarnya bagi jalan yang diperlukan dengan jenis peralatan; jumlah trafik; tempoh penggunaan. Pemilihan bahan turap jalan yang sesuai akan mengurangkan hakisan dan mengurangkan kos penyelenggaraan.

Pembinaan jalan hutan dan juga infrastruktur lain akan dilakukan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan. Spesifikasi jalan hutan dan juga perparitan akan berpanduan

kepada spesifikasi jalan dalam Panduan Penubuhan Ladang Spesies Cepat Tumbuh yang diterbitkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada tahun 1989 serta garis panduan di dalam **Bab 11 Manual Perhutanan Jilid II dan III**. Aktiviti utama sebelum dan semasa pembukaan hutan dan pembalakan:

- Jajaran Jalan dan Zon Penampakan - dirancang sebelum proses pembalakan dengan mendapatkan kelulusan daripada Unit Kejuruteraan Pejabat Perhutanan Negeri.
- Penyediaan pelan jalan hutan.
- Pembinaan jalan setelah mendapat kelulusan unit kejuruteraan.
- Pembinaan jambatan yang sesuai.
- Pemantauan dan penyelenggaraan.

Pihak syarikat akan membina satu jambatan struktur kekal yang menghubungkan Petak 2 dan Petak 4. Lokasi tersebut kemungkinan akan bertukar mengikut kesesuaian dan kelulusan pihak Jabatan. Tiga kategori jalan ladang hutan yang akan diberi keutamaan dalam projek ini ialah:

- i. Jalan Utama: Merupakan jalan utama yang menghubungkan jalan awam sehingga ke dalam ladang.
- ii. Jalan Sekunder: Jalan yang menghubungkan jalan utama ke dalam kompartmen dan blok tanaman.
- iii. Jalan Penyelenggaraan Ladang/ Laluan Jeep: Jalan kecil di dalam blok untuk tujuan penanaman dan penyelenggaraan yang mana asalnya merupakan lorong penarik semasa kerja-kerja pembalakan dan penyediaan kawasan.

Spesifikasi terperinci berkenaan jalan ladang yang akan dilaksanakan dalam tapak projek ini adalah berdasarkan spesifikasi jalan dalam Panduan Penubuhan Ladang Spesies Cepat Tumbuh yang diterbitkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada tahun 1989 dan ditunjukkan dalam **Jadual 3.5**. Walau bagaimanapun, pengusaha projek disarankan untuk meminimumkan pembinaan jalan ladang baru bagi mengelakkan hakisan tanah dikawasan tersebut. Pengusaha projek juga disarankan untuk menggunakan jalan balak sedia ada yang terdapat dalam tapak projek. Jalan masuk ke tapak projek juga menggunakan jalan yang sedia ada. Apabila perladangan hutan mula beroperasi, jalan tuju hendaklah dikekalkan oleh pencadang projek hanya di kawasan projek mereka.

Jadual 3.5: Spesifikasi bagi jalan ladang hutan

No.	Perkara		Jenis Jalan		
			Utama	Sekunder	Laluan Jeep
1.	Dasar Jalan		6.0 m	4.3 m	3.5 m
2.	Permukaan Jalan	Lebar	4.3 m	3.0m	2.5 m
		Tebal	Laterit pada tempat lembut	Tanah hutan dasar yang padat	Tanah dasar hutan
3.	Lebar Bahu Jalan		1.0 m	0.6 m	0.6 m
4.	Bahagian Tepi Parit (Keratan Tigasegi)	Lebar	5' atau 2' +	0.6 m	0.6 m
		Dalam	0.6 m atau 0.5 m	0.6 m	Bila dikehendaki
		Cerun	2 – 6 %	2 – 6 %	Bila dikehendaki
5.	Cerun Jalan	Maksima Mendaki	8 %	10 %	15 %
		Maksima Menurun	12 %	10 %	15 %
6.	Pelaburan Lengkungan		0.6 m	1.0 m	1.2 m
7.	Kamber		1:25	1:20	1:12
8.	Tempat Pusingan	Bilangan/ Kilometer	1	3	-
		Saiz	4 m x 15 m	4 m x 12 m	-
9.	Pembentungan		Paip konkrit atau paip besi atas bergelugur	Balak atau balak berlubang atau paip besi	-
10.	Parit Melintang Permukaan Jalan		Kayu HHW atau konkrit	Kayu (HHW)	-
11.	Cerun Tepian	a. Tanah rata 1 m potongan	1: ½	Atas arahan pegawai pengawas	
	i. Potong	b. Cerun 55%	1: 1		
		c. Cerun 55% atau lebih	1: 1 1/3		
		d. Tanah lembut	1: 1 ¼		
		e. Tanah keras	1: 1 ¼		
	ii. Tambak	a. Biasa	1: 1 ¼		
		b. Berbata-bata	1: 1 1/3		


(Sumber: Panduan Penubuhan Ladang Spesis Cepat Membesar, 1989. Jabatan Perhutanan Sem. Malaysia).

3.1.6.2 Sistem Pemparitan


Parit tepi jalan biasanya tidak dibina di sepanjang jalan kerana ia menghalang operasi penuaian. Walau bagaimanapun, adalah perlu untuk membina parit tepi jalan di sepanjang jalan utama kawasan rendah di mana longkang yang digali digunakan untuk menaikkan permukaan jalan sebelum menggali. Longkang kaki bukit ialah satu bentuk parit yang dibina di pinggir bukit di mana kecerunan cerun akan berubah secara mendadak. Air dari limpasan permukaan akan terperangkap di longkang pada waktu hujan. Saliran ini berfungsi sebagai pemutus larian permukaan serta menjaga kelembapan.

Penggali biasanya digunakan untuk membina longkang. Di jurang yang luas, sistem saluran air yang kerap menyalurkan air ke satu atau lebih longkang utama didapati lebih unggul daripada sistem lain seperti corak saluran 'Herring Bone'. Untuk saluran kaki bukit, ia mesti terletak dengan betul di kaki bukit. Kedalaman 60 – 90cm biasanya mencukupi tetapi lebarnya perlu mengambil kira aliran air menuruni bukit. Jurang sempit boleh dialirkan dengan mudah dengan longkang utama pusat, tetapi kadangkala longkang scupper membawa kepada air dari tempat rendah setempat diperlukan. Saliran yang betul meningkatkan pengudaraan, aktiviti mikrob, penubuhan penutup tanah dan membantu dalam pembangunan sistem akar yang luas.

Parit-parit tepi jalan akan disediakan untuk semua jalan utama dan sekunder. Justeru, parit adalah wajib terutama bagi jalan di sepanjang laluan tempat yang rendah di mana tanah dari dalam longkang boleh digunakan untuk meningkatkan permukaan jalan sebelum guna batuan. Di samping itu, pembinaan parit takungan adalah perlu untuk memerangkap aliran permukaan yang datang dari sisi bukit semasa hujan. Ia bertindak untuk memecahkan aliran air larian permukaan dan memulihara kelembapan pada masa yang sama. Lebar parit berbeza bergantung kepada anggaran isipadu air larian. Pembinaan parit di lereng bergantung sama ada ia adalah luas atau sempit. Pembinaan longkang akan dijalankan dengan penggali dan traktor backhoe bergantung kepada jenis dan saiz kerja. Bagi jambatan, ia akan dibina mengikut reka bentuk dan jambatan batang kayu tua mesti dibuang dan digantikan dengan jambatan konkrit atau keluli (**Rajah 3.3** dan **Rajah 3.4**).



Rajah 3.3: Bentuk jambatan sementara



Rajah 3.4: Bentuk culvert

3.1.6.3 Pejabat, Penginapan, Kemudahan Stor dan Bengkel

Sebuah pejabat tapak, penginapan pekerja, kemudahan penyimpanan, kemudahan tandas, stor dan bengkel untuk memperbaiki mesin dan peralatan akan dibina di kawasan zon lapangan bagi memantau operasi ladang terutamanya penyenggaraan. Tapak semaian hendaklah ditempatkan berdekatan dengan pejabat tapak di mana boleh memantau serta menyelia penanaman dan penyediaan stok. Pejabat tapak dan penginapan pekerja (**Plat 3.4**) biasanya dibina di kawasan yang lebih rata dan juga berdekatan dengan sungai (sumber air) untuk menyediakan bekalan air ke operasi. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang pelepasan bahan sisa atau kotoran dari tempat tinggal pekerja atau tapak pejabat ke sungai berhampiran. Dicadangkan agar kawasan matau utama dijadikan tempat yang sama bagi penempatan pejabat tapak, penginapan pekerja, kemudahan penyimpanan, kemudahan tandas dan

bengkel untuk membaiki mesin dan peralatan bagi mengurangkan impak mampatan tanah di banyak lokasi kawasan.

Lokasi dan susun atur pejabat tapak, tempat pekerja dan kemudahan penyimpanan yang dicadangkan oleh pengusaha projek terletak di Petak 3 dan ditunjukkan dalam **Rajah 3.5**. Lokasi tentatif ini merupakan cadangan awal dan boleh diubahsuai berdasarkan penilaian kewangan syarikat atau kesesuaian tapak kawasan itu sendiri. Di bawah cadangan pengurusan awal yang perlu disediakan oleh pengusaha projek semasa pembinaan kawasan tapak pejabat, kuarters dan tapak semaian:

-  Bekalan Elektrik – Kawasan tapak projek dikenalpasti terletak di kawasan pedalaman dan tiada bekalan elektrik dan tiada sebarang kemudahan di kawasan tersebut. Ini merupakan salah satu masalah bagi pengusaha projek kerana sukar mendapatkan bekalan elektrik di tapak projek. Oleh itu, pengusaha projek dicadangkan untuk menyediakan generator di beberapa tempat seperti di tapak projek, tapak semaian dan tempat tinggal pekerja. Lokasi sebenar penempatan bekalan elektrik perlu mendapatkan nasihat perunding kejuruteraan bagi keseluruhan operasi di tapak pejabat, tapak semaian dan tempat tinggal pekerja. Penggunaan generator memerlukan persetujuan terlebih dahulu dari pihak berkuasa yang berkenaan. Penggunaan set generator besar mesti mematuhi Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, Peraturan No. 5.
-  Kemudahan Bekalan Air - Bagi tapak projek, sumber utama bekalan air adalah dari sungai berdekatan. Penggunaan air disediakan untuk tapak semaian dan asrama pekerja. Air digunakan untuk menyiram tanaman di tapak semaian manakala untuk asrama pekerja, air digunakan untuk keperluan harian. Namun begitu, penggunaan terus air dari sungai perlu dielakkan melainkan ia dirawat.
-  Mobilisasi pekerja – tempat tinggal pekerja akan dibangunkan di dalam tapak projek. Pengambilan pekerja terutama penduduk tempatan dari kawasan penduduk di sekitar tapak projek akan diutamakan bagi pekerjaan yang ditawarkan. Jumlah pekerja yang akan dilantik dianggarkan adalah 20 orang termasuk pekerja pentadbiran dan operasi. Jumlah pekerja yang diperlukan berbeza dari tahap di perkebunan hutan, misalnya, semasa persiapan lokasi diperlukan lebih banyak tenaga kerja dibandingkan dengan semasa proses operasi. Namun begitu, semasa operasi dan penuaian kayu juga memerlukan bilangan buruh.

kolam buatan manusia dan air dari kolam buatan manusia akan digunakan semasa musim kemarau (air tidak mencukupi) dan juga boleh digunakan semasa kecemasan seperti memadam kebakaran di tapak.

Pemilihan tapak semaian yang sesuai adalah keputusan yang paling penting untuk pengeluaran tanaman berkualiti baik yang cekap (**Plat 3.5**). Beberapa faktor teknikal yang perlu dipertimbangkan adalah seperti yang dijelaskan dalam **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6: Faktor teknikal bagi penubuhan tapak semaian

NO.	PERKARA	FAKTOR TEKNIKAL
1	Bekalan Air	Sumber bekalan air yang mencukupi adalah penting untuk semua tapak semaian. Jumlah keperluan air adalah berbeza bagi setiap spesies tumbuhan.
2	Kolam Buatan	Kolam harus dibangunkan berhampiran dengan bekalan air dimana ia akan disalurkan ke kolam semasa musim kering dan juga digunakan sebagai pencegahan jika terjadi kebakaran di kawasan ladang.
3	Pekerja	Biasanya tapak semaian terletak berhampiran dengan asrama supaya pekerja boleh menjaga tumbuhan dengan mudah.
4	Keadaan tanah	Tumbuhan akan dibesarkan dalam polibeg. Oleh itu, kuantiti yang banyak serta jenis tanah yang sesuai diperlukan. Bahan penanaman anak benih yang terbaik akan dibesarkan dalam polibeg selama kira-kira 12 bulan sebelum kawasan itu siap untuk pemindahan.
5	Kemudahan Jalan/ Akses	Tapak semaian berhampiran dengan kawasan di mana tanaman akan ditanam kemudian. Jalan masuk boleh digunakan untuk kedua-dua musim kering dan basah setiap tahun.

Kelebihan mendirikan tapak semaian di tapak projek adalah seperti berikut:

- a) Untuk mengurangkan kerosakan pada anak benih semasa mengendalikan dan mengangkut;
- b) Kos penubuhan tapak semaian akan diimbangi dengan kos pengangkutan anak benih daripada pembekal luar;
- c) Tapak semaian dapat dijaga selama beberapa tahun untuk membesarkan anak benih untuk projek masa depan; dan
- d) Anak benih komersial untuk dijual kepada pihak ketiga juga dapat dibesarkan apabila tapak semaian tidak digunakan sepenuhnya; dan
- e) Lokasi tapak semaian akan diubah menjadi balak kayu semasa peringkat penuaian.

Adalah mustahak untuk memiliki stok semaian yang baik untuk membuat ladang yang baik. Anak benih yang lemah cenderung mempunyai pertumbuhan yang lebih lambat, kurang mampu bersaing dengan rumpai, dan lebih mudah rosak oleh serangga dan perosak. Tambahan pula, di tapak semaian yang lemah, lebih sedikit anak benih akan dibesarkan daripada kuantiti benih tertentu, dan akan berlaku pembaziran wang dan masa yang banyak. Setelah peringkat penanaman, pemantauan dan pemeliharaan anak benih yang ditanam harus dilakukan kerana tanaman paling mudah terdedah terhadap kerosakan akibat kekeringan, kebakaran, serangga dan lain-lain.

Tapak semaian mempunyai objektif tertentu iaitu untuk memastikan benih yang diubah ke ladang mendapat kejayaan permulaan menanam yang tinggi dan untuk mengurangkan kos membangunkan ladang dengan mengurangkan kegagalan kehidupan benih di peringkat permulaan. Tapak semaian perlu berada berdekatan dengan punca air seperti anak sungai, aliran atau sungai. Bagi mendapat hasil yang memuaskan, kawasan tapak projek perlu dilaksanakan tebang habis dan segala sumber yang boleh menyebabkan penyakit akar seperti membuang tinggalan tunggul, menebas perlu dilakukan. Tapak semaian dibersihkan ke peringkat maksimum. Pagar juga perlu dipasang bagi mengelakkan penceroboh atau hidupan liar daripada merosakkan tapak semaian.

Plat 3.5: Tapak semaian yang akan dibangunkan



3.1.6.4.1 Penjagaan Tapak Semaian

Amalan pengurusan yang baik diperlukan bagi menghasilkan bahan yang berkualiti. Pembajaan, penyiraman serta kawalan rumpai mesti dilakukan dengan sewajarnya dan mengikut jadual. Jadual pembajaan bagi semaian tanah dan semaian polibeg di dalam tapak semaian ditunjukkan seperti di **Jadual 3.7**. Penjagaan ketika membaja perlu dilaksanakan untuk mengelakkan baja bersentuhan dengan tanaman. Bagi tapak semaian bersaiz kecil, penyiraman secara manual sudah memadai. Walau bagaimanapun, bagi tapak semaian yang bersaiz lebih daripada 2.0 hektar, penyiram air automatik diperlukan. Bagi semaian atas tanah, penyiraman hanya dilaksanakan ketika cuaca panas kering yang melampau sahaja. Rumpai, serangga perosak dan penyakit boleh menyebabkan kerosakan pada tanaman dan ia perlu dikawal dan dimusnahkan. Rumpai dikawal secara manual pada peringkat awalan seterusnya bahan kimia digunakan setelah batang pokok mula membesar dan bertukar ke warna coklat. Rawatan kimia yang disyorkan bagi mengawal penyakit dan perosak bagi pokok hutan pelbagai spesies balak adalah seperti yang disyorkan dalam **Jadual 3.8**.

Jadual 3.7: Jadual pembajaan bagi tunas dan pokok dalam polibeg

Tempoh	Jenis Baja	Kadar (kh ha-1)
Sebelum penanaman	<i>Magnesium limestone (plough in)</i> <i>CIRP (harrow in)</i>	250 650
Bulan selepas tanaman dalam tanah		(g/ running m)
2	Campuran sekata Mag X*	56
3	Campuran sekata Mag X*	56
4	Campuran NK	56
5	Campuran sekata X*	56
6	Pertunasan dan dipotong, diekstrak dan dipindahkan ke dalam polibeg	56
Bulan selepas pemindahan dari polibeg		(g/ polibeg)
1	Campuran sekata Mag X*	30
3	Campuran sekata Mag X*	30

*Campuran sekata Mag X mengandungi 9% N, P₂O₅, 7% K₂O dan 2% MgO dimana fosfat dalam bentuk larutan. Sedikit perbezaan komposisi nutrien dalam baja nyata lain yang mengandungi larutan P dibenarkan

Jadual 3.8: Rawatan yang disyorkan bagi kawalan penyakit pokok hutan di tapak semaian

Penyakit	Punca	Racun Kulat	Kepekatan (%)	Kaedah Aplikasi	Catatan
<i>Collectotrichum leaf disease</i>	<i>Collectotrichum gloeosporioides</i>	Deconil	0.2	Mistblower (knapsack portable atau tractor-mounted)	sekurang-kurangnya 4 pusingan pada selang mingguan kerana daunnya terbuka
<i>Oidium leaf disease</i>	<i>Oidium hevea</i>	Sulphur dust	9 kg ha ⁻¹	Power duster (portable)	sekurang-kurangnya 4 pusingan

				<i>atau tractor-mounted)</i>	pada selang mingguan kerana daunnya terbuka
<i>Bird's eye spot</i>	<i>Helminthosporium hevea</i>	Zineb, Maneb	0.2	<i>Knapsack sprayer</i>	semburkan daun yang mengembang pada selang minggu
<i>Pink disease</i>	<i>Corticium salmonicolor</i>	2% Calixin in latex concentration	<i>Neat</i>	Sapu pada permukaan yang dijangkiti	Pokok yang dirawat tidak akan diserang sekurangnya dalam masa 3 bulan
<i>Die-back</i>	Pelbagai kulat	Daconil	0.2	<i>Mistblower (knapsack portable atau tractor-mounted)</i>	sekurang-kurangnya 4 pusingan pada selang mingguan kerana daunnya terbuka
		Wound dressing (bituminous) tar	<i>Neat</i>	Sapu pada permukaan selepas pangkas	tutup dengan <i>white-wash</i> sekiranya terdedah pada 8cm

3.2 Pengurusan Ladang

Jadual perancangan projek merupakan elemen penting bagi pembangunan ladang hutan. Ia merupakan alat untuk merancang dan mengawal pelbagai elemen yang terlibat di dalam Projek Pembangunan Ladang Hutan seperti pengurusan pekerja, jentera dan mesin, peralatan, kontraktor, sub-kontraktor, pembekal, perunding dan kewangan. Jadual perancangan yang teratur dapat membantu dalam pelaksanaan dan pemantauan bagi pengurusan elemen-elemen penting tadi dalam meningkatkan keuntungan pengusaha projek. Mengikut perancangan, keseluruhan kawasan LB akan dibalak, membuat kerja penyediaan tapak sehingga aktiviti penyelenggaraan dalam masa dua (2) ke tiga (3) tahun bergantung kepada kelulusan lesen pengusahasilan dan keadaan cuaca serta persekitaran.

Aktiviti penubuhan ladang hutan akan mengambil kira aspek-aspek berikut:

- Keadaan hutan asli;
- Keadaan topografi, jenis tanah, kesesuaian tanah dan persekitaran fizikal sedia ada;
- Kedudukan infrastruktur sedia ada termasuk peralatan perladangan, jentera, bahan, tapak semaian dan teknologi;
- Mempunyai sumber manusia dan tenaga kerja mahir dan separa mahir; dan
- Perlindungan ekosistem dan hidupan liar.

3.2.1 Aktiviti Pengurusan

Tapak projek melibatkan penukaran daripada hutan semulajadi yang terdiri daripada tumbuh-tumbuhan yang pelbagai kepada perladangan hutan yang terdiri daripada tanaman yang sebaya dalam pusingan pertama penubuhan ladang hutan. Ini akan melibatkan tebang habis semua tumbuh-tumbuhan hutan asli kecuali kawasan perlindungan.


Pembangunan ladang hutan dengan menggabungkan pokok Kelampayan dan pelbagai spesies hutan iaitu Jati dan Meranti dalam kawasan sama adalah konsep baru dalam bidang ladang hutan di Malaysia. Sehubungan itu, amalan silvikultur secara gabungan antara ladang hutan dan amalan agronomi akan digunakan. Kitaran penanaman bagi pokok Kelampayan yang dicadangkan adalah 9 tahun pada kepadatan awal lebih kurang 900 ke 1100 pokok/ hektar. Kepadatan ini akan menggalakkan barisan lurus bagi dirian pokok. Seterusnya bagi menggalakkan pertumbuhan diameter, kepadatan dikurangkan kepada dirian akhir sehingga lebih kurang 720 ke 880/ hektar.

Pembajaan, kawalan rumpai dan kawalan penyakit adalah element yang penting dalam ladang hutan. Penggunaan bahan agro-kimia iaitu bahan kimia dalam pertanian (racun perosak, racun serangga, racun rumpai) dalam pembajaan, kawalan rumpai dan penyakit adalah perlu bagi memastikan kejayaan penanaman pokok hutan pelbagai spesies namun penggunaannya harus dalam kadar minimum.

3.2.1.1 Penanaman Anak Pokok Spesies Kelampayan dan Pokok Hutan Pelbagai Spesies (Jati dan Meranti)

Kitaran penanaman bagi pokok Kelampayan yang dicadangkan adalah 9 tahun pada kepadatan awal lebih kurang 900 ke 1100 pokok/ hektar. Kepadatan ini akan menggalakkan barisan lurus bagi dirian pokok. Seterusnya bagi menggalakkan pertumbuhan diameter, kepadatan dikurangkan kepada dirian akhir sehingga lebih kurang 720 ke 880/ hektar. Tapak projek akan dibuat tebang habis secara mekanikal dan kawasan tersebut perlu dipastikan bebas dari semua tumbuh-tumbuhan termasuk pokok, semak, buluh, rotan dan pokok pisang liar. Pembersihan perlu dijalankan ketika musim kering iaitu di antara bulan Februari dan Mei. Sebaik sahaja selesai kerja-kerja penyediaan tapak, barisan tanaman bagi pokok hutan spesies pelbagai boleh disediakan berdasarkan *Multi Storied Forest Management*. Contoh konsep tanaman *Multi Storied Forest Management* adalah seperti konsep “*Multistoried Forest by JICA at Chikus Forest Reserve*”

Barisan biasanya dimulakan sejurus selepas selesai penyediaan tanah atau 1 hingga 2 bulan sebelum anak pokok ditanam di kawasan ladang. Objektif barisan adalah untuk menyediakan jarak pokok yang sama rata, untuk memberikan setiap pokok mempunyai akses yang sama kepada nutrien, air dan cahaya matahari dan untuk mencapai dirian optimum bagi setiap hektar, pengairan dan penuaian yang sistematik, pengangkutan yang cekap dan untuk memastikan hasil yang tinggi pada masa hadapan. Pertimbangan umum untuk membaris yang harus kita ingat adalah penjajaran. Ia mestilah dalam arah Timur-Barat secara umum. Ini akan membolehkan pengoptimuman cahaya matahari. Jajaran hendaklah selari dengan saluran pengairan dan berserenjang dengan jalan raya. Lapisan lurus biasanya digunakan di kawasan rata. Semua jarak lapisan hendaklah dengan ukuran mendatar. Kayu pelapik akan digunakan sebagai penanda lubang tanam. Batang hendaklah setinggi 0.6 m. **Jadual 3.10** menunjukkan cadangan jarak penanaman pokok hutan bergantung pada topografi. Sekiranya terdapat halangan seperti pokok tumbang atau tunggul, penanaman harus dikeluarkan lebih dari 0.3 m dari penghalang. Jarak yang digunakan adalah 3m x 3m. Jarak di antara baris dan anak pokok adalah seperti di dalam **Rajah 3.6**.



Rajah 3.6: Contoh jarak di antara baris dan anak pokok

Jadual 3.9: Jarak di antara baris dan anak pokok mengikut kawasan

Kawasan	Jarak tanaman (m)	Jumlah Pokok/ha
Rata	3 x 3	1,100
Cerun 25°-35°	3 x 3.75	900


Tempat penanaman adalah dibersihkan dalam bulatan berdiameter 1m. Lubang penanaman berdiameter 12cm dengan kedalaman 20cm. Baja tidak diterapkan di semua petak. Merumpai dan pemotongan pemanjat dilakukan pada masa yang sama. Semua tanaman yang tidak diinginkan dipotong sebelum melebihi 30 cm tinggi dan semua pertumbuhan dalam jarak 45 cm dari anak pokok diangkat. Semua pemanjat ditemui pada anak pokok perlu dipotong dan dibuang. Merumpai dilakukan ketika pemanjat dan pertumbuhan rumput bawah mencapai sehingga ketinggian pokok. Kekekapan merumpai pada amnya 3 hingga 4 kali pada tahun pertama. Walau bagaimanapun, beberapa plot tidak perlu aktiviti merumpai pada tahun pertama.

Berdasarkan **Jadual 3.10** dan **Rajah 3.7**, jumlah kawasan untuk pembangunan ladang hutan ialah 345.66 ha (86.41%) manakala 54.34 ha (13.59%) tidak akan dibangunkan. Menurut Manual Perhutanan Jilid III, penuaian pokok hutan tidak akan dilakukan di kawasan di atas 40° dan sementara merujuk kepada kelas lereng III (25° - 35°), tidak akan ada penebangan di kawasan itu kerana beberapa pokok akan ditinggalkan di tapak terutamanya pokok induk untuk tujuan pembiakan.

Jadual 3.10: Jadual jumlah kawasan pembangunan ladang hutan

Jumlah Kawasan = 400 ha	Keluasan (ha)	Peratusan (%)
Cerun 0° - 25° (aktiviti dan kawasan pembangunan)	239.36	59.84
Cerun 25° - 35° (aktiviti dan kawasan pembangunan)	117.51	29.38
Cerun 35° - 40° (aktiviti dan kawasan pembangunan)	3.68	0.92
Cerun >40° (Dikekalkan, tiada aktiviti dan kawasan pembangunan)	0.35	0.09
Zon penampan (20m kedua-dua belah)	53.99	13.50
Road Reserved (4m width)	11.33	2.83
Jumlah Kawasan Tidak Dibangunkan (Riparian Reserved and >40°)	54.34	13.59
Jumlah Kawasan Pembangunan Ladang Hutan	345.66	86.41

Rajah 3.7: Jumlah kawasan untuk pembangunan ladang hutan



3.2.1.2 Rawatan Silvikultur

3.2.1.2.1 Pembajaan

Prestasi pengeluaran kayu tanaman sangat bergantung pada baja yang mencukupi yang dilaksanakan oleh pengusaha projek. Penggunaan kadar baja semasa dan selepas penanaman ditunjukkan seperti di **Jadual 3.11**. Baja diletakkan mengikut bulatan kecil di sekeliling pokok semasa di peringkat awal penanaman. Pada tahun ke-4, setelah akar memanjang sampai di antara lorong, pembajaan diletakkan pada kawasan di antara 60 hingga 300 cm dari baris lorong. Diperhatikan bahawa untuk pertumbuhan pokok tanaman yang lebih baik, penggunaan baja yang kerap diperlukan semasa awal penanaman. Ini adalah untuk memastikan pembangunan sistem akar yang aktif. Sebelum baja diletakkan, dipastikan bahawa rumput perlu dibasmi terlebih dahulu.

Jadual 3.11: Kadar Baja Semasa Dan Selepas Penanaman

Tahun	Jenis baja	Kadar (g)/pokok	Kekerapan/tahun	Kaedah
0	Baja fosfat CIRP	100	1	Lubang
1	Sebatian NPK	100	2	Keliling
2	Sebatian NPK	200	2	Keliling
3	Sebatian NPK	200	2	Keliling
4	Sebatian NPK	200	2	Keliling
5	Sebatian NPK	200	(jika perlu)	Keliling
6	Sebatian NPK	200	(jika perlu)	Keliling
7	Sebatian NPK	200	(jika perlu)	Keliling
8	Sebatian NPK	200	(jika perlu)	Keliling
9	Sebatian NPK	200	(jika perlu)	Keliling
10	Sebatian NPK	200	(jika perlu)	Keliling

Bagi menjamin kesuburan pokok, nutrien makro (N, P, K, Ca, Mg, S) dan nutrien mikro (Fe, Mn, Zn, Cu, Cl, B, Mo) mesti mencukupi di dalam tanah. Manakala kalium berfungsi sebagai asimilasi dan pertahanan serangan serangga dan penyakit. Baja fosfat CIRP digunakan semasa menanam dan dibubuh ke dalam lubang. Bermula tahun pertama, pembajaan perlu dibuat 6 bulan sekali. Pembajaan apabila perlu sahaja bagi tahun ke-5 hingga ke-10 disebabkan kadar pembajaan sehingga tahun ke-4 sudah mencukupi dan daun yang luruh di lantai dirian menjadi sumber nutrien semulajadi. Aktiviti pembajaan akan berulang selepas aktiviti penanaman pokok dijalankan.

3.2.1.2.2 Kawalan Rumpai

Rumpai bersaing dengan tanaman utama untuk nutrien, cahaya matahari dan kelembapan yang mungkin akan menyebabkan kehilangan hasil tanaman utama tersebut. Oleh itu, sebaik sahaja pokok ditanam, kawalan rumpai perlu dilaksanakan pada fasa awal penanaman. Pada peringkat awal penanaman pokok, kawalan rumpai secara manual dijalankan dalam lorong tanaman dan di antara lorong tanaman. Racun rumpai boleh digunakan sekiranya terdapat 0.9m kulit coklat di batang pokok tanaman. Kaedah kawalan kimia merupakan kaedah yang paling popular dan paling meluas diamalkan. Kaedah penggunaan racun rumpai merupakan cara paling berkesan, kesan yang lama, mudah dan sangat praktikal. Penyemburan racun rumpai di kawasan ladang pokok muda adalah berbeza dengan ladang pokok matang. Jenis-jenis racun yang digunakan juga berbeza-beza mengikut jenis rumpai dan kepadatan rumpai. Apabila pokok

sudah besar, silara tanaman telah menutupi ruangan di atas dan mengurangkan pencapaian cahaya ke lantai ladang. Maka, rumpai akan berkurangan dan kekerapan untuk menggunakan racun rumpai turut dikurangkan. **Jadual 3.12** menunjukkan penggunaan racun rumpai terhadap spesies rumpai yang terdapat pada tapak projek dan **Jadual 3.13** menunjukkan kekerapan penggunaan racun rumpai jika menjejaskan pertumbuhan pokok tersebut.

Jadual 3.12: Pelbagai Spesies Rumpai dan Racun Rumpai

Spesies Rumpai	Racun Rumpai	Kadar Campuran/ha
Rumput kerbau (<i>Paspalum conjugatum</i>), rumput parit (<i>Axonopus compressus</i>), rumput pait (<i>Ottocloa nodosa</i>), rumput mentebong (<i>Cyrtococcum oxyphyllum</i>), rumput sambau (<i>Eleusine indica</i>)	Spark (3.0 L) atau Roundup (4.0 L) atau Basta 15 (3.3 L)	Spark: 3 L/1000 L air Roundup: 4 L/1000 L air Basta 15: 3.3 L/1000 L air
Selaput tunggul (<i>Mikania micrantha</i>), ara songsang (<i>Asystasia gangetica</i>)	Spark (3.0 L) atau Roundup (4.0 L) atau Basta 15 (3.3 L)	Spark: 3 L/1000 L air Roundup: 4 L/1000 L air Basta 15: 3.3 L/1000 L air
Lalang (<i>Imperata cylindrical</i>), rumput ekor kucing (<i>Pennisetum polystachion</i>)	Spark (3.0 L) atau Roundup (4.0 L)	Spark: 3 L/1000 L air Roundup: 4 L/1000 L air
Pokok kapal terbang (<i>Chromolaena odorata</i>), senduduk (<i>Melastoma malabathricum</i>), senduduk bulu (<i>Clidemia hirta</i>)	Starane 200 (1.25 L) atau Ally 20 DF (0.15 kg) atau Garlon 250 (1.5 L) atau Tordon 101 (2.0 L)	Starane 200: 1.25 L/1000 L air Ally 20 DF: 0.15 kg/1000 L air Garlon 250: 1.5 L/1000 L air Tordon 101: 2 L/1000 L air
Resam (<i>Dicranopteris linearis</i>), paku midin (<i>Stenochlaena palustris</i>), paku pedang (<i>Nephrolepis bisserata</i>), paku hata (<i>Lygodium flexuosum</i>)	Basta 15 (3.3 L)	Basta 15: 3.3 L/1000 L air

Jadual 3.13: Kekerapan Semburan Racun Rumpai

Umur	Kekerapan semburan
1	4 atau ikut keperluan
2	3 atau ikut keperluan
3	2 atau ikut keperluan
4	1 atau ikut keperluan
9-15	Tiada atau ikut keperluan

Oleh itu, penggunaan racun rumpai akan berkurangan mengikut kadar pertumbuhan pokok. Walau bagaimanapun, kawalan rumpai melalui kaedah biologi ataupun kaedah mekanikal seperti penggunaan mesin merumput atau menebas adalah lebih digalakkan selepas pokok besar. Seseengah pengusaha ladang akan menternak lembu, kambing atau biri-biri untuk mengawal rumpai. Akan tetapi kaedah ini adalah tidak sesuai apabila pokok muda kerana binatang ternakan tersebut akan merosakkan tanaman tersebut. Rumpai jenis renek dan paku-pakis di kawasan cerun dibiarkan untuk mengelakkan hakisan tanah.

3.2.1.2.3 Serangan penyakit dan serangga perosak

Tumbuhan yang ditanam sering terkena serangan perosak dan penyakit dan ia tidak terkecuali bagi pokok hutan. Penyakit umum dari projek penanaman pokok tanaman adalah penyakit *White*, *Red* dan *Brown Rot* yang disebabkan oleh kulat *Rigidoporus lignosus*, *Ganoderma pseudoferrum* dan *Phellinus noxius*. Penyakit ini dapat dikurangkan dengan menggunakan Garlon pada semua permukaan tunggul yang tersisa semasa pembukaan tanah. Pokok yang dijangkiti, yang ditandai dengan mati pucuk, dapat dirawat oleh *Shell Collar Protectant* atau Calixin. Penyakit lain iaitu *Pink Disease* yang secara amnya menyerang batang dan pokok tanaman yang muda. Selalunya penyakit ini kerap didapati di kawasan lembap di mana hujan tertumpu pada musim-musim tertentu dalam setahun. Rawatan penyakit yang diutamakan ialah meletakkan bahagian yang terkena dengan 2% Calixin di antara perosak yang memakan atau merosakkan akar dan batang memerlukan perhatian. Perosak itu mungkin serangga, penyakit tumbuhan, kulat, rumpai, nematoda, siput, siput dan banyak mamalia. Secara amnya, pengusaha projek tidak digalakkan mengguna racun perosak dalam kadar yang banyak yang boleh mencemarkan sumber air dan mempengaruhi hidupan liar tempatan. Perosak mamalia seperti tikus,

tupai, landak, monyet dan babi liar dapat dikendalikan dengan cara menembak (perlu mendapatkan kebenaran dari Jabatan PERHILITAN) kerana ia lebih berkesan dan lebih murah daripada umpan racun yang hanya berfungsi sebagai penyembur permukaan sahaja.

Anai-anai *Coptotermes curvinathus* menyerang semua spesies terutama pokok muda di bahagian akar, dahan pada paras tanah dan bahagian dalam batang pokok. Serangan anai-anai akan lebih serius di ladang yang ditubuhkan di tapak bekas hutan. Serpihan kayu yang tinggal akan menggalakkan kedatangan anai-anai yang akan menyerang pokok yang baru ditanam. Sama dengan kawalan rumpai, kawalan penyakit dan serangan perosak juga terdapat kaedah biologi, mekanikal dan kimia. Kaedah kimia adalah cara yang paling cepat dan berkesan. Penggunaan racun perosak hanya apabila terdapat serangan penyakit atau serangan perosak terhadap tanaman. Racun perosak (**Jadual 3.14**) yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Jadual 3.14: Racun perosak yang dicadangkan

Racun kulat	Racun serangga piretoid	Racun serangga
Bahan aktif: Captan 50%, Bahan lengai: 50%	Bahan aktif: Lambda-cyhalothrin 2.8%	Bahan aktif: Malathin 57%, Bahan lengai: 43%
10-20 g/4.5 L air	Bahan lengai: 97.2% 7 ml/0.7 L air	990 ml/1000 L air

3.2.1.3 Kawalan Hakisan dan Tanaman Penutup Bumi

Penting untuk kawalan hakisan terutama sekali apabila litupan hutan telah dibersihkan dan tanah terdedah, cara paling berkesan untuk perlindungan untuk meminimumkan kesan daripada titisan hujan adalah menyediakan tanaman penutup bumi. Di samping itu, untuk menyediakan perlindungan terhadap kesan daripada titisan hujan, tanaman penutup tersebut adalah perlu untuk persaingan rumpai kawalan semasa fasa pertumbuhan pokok matang dan belum matang. Ia juga membantu dalam pemuliharaan tanah dan membangunkan microclimate seperti memulihara kelembapan tanah. Perlindungan tanaman juga meningkatkan kadar penguraian tumbuh-tumbuhan berkayu yang akan menambah bahan organik dalam tanah.

Tanaman penutup bumi jenis Leguminosae atau kekacang berupa tumbuhan yang berkebolehan mengikat nitrogen dari udara dan menukarnya menjadi nitrat, melalui bakteria akarnya. Dari segi kesuburan tanah, penutup bumi jenis pelbagai spesies iaitu *Mucuna bracteate*, *Centrosema pubescens*,


Pueraria phaseoloides, *Signal grass* dan *Calopogonium mucunoides/ caeruleum* disyorkan. Fungsi utama tanaman penutup bumi sama ada secara semulajadi atau kekacang adalah seperti yang disenaraikan dibawah:

- a) Pemuliharaan humus tanah – tanah di kawasan tapak projek telah terdedah kepada cahaya matahari disebabkan oleh pembukaan kawasan ketika penyediaan tapak, dan keperluan untuk tanaman penutup bumi dengan segera menyokong penggunaan kekacang ini;
- b) Pemuliharaan kelembapan tanah - pengkalan kelembapan tanah yang mencukupi adalah penting dalam semua keadaan permukaan tanah. Tanaman penutup bumi menjadi faktor penting ketika menanam kawasan beralun atau curam dari tanah yang mudah rapuh. Amalan ini membolehkan kehilangan air dapat dikurangkan dengan berkesan dengan adanya penutup bumi yang tebal;
- c) Mengelakkan hakisan tanah – Keperluan tanaman penutup bumi ini juga bergantung kepada keadaan tempat penanaman (tebangan baru atau tanaman semula) dan kecerunan medan. Penanaman semula pokok dengan tanaman penutup biasanya diperlukan pada penebangan kawasan yang lengkap. Keperluan perlindungan dari sudut pencegahan hakisan tanah adalah serupa dengan yang berlaku untuk penanaman setelah hutan dan pembersihan kawasan dilakukan di kawasan tapak projek.
- d) Mengurangkan persaingan dari pertumbuhan rumpai – Penubuhan tanaman penutup bumi secara semulajadi atau kekacang dapat membantutkan pertumbuhan rumpai. Tanaman kekacang boleh ditanam di kawasan yang dikehendaki namun bagi spesies penutup bumi yang semulajadi bergantung kepada pertumbuhannya sendiri di kawasan tertentu. Oleh itu, pemilihan kekacang sebagai penutup bumi dapat mengawal rumpai dengan berkesan dan polisi dasar mengekalkan kekacang sebagai tanaman penutup bumi akan digunapakai oleh pengusaha projek.
- e) Meningkatkan status nutrient – Berdasarkan kepada kajian menunjukkan bahawa sebilangan besar nutrient dipindahkan oleh tumbuhan menjalar kekacang. Dalam kajian tersebut, nutrien kembali ke tanah setelah tanaman penutup bumi tersebut mati di antara bulan ke 34 dan 47 bulan selepas penanaman.


- f) Memulihkan struktur tanah dan pengudaraan – Tanaman penutup bumi dapat memulihkan struktur tanah dengan memberi tambahan dalam bahan organik (humus) dan peningkatan tambahan bagi sistem akar dapat memulihkan pengudaraan.

Kawasan projek ini terbuka dan berbukit, maka penanaman kekacang penutup bumi amat penting bagi mengelakkan kejadian hakisan atau tanah runtuh dan kehilangan sedimen tanah semasa hujan. Kerja-kerja penanaman kekacang ini akan dilakukan sejurus sebelum/ semasa anak pokok ditanam. Ia juga efektif dalam mengawal rumpai di kawasan projek. Kawasan ladang yang bakal ditanam dengan penutup bumi kekacang perlu dalam keadaan bersih serta dibaris, iaitu telah diketahui barisan pokok. Bagi tanah pamah atau beralun, jarak jalur tepi dari barisan pokok 1.2m dan jarak antara jalur 1 – 3 meter misalnya antara barisan 5 meter buat tiga jalur (seperti dalam **Rajah 3.8**). Bagi tanah berbukit pula, antara teres 8 meter buat empat jalur (seperti dalam **Rajah 3.9**)

Rajah 3.8: Jalur kekacang di tanah pamah



Rajah 3.9: Jalur kekacang di tanah bukit



3.2.2 Operasi Pengusahaan

Besarnya tuaian hasil kayu Kelampayan ditentukan oleh umur tebangan dan teknologi pengkomersilan yang digunakan. Semakin lanjut usia pohon yang akan ditebang, semakin besar ukuran diameter tanaman. Semakin besar diameternya, semakin besar juga persegi atau ketumpatan kayu. Kelampayan dapat dituai semasa berumur lima tahun setelah ditanam dengan diameter batang utama melebihi 30 cm. Untuk pohon Kelampayan yang dituai ketika diameter batang mencapai 35cm, ia dapat menghasilkan kayu sebanyak 2.5 ke 3 meter persegi. Berdasarkan anggaran, setiap hektar ladang hutan dapat menghasilkan lebih kurang 57m³ balak dan 10m³ kayu gergaji. Operasi pengusahaan akan dilaksanakan secara berperingkat untuk ladang Kelampayan dan pelbagai spesies hutan. Kelampayan boleh dibalak pada tahun ke-9 selepas penanaman. Spesies Jati dan Meranti pula menghasilkan kayu balak pada tahun ke-25 dan 50. Batang pokok mesti mempunyai diameter purata untuk 30-35 cm.

Pengusahaan akan merangkumi aktiviti penebangan, penarikan dan membawa balak untuk simpanan di matau. Hanya kaedah pembalakan mesra alam sekitar akan diterima pakai untuk mengeluarkan pokok matang dari tapak projek. Kerosakan persekitaran dapat dikurangkan dengan penggunaan jentera kapasiti kecil seperti D5 atau menggunakan jentolak D6 dan penggali 20 tan kerana kayu balak yang dikeluarkan adalah dijangka bersaiz sederhana dan kecil diameternya. Kayu balak akan dikerat dengan gergaji berantai dan dikantan panjang 2 meter untuk kayu bulat. Semua kayu balak dengan diameter bahagian 15 cm dan ke atas akan disusun untuk kayu balak gergaji dan semua yang diameter bahagian 15 cm dan ke bawah akan disusun untuk cip-kayu. Syarikat tidak mempunyai niat untuk menubuhkan kilang pemprosesan mereka sendiri untuk memproses kayu balak pada masa ini. Jadi, semua balak dan dahan kayu dihasilkan akan diangkut keluar dalam lori terbuka dan dijual di pasaran terbuka. Anggaran pengeluaran hasil balak adalah seperti di dalam **Jadual 3.15** dibawah.

Jadual 3.15: Anggaran pengeluaran balak

Perkara	Jumlah
Pokok Kelampayan	115,200 pokok
Isipadu kayu balak	115,200 m ³
Pendapatan	RM17,452,800

Tuaian dilakukan dengan cara menebang batang utama. Sebelum menebang, bersihkan tumbuhan atau rumpai di sekitar pokok untuk memudahkan penebangan. Penebangan biasanya dilakukan oleh dua

orang penebang dan empat orang pembantu untuk mengumpulkan kayu. Penebangan dilakukan dengan membuat takik rebah dan takik balas. Untuk penebangan biasanya alat yang digunakan adalah gergaji berantai. Salah satu perkara yang diperhatikan ketika penebangan adalah menentukan arah jatuh pohon. Arah jatuh sebaiknya disesuaikan dengan arah angin. Tekniknya dengan memotong sebahagian batang (takik rebah) setinggi 5cm dari atas permukaan tanah ke arah jatuh yang diingini. Tanaman Kelampayan ialah *fast growing species* sangat peka terhadap serangan kulat. Oleh itu, penebangan harus dilakukan dengan cepat (maksimum 48 jam) atau lakukan celupan ke dalam air setelah penebangan. Kayunya mudah ditebang atau digergaji kerana *fast growing species* umumnya mempunyai isi kayu yang tidak terlalu keras.

Pengusahasilan akan dilaksanakan secara menyeluruh pada tahun ke-25 dan 50 bagi pokok Jati dan Meranti. Pengusahasilan akan merangkumi aktiviti penebangan, penarikan dan membawa balak (*falling, skidding and hauling*) dan simpanan di matau.

- a) Tebangan balak akan dilaksanakan bila pokok telah mencapai usia lebih kurang 25 tahun;
- b) Tebangan berasaskan kepada sistem tebang habis (*clear felling*);
- c) Tebangan akan dijalankan berperingkat-peringkat berdasarkan petak dan fasa tanaman;
- d) Jalan sediada yang disediakan untuk aktiviti penanaman akan diselenggara dan dipantau untuk digunakan bagi tujuan pembalakan dan pengangkutan balak nanti;
- e) Jentera yang dicadang untuk kegunaan pembalakan akhir ialah jentera *excavator* dan kemungkinan jentera "*logfisher*" akan digunakan bagi tujuan penarikan balak. Penggunaan jentera "*logfisher*" akan dapat menghindari pembinaan lorong penarik. Jentera jentolak (*bulldozer*) akan digunakan secara minima untuk penyelenggaraan jalan tuju sahaja;
- f) Penebangan balak akan dilakukan secara penebangan berarah oleh penebang yang diiktiraf;
- g) Walaupun tebangan akhir berdasarkan tebang habis, tetapi pihak syarikat akan memastikan pokok-pokok yang sesuai dan terpilih ditinggalkan untuk baka/ pokok ibu.

3.2.3 Mesin dan Jentera

Tenaga buruh, jentera, peralatan dan sumber kewangan adalah amat penting bagi memastikan segala perancangan yang telah dibuat dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar. Pada masa sekarang bilangan jentera dan mesin di kawasan projek adalah seperti di **Jadual 3.16**. Jumlah jentera akan ditambah dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Jadual 3.16: Bilangan jentera yang akan digunakan di tapak projek

AKTIVITI	JENIS	UNIT
Penyediaan Tapak	Bulldozer	2
	Excavator	2
	Small Lorry	2
	Toyota Hilux (4x4)	4
	Chainsaw	2
TOTAL		12
Penanaman	Small Lorry	1
	Pickup Truck	2
	Toyota Hilux (4x4)	4
JUMLAH		7

3.2.4 Tenaga Kerja

Pekerjaan yang signifikan terutama bagi penduduk tempatan diharapkan dapat dihasilkan semasa pembangunan ladang hutan. Pengusaha projek akan menawarkan pekerjaan kepada penduduk tempatan di kawasan sekitar lokasi projek bagi menjana ekonomi tempatan. Operasi perladangan hutan akan menjana peluang pekerjaan kepada pelbagai kategori pekerja. Semasa operasi pembangunan, 10-20 pekerja diperlukan untuk pembersihan tapak. Semasa pengendalian, dianggarkan bahawa seramai 20-30 pekerja akan digaji dalam operasi awal. Bilangan kakitangan boleh meningkat apabila diperlukan. Setelah Projek Pembangunan Ladang Hutan beroperasi sepenuhnya, jumlah pekerja yang diperlukan adalah hampir 40 orang.

Keperluan tenaga kerja akan terdiri daripada tahap mahir, tidak mahir, teknikal dan pengurusan seperti pengurus, penyelia dan pekerja am di tapak projek. Butir-butir keperluan tenaga kerja yang dicadangkan dalam operasi perladangan hutan adalah ditunjukkan di dalam **Jadual 3.17**. Jumlah pekerja ini tidak termasuk pekerja kontrak yang diambil bagi jangka masa tertentu.

Jadual 3.17: Keperluan tenaga kerja untuk projek

Pekerja	Bilangan
Pengarah	1
Pengurus/Pen. Pengurus	3
Penyelia	1
Pekerja Am	20
Mekanik	2
Pemandu jentera	9
Penjaga	2
Jumlah	38

3.2.5 Penanaman Semula

Penubuhan ladang hutan Kelampayan melibatkan lima (5) pusingan berdasarkan kepada kelulusan guna tanah selama 50 tahun yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, tanaman semula ladang akan dilaksanakan sebaik sahaja selesai pusingan pertama yang dijangka pada tahun ke-9. Keadaan tapak ladang untuk tanaman semula mungkin berbeza daripada semasa tanaman pusingan pertama. Kerja-kerja silvikultur, persediaan tapak tanaman, aktiviti penanaman, kawalan rumpai, pembajaan dan lain-lain aktiviti akan diubahsuai dan ditentukan dengan sepatutnya dan akan diperincikan di dalam *midterm review* RPLH.

Dirian awal bilangan 900 ke 1,100 pokok/ha dijangka akan berkurangan sepanjang masa. Oleh itu adalah penting ruang kosong mesti dengan segera digantikan pada tahun pertama selepas menanam. Semasa tahun pertama penanaman, pelaksanaan segera seberapa banyak pusingan membekal pengisian mengikut kesesuaian untuk menggantikan semua pokok rosak atau pertumbuhan yang meragukan, menggunakan bahan penanaman dari klon yang sama. Dalam pengendalian bekalan, prosedur ketat perlu dipatuhi bagi mengekalkan kualiti perladangan. Spesifikasi amnya diamalkan untuk bekalan atau penebangan melibatkan bidang penilaian dan masa bekalan, serta prosedur dalam bekalan.

3.2.6 Hasil Hutan Bukan Kayu

Dalam operasi peladangan hutan ini adalah disyorkan supaya kawasan ladang ditanam dengan tanaman yang boleh memberikan hasil sampingan dan naungan sementara seperti betik, pisang dan nenas. Untuk tujuan demikian, tanaman naungan perlulah ditanam 6 bulan lebih awal daripada tarikh penanaman Kelampayan, Jati atau Meranti.

3.2.6.1 Tanaman Betik

Tanaman betik banyak terdapat di negeri Selangor, Johor dan Perak. Di Malaysia, terdapat beberapa jenis betik yang dibiak-biak secara tempatan dan juga beberapa jenis dari luar negeri. Betik jenis tempatan seperti Batu Arang, Morib, Subang 6, Taiping 3, Serdang 1 dan Sitiawan mempunyai isi yang berwarna merah. Jenis-jenis yang dibiak di luar negeri mempunyai isi berwarna kuning dan diantaranya ialah Sunrise Solo dan Honey Dew.

Betik memerlukan taburan hujan yang seimbang untuk proses pendebungaan. Biasanya taburan hujan sebanyak 1,200 mm dengan suhu antara 21-33^o C. Betik tidak sesuai di tanam di kawasan angin yang kuat yang boleh menyebabkan pokok rebah/ tumbang. Memerlukan sistem pengairan yang boleh menghalang dari berlakunya banjir. Kesesuaian tanah ialah pH 5.0 - 5.5. dan menggunakan anak benih. Sediakan lubang 3m x 3m x 3m dan biarkan terdedah ke matahari selama 2-4 minggu. Campuran baja organik 1-2 gm/ lubang dan 200 gm Triple Super Phosphate (TSP) dalam setiap lubang.

Sebanyak 1,700 pokok anak benih adalah diperlukan bagi tanaman setiap hektar tanah dan ditambah 10% atau 200 pokok lagi untuk sulaman jika ada yang tidak hidup selepas ditanam. Biji benih elok disemai ke dalam polibeg, yang berukuran 15 cm x 22 cm. Isikan polibeg dengan campuran 2 bahagian tanah lapisan atas, 1 bahagian pasir sungai dan 1 bahagian bahan organik (tahi ayam atau tahi lembu). Tanamkan biji benih sedalam 2 cm ke dalam tanah. Jangan tanam terlampau dalam kerana ditakuti benih tidak akan bercambah atau terlampau cetek biji benih yang disemai akan berubah-ubah tempat semasa menyiram dan kecambahannya akan terganggu. Biji benih akan bercambah dalam masa satu minggu. Sedang anak benih beransur membesar, taburkan racun siput di merata kawasan, untuk mengelakkan daripada serangan siput. Selain anak benih berumur 6-8 minggu ataupun telah berdaun 8-12 helai, anak semaian boleh diubah ke ladang.

Kawasan yang akan ditanam hendaklah dibersihkan dan dibajak. Gali lubang sedalam 30 cm dan 30 cm lebar. Jarak tanaman 1.8 m x 2.7 m, boleh ditanam sebanyak 1,700 pokok sehektar. Semasa menanam gaulkan tanah di permukaan atas dengan baja phosphate sebanyak 200 g -250 g. Pilihlah musim hujan yang sederhana apabila hendak menanam, kalau masa hujan yang banyak boleh menjadi keadaan terlalu lembab, dan akar betik yang belum berfungsi itu menjadi busuk. Selepas lebih kurang 8-9 bulan ditanam, pokok betik sudah mula mengeluarkan hasil. Bila sebahagian kulit buahnya berwarna kuning, bolehlah dipetik buahnya. Pada peringkat ini, buahnya senang dikendalikan kerana tidak mudah rosak. Di samping itu dapat dihindarkan dari terkena serangan lalat buah dan penyakit Antraknos. Buah-buah yang dipetik di peringkat ini tahan disimpan selama seminggu. Bagi sepokok, hasilnya boleh mencapai kepada 25 kilo sepanjang hayatnya. Masa pengeluaran, hasil yang banyak adalah diantara 18-24 bulan, bermula dari bulan ke sepuluh selepas ditanam di ladang.

Mula mengeluarkan hasil 9 bulan selepas ditanam. Jangka hayat antara 2-3 tahun. Hasil meningkat selepas 13-14 bulan selepas menanam. Betik boleh membuahkan hasil antara 40-65 tan/ha/tahun. Manakala exotica 11 antara 50-80 tan/ha/tahun dan betik sekaki lebih kurang 100-150 tan/ha/tahun.

Jumlah pengeluaran bagi tiga pusingan (9 tahun) exotica sebanyak RM7,083,206.00

Berasaskan harga diladang RM 0.45/kg.

NPV (Net present value) @ 10 % ialah RM87,077.00/ha

IRR (Internal rate of return) ialah 41.44 %, dan

B/C (Benefit cost ratio) @ 10 % ialah 1.60

3.2.6.2 Tanaman Pisang

Tanaman Pisang (*Musa paradisiaca* L.) yang boleh dimakan berasal dari *M. accuminata* Colla dan *M. balbisiana* Colla. Pisang masak boleh dimakan segar atau diproses menjadi berbagai-bagai produk seperti puri, hirisan dalam sirap atau buah koktel, pisang kering atau salai, makanan bayi, kerepek, keropok, jem, jeli, serbuk, minuman dan juga cuka. Terdapat beberapa jenis pisang seperti:

- i. Pisang Berangan mula mendapat pasaran meluas. Kebanyakan memilih berangan sebagai makanan pisang segar. Berat setandan ialah 12-22 kg, mempunyai 8-12 sisir dengan setiap sisir mempunyai 12-20 jejari. Panjang jejari diantara 12-18 cm dengan garis pusat 2.5 - 3.5 cm. Buah bersaiz sederhana hingga besar, berwarna kuning oren dan sangat menarik apabila masak sepenuhnya. Kulitnya agak tebal, mudah dikupas dan meninggalkan sedikit talian serabut setelah dikupas. Isi buah pejal, berwarna kekuningan hingga oren, berbau wangi dan manis rasanya.

- ii. Pisang Mas Berat lebih kurang 12 kg, mempunyai 5-9 sisir setandan dan 14-18 jejari bagi setiap sisir. Panjang jejari ialah 8-12 cm dan 2-3 cm garis pusat. Kulit nipis dan berwarna kuning keemasan. Isi pejal, berwarna kuning keemasan, berbau harum kewangian dan sangat manis.

Tanaman pisang memerlukan air di antara 1,500 sehingga 2,500 mm/tahun. Penanaman pisang memerlukan air terutama pada peringkat ia berjantung. Walaupun begitu, ia tidak dapat bertahan dalam keadaan terendam yang melebihi 2 jam. Pisang sesuai ditanam di tanah yang bertekstur lempung berpasir dan keadaan tanah yang peroi. Keadaan tanah pula hendaklah rata dan beralun kurang daripada 12 peratus. Benih tanaman pisang diperoleh dengan menggunakan susur pedang, teknik belahan dan tisu didik. Bagi sistem tanaman tunggal, jarak tanaman pisang adalah 2.5m x 2.5m dengan kepadatan 1,600 pokok/ha. Bagi sistem tanaman selingan pula, jarak tanaman yang sesuai adalah 3m x 3m dengan kepadatan 700 sehingga 900 pokok/ha.

Pisang akan berjantung dalam masa 7-10 bulan selepas ditanam. Pisang Mas biasanya mengambil masa enam hingga tujuh bulan untuk berjantung dan buah boleh dikutip lapan minggu kemudian. Pisang Berangan pula berjantung anggaran sembilan bulan selepas menanam dan buah boleh dikutip dalam masa 11-12 minggu kemudian. Bagi mengelakkan buah tercedera, tebang pokok pisang kira-kira 0.5 meter dari tandan buah. Hasil per ekar; RM15,600 jika tanah seluas 5 ekar hasil yg bakal diperolehi ialah RM78,000/ 5 ekar sahaja. Penjagaan dan penanaman yang mudah.

3.2.6.3 Tanaman Nenas

Nanas (*Ananas comosus* var. *comosus*) merupakan salah satu jenis buah yang paling banyak dihasilkan, di mana nanas berada di pilihan ketiga dalam penghasilan dunia selepas manga dan pisang. Nanas menjadi pilihan utama ditanam untuk memenuhi keperluan nutrisi dan penting untuk penghasilan buah segar. Nanas selalunya digunakan untuk buah segar, jus, pengeringan, digunakan dalam hidangan untuk dimasak dan sebagai pencuci mulut. Buah nanas ini mempunyai sumber yang baik daripada kalium, vitamin C dan vitamin A. Secara amnya, daun terletak sekitar 3 kaki panjang (0.9 m), berat buah antara 1.3 – 1.8 kg dan mempunyai isi berwarna kuning. Buah adalah berbentuk cylindrical dan mempunyai kandungan gula yang tinggi, rendah kandungan asid dan kandungan vitamin C yang tinggi. Untuk pertumbuhan nanas yang baik adalah dengan menanam di kawasan yang mempunyai cahaya matahari yang penuh.

Dengan itu, pilih kawasan yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 kaki (1.5 m) jauh daripada pokok, bangunan dan struktur lain di mana teduhan minimum berlaku. Nenas perlu ditanam di bawah sinaran matahari yang penuh untuk pertumbuhan dan pengeluaran buah yang terbaik. Jika anda mempunyai tanah yang berpasir, buat lubang yang besar untuk menguraikan tanah untuk memudahkan pertumbuhan akar di dalam tanah. Aplikasi melalui tanah. Campuran baja campuran yang mengandungi 6 hingga 10% nitrogen (N), 6 hingga 10% fosforus (P), 6 hingga 10% kalium (K), dan 4 hingga 6% Magnesium (mg) memberi hasil yang memuaskan. Pokok perlu diletakkan sebanyak 29-30 g per pokok setiap 4 minggu untuk meningkatkan pertumbuhan pokok. Sungkupan perlu dilakukan untuk mengekalkan kelembapan tanah, mengurangkan masalah rumpai dan memperbaiki struktur tanah. Sungkupan boleh dilakukan dengan meletakkan 7.6 – 15 cm dari pangkal pokok.

Kiraan anggaran kos dan jualan Nenas:

Jarak Tanaman : 90 cm x 60 cm x 30 cm

Jumlah Pokok / ha : 36,000 pokok

Jangkamasa Penanaman Cashflow : 12-14 Bulan

I) ALIRAN WANG MASUK

a. Anggaran Hasil Nanas (Kg/Ha) = RM 50,000

b. Pendapatan Nanas (RM/Kg) = RM 35,000.00

Pendapatan dari sulur nanas 0.00 (Jika ada perlu masuk)

Anggaran Pendapatan Kasar = RM 35,000.00

II) ALIRAN WANG KELUAR

A. Kos Pembangunan

1. Pembersihan Kawasan = RM 2,000.00

2. Sistem Saliran/ pembentung = RM 500.00

3. Jalan Ladang = RM 2,000.00

4. Penyediaan Tanah = RM 300.00

5. benih+sulaman 10% @RM0.20/pk = RM 7,920.00

5. Pagar -Kawat duri = RM 2,000.00

7. Stor = RM 500.00

Jumlah kos Pembangunan = RM 15,220.00

B. Kos Bahan Input

1. Baja CIRP @ RM0.5/kg = RM 360.00
 2. Baja NPK (15:15:15) Tabur I dan II = RM 3,931.20
 3. Baja NPK (12:12:17:2) Tabur III = RM 1,980.00
 4. Baja Foliar (Semburan I) = RM 955.00
 5. Baja Foliar (Semburan II) =RM 1,060.00
 6. Urea = RM 227.00
 7. Hormon Aruhan (Pil ANAA) = RM 166.32
 - 8 .Racun rumpai = RM 180.00
 9. Racun serangga = RM 60.00
 - 10.Bakul buah = RM 2,000.00
 - 11.Alatan Ladang = RM 500.00
- Jumlah Kos Bahan Input = RM 11,192.52

C. Kos Tenaga Kerja @RM 30.00/orang/hari

1. Membaja /foliar dan aruhan bunga = RM 480.00
 2. Kawalan rumpai = RM 1,020.00
 3. Kawalan Serangga = RM 240.00
 4. Penyelenggaraan Infrastruktur = RM 1,500.00
 5. Memungut Hasil @RM35/ tan =RM 1,750.00
- Jumlah Kos Tenaga Kerja = RM 4,990.00

D. Kos Pelbagai

1. Sewa tanah = RM 500.00
 2. Petrol = RM 200.00
- Jumlah Kos Pelbagai = RM 700.00

III) ANALISA CASHFLOW

JUMLAH KOS A+B+C+D = RM 32,102.52

Kos Luar Jangka@ 10% = RM 3,210.25

JUMLAH ALIRAN WANG KELUAR = RM 35,312.77

BAKI WANG TUNAI = RM -312.77

BAKI WANG KUMULATIF = RM -312.77

Nilai B/C Ratio = RM 0.99

Harga Pulang Modal = MR 1.01

3.3 Pemeliharaan Biodiversiti

Secara asasnya, pengurusan hutan di negeri ini sejajar dengan objektif- objektif utama Dasar Perhutanan Negara yang bersifat serampang dua mata iaitu memelihara dan mengurus hutan negara berdasarkan prinsip pengurusan berkekalan dan melindungi alam sekitar, memelihara kepelbagaian biodiversiti dan sumber-sumber genetik, serta mempertingkatkan penyelidikan dan pendidikan. Penekanan pemeliharaan sumber hutan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi telah diberi dalam tahun 1992 bagi menggambarkan komitmen Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED), Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) dan *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC).

Sehubungan dengan itu, tujuan perlindungan hutan antara lain ialah untuk melindungi kawasan hutan daripada gangguan fizikal, persekitaran dan perosak serta memelihara kepelbagaian biologinya. Objektif perlindungan hutan adalah untuk memastikan kawasan HSK dilindungi daripada pencerobohan manusia, kebakaran dan serangan penyakit serta serangga. Di samping itu, ianya juga meliputi perlindungan ke atas kepelbagaian biologi bagi mengelakkan dari kepupusan flora dan fauna di hutan negara ini.

Penyediaan zon penampan sepanjang sungai yang terjejas (ditetapkan lebar) harus dibiarkan dalam keadaan elok dan dilindungi daripada dicerobohi. Tumbuhan permukaan luar sempadan ladang tidak perlu disentuh untuk meminimumkan gangguan kepada bahagian permukaan. Penebangan pokok hendaklah dijalankan secara sistematik melalui penebangan berarah berhampiran kawasan-kawasan yang sensitif untuk memastikan bahawa tidak ada pokok dan tumbuh-tumbuhan akan mengganggu kawasan zon penampan, rizab riparian, hutan primer atau rizab hutan dara dan lain-lain kawasan pembangunan serta juga kawasan tadahan. Jarak zon penampan sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan seperti **Jadual 3.18** berikut:

Jadual 3.18: Jarak zon penampan

Lebar Alur Air (m)	Lebar Zon Penanpang Alur Air (m)
≤10	10
11-20	20
21-40	40
>40	50

Disebabkan oleh jenis projek, di mana ia melibatkan penukaran hutan semulajadi kepada hutan Kelampayan dan pelbagai spesies hutan, kehilangan habitat dan akibatnya kehilangan sumber biodiversiti termasuk fauna akan memberi kesan ketara yang jelas. Haiwan-haiwan yang terperangkap akan dipindah ke banyak habitat yang lebih selamat dan terjamin seperti rezab hidupan liar dan HSK berdekatan mengikut nasihat dan cadangan pihak PERHILITAN. Semasa aktiviti memerangkap, menyelamatkan dan pemindahan, terdapat kemungkinan fauna tertentu boleh tercedera dan mati. Walau bagaimanapun, usaha penempatan semula disyorkan dan bukannya semata-mata andaian bahawa fauna terjejas itu akan mampu melarikan diri sendiri dan hidup.

Untuk projek ini, secara keseluruhannya proses pertukaran kawasan hutan semulajadi kepada ladang hutan akan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dengan mengambil kira faktor alam sekeliling dan kelestarian alam sekitar. Dalam usaha untuk melindungi persekitaran, LRSB telah menyediakan laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan rancangan pengurusan alam sekeliling (EMP) dalam menjayakan projek ini. Aktiviti pembalakan dan perladangan akan dijalankan oleh tenaga kerja dan juga kontraktor yang berpengalaman dan mahir di dalam bidang masing-masing. Pihak syarikat akan memastikan kerosakan ke atas persekitaran termasuk tanah, sungai dan hidupan liar akan berada di tahap minima dan mengikuti garis panduan sebagaimana disyorkan di dalam laporan EIA dan rancangan EMP.

Selain daripada itu, apabila Projek Pembangunan Ladang Hutan mampu membekalkan sumber kayu kepada industri kayu-kayan dalam Malaysia maka kebergantungan kepada hutan asli untuk mendapatkan bekalan kayu akan berkurangan atau diberhentikan. Maka secara tidak langsung, Projek Pembangunan Ladang Hutan dapat melindungi biodiversiti dalam HSK pada masa hadapan.

3.4 Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Di bawah projek ini, LRSB akan bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pertanian serta institusi lain seperti Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam semua aspek penubuhan perladangan dan pengurusan andainya kerja-kerja bersama tersebut memberi munafaat serta kebaikan kedua-dua pihak. Syarikat juga tidak bercadang untuk menjalankan kajian penambahbaikan pokok atau menubuhkan klon orchard. Perkhidmatan lain-lain syarikat-syarikat perladangan terkemuka yang tersedia penyelidikan mereka boleh digunakan. Di

masa hadapan, LRSB akan terus mendapatkan bekalan benih cantuman daripada lain-lain sumber komersil yang mempunyai reputasi.

Pengurangan sumber hutan di Malaysia turut dirasai di Perak. Oleh yang demikian, pembangunan ladang hutan di Perak bukan lagi merupakan keperluan semata-mata tetapi juga atas kesedaran agar satu strategi pengeluaran kayu balak jangka panjang untuk pasaran dalam dan luar negara. Memandangkan tempoh pusingan dan tempoh pulangan yang panjang ke atas modal yang dilaburkan, maka penyelidikan dan pembangunan ini perlulah dilaksanakan secara serius sejajar dengan hasrat kerajaan agar sumber hutan terus dapat dinikmati tanpa mengabaikan tanggungjawabnya dalam keseimbangan alam sekitar. Di antara bidang penyelidikan yang akan diberi perhatian serius adalah:

- i Unjuran stok pertumbuhan yang optimum
- ii Pertumbuhan dan penghasilan
- iii Rawatan lanjutan kawasan ladang yang telah dibalak
- iv Penuaian/pengusahasilan hutan berimpak rendah
- v Kandungan nutrient hutan
- vi Pengsequesteran karbon
- vii Regim penuaian ladang hutan

Perspektif perhutanan dalam abad ke-21 akan terus berubah dan unjuran bagi perancangan masa depan sektor perhutanan adalah perlu memandangkan sumber bekalan balak dari hutan asli akan semakin berkurangan. Sehubungan ini, industri berasaskan kayu perlu meningkatkan kecekapannya dengan menggunakan proses berteknologi tinggi seperti penggunaan bioteknologi agar terus bersaing. Oleh itu, input penyelidikan dan pembangunan yang kukuh terutama dalam penghasilan bahan tanaman adalah amat diperlukan. Perkembangan dan penggunaan bioteknologi yang lebih meluas untuk meningkatkan mutu stok tanaman akan menjadi prosedur umum yang digunapakai. Teknik pengurusan ladang yang lebih mantap akan digunakan dalam penubuhan ladang hutan.

BAB 4

KAWALAN, PEMANTAUAN, PENILAIAN & KESELAMATAN

BAB 4 KAWALAN, PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN KESELAMATAN

4.1 Tindakan-tindakan Mitigasi Mengikut Fasa Penubuhan Ladang

Rancangan pembangunan ladang hutan ini secara keseluruhannya melibatkan aktiviti penukaran daripada kawasan hutan asli kepada ladang hutan dan pembangunan infrastruktur dan utiliti dalam kawasan tapak projek. Tapak projek dijangka akan mengalami kesan alam sekitar terutama ketika peringkat awal penubuhan ladang hutan yang melibatkan pembalakan dan kerja tanah. Terdapat tujuh (7) aktiviti utama yang akan menyebabkan impak persekitaran iaitu persediaan awal tapak termasuk aktiviti-aktiviti pembalakan dan pembangunan, operasi penanaman, pemuliharaan, penuaian, penanaman semula dan peringkat pembuangan. Beberapa elemen P2M2 dan BMP telah dicadangkan sebelum dan semasa aktiviti projek ini dijalankan. Potensi kesan alam sekitar yang dijangka akan timbul dari pelaksanaan projek yang dijangka adalah hakisan tanah dan pendedapan, pencemaran air, kesan ekologi, pengurusan sisa dan kesan sosio-ekonomi. Banyak kesan-kesan ini biasanya setempat, diklasifikasikan sebagai jangka pendek dan bersifat sementara. Langkah-langkah pencegahan dan amalan pengurusan terbaik untuk digunapakai semasa penyediaan tapak, pembinaan dan operasi untuk mengurangkan kesan-kesan berikutan dibincangkan secara terperinci didalam Laporan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Pada pelbagai peringkat pembangunan projek, sisa pepejal berbahaya akan dijana. Terdapat banyak jenis bahan buangan yang boleh dibahagikan kepada kategori yang berbeza berdasarkan sifat mereka dan pilihan untuk buangan. Sisa seperti yang dinyatakan ini boleh dijana semasa peringkat pembangunan atau peringkat operasi atau kedua-duanya. Oleh itu, langkah-langkah pencegahan yang diikuti hendaklah terpakai bagi kedua-duanya. Bahan-bahan dari pembentukan tapak, kerja-kerja tanah dan lain-lain adalah terdiri terutamanya daripada tanah, pasir dan organik. Adalah dijangkakan bahawa majoriti bahan-bahan ini akan digunakan semula di lokasi. Pelupusan sisa pembinaan tidak membangkitkan sebarang isu jangka panjang disebabkan oleh jenis-jenis bahan lengai tersebut. Tumpahan cecair seperti minyak pelincir, diesel dan cecair hidraulik adalah berkemungkinan menjejaskan kualiti permukaan atau ekologi akuatik jika mereka memasuki badan-badan air sekeliling. Dengan syarat bahawa apa-apa sisa berbahaya yang dijana daripada pembangunan dan aktiviti-aktiviti operasi disimpan, diangkut dan dilupuskan mengikut peraturan-peraturan dan langkah-langkah sesuai dijangkakan kesan impak adalah tahap kecil. Langkah-langkah mitigasi mengikut Perunding EIA adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1: Kesan alam sekitar dan langkah-langkah mitigasi

AKTIVITI PROJEK TERLIBAT	POTENSI IMPAK	LANGKAH MITIGASI
Pengeluaran balak	Limpahan permukaan	1) Membuat perancangan ladang hutan berdasarkan kriteria asal kawasan hutan tersebut dengan menentukan cara pembangunan ladang hutan dilaksanakan dengan risiko yang minimum; 2) Mengehendkan had pembersihan kawasan, membentuk dan kerja-kerja tanah dengan mengenal pasti kawasan mana perlu dibersihkan dan kawasan mana yang perlu dibiarkan tanpa penerokaan; 3) Sebolehnya pembangunan jalan ladang, lorong penarik dan jalan balak mengikut rupa bumi sedia ada sebagaimana yang ditetapkan dalam “Syarat-syarat Tambahan Lesen” yang dikeluarkan oleh JPN Perak; 4) Aktiviti pembalakan dijalankan mengikut fasa yang ditetapkan iaitu 4 fasa dalam tempoh 3 tahun bagi mengelakkan pembukaan kawasan yang luas sekaligus; 5) Aktiviti perladangan dan penanaman berdasarkan blok tanaman; 6) Aktiviti pembalakan di kawasan dengan kecerunan hingga 40° (345.66 ha – 86.41%) masih dapat dijalankan menggunakan kaedah konvensional dengan syarat ia dilakukan pada pokok kayu terpilih dan zon penampunan semula jadi 20.0 meter untuk semua sungai kekal di kawasan ini telah ditunjukkan dengan jelas di lokasi agar tiada aktiviti pembalakan atau mesin tidak dibenarkan menceroboh kawasan ini; 7) Sebaik mungkin pengusaha projek disarankan agar tidak menggunakan mesin berat bagi meminimumkan tanah kosong yang terdedah dan gangguan struktur tanah; 8) Fasa pembalakan perlu dimulakan dari kawasan tinggi ke kawasan rendah agar dapat memanfaatkan tumbuh-

		tumbuhan semula jadi yang ada di kawasan yang belum ditebang akan bertindak sebagai penghalang lumpur dan permukaan; 9) Semua jaringan jalan ladang yang dibangun di dalam tapak projek harus digabungkan dengan sistem perparitan sisi untuk menyalurkan air larian permukaan yang dihasilkan semasa kejadian hujan ke kawasan yang betul; 10) Parit tanah sementara digunakan untuk mengalihkan larian air di kawasan projek ke lembangan sedimen yang dicadangkan. Ia hendaklah dibina apabila tapak yang digredkan kekal di tempatnya sehingga amalan pengurusan terbaik diamalkan dan semua cerun-cerun menjadi stabil. Parit tanah sementara perlu disediakan pada bahagian atas cerun yang dipotong atau diisi di sebelah dalam tepi jalan ladang dan teres untuk melencongkan larian air ke lokasi yang lebih rendah serta selamat.
- Aktiviti pembalakan - Aktiviti peladangan - Aktiviti pengangkutan	Hakisan tanah	1) Pengusaha projek perlu membuat penetapan had bagi setiap kerja pembukaan kawasan dengan menentukan kawasan yang perlu ditebang atau perlu ditinggalkan tanpa gangguan; 2) Sebolehnya pengusaha projek mengatur agar menghadkan bilangan jalan ladang dengan merancang dan menghadkan kepadatan jalan, lorong penarik dan pendaratan serta meminimumkan aktiviti penggredan; 3) Penanaman disarankan agar sebolehnya dilakukan berdasarkan kontur asal; 4) Selain itu, aktiviti penanaman dilaksanakan secara fasa demi fasa seperti yang disebutkan sebelumnya; Ia untuk mengelakkan kawasan yang luas terdedah dalam jangka masa yang panjang sehingga dapat mengurangkan penghasilan limpahan permukaan dan akhirnya untuk


		mengelakkan potensi banjir kilat di hilir Sg Gesau yang terkenal sebagai kawasan mudah banjir. 5) Kawasan-kawasan yang lapang semasa penebangan dan pembersihan hutan akan ditanam dengan tumbuhan penutup bumi (<i>cover crop</i>) yang sesuai dan sungkupan yang tidak akan mengancam pertumbuhan anak-anak pokok Kelampayan atau pelbagai spesies pokok hutan. 6) Lereng-lereng bukit yang terbuka diletakkan <i>geo-textile blanket</i> atau <i>fiber matt blankets</i> di lereng bukit yang terbuka; 7) Keseluruhan kawasan perladangan akan dipantau secara berkala untuk memastikan tanaman tumbuh dengan subur, pokok pelindung hidup dengan baik dan tidak ada unsur-unsur hakisan tanah terjadi. 8) Pembinaan jalan ladang dan teres akan dipantau, diselenggara dan dibaik pulih secara berkala untuk memastikan pembangunan dan pengurusan ladang adalah dalam keadaan yang memuaskan sepanjang masa.
- Aktiviti pembalakan - Aktiviti peladangan - Aktiviti pengangkutan	Bunyi bising	1) Pemilihan jentera dan peralatan. 2) Had laju kenderaan akan dikenakan. 3) Kelengkapan <i>silencers</i> harus dipertimbangkan.
- Pengangkutan semasa pembalakan - Pengangkutan semasa penanaman	Trafik	1) Laluan pengangkutan dengan merancang keselamatan lalu lintas dilaksanakan. Penyelenggaraan kenderaan dan tatacara operasi (iaitu teknik selamat memandu) hendaklah dipatuhi oleh pekerja.
- Aktiviti pembalakan - Aktiviti pembersihan tanah - <i>Manuring</i> dan kawalan serangga perosak	Sisa biojisim Sisa domestik	1) Pembakaran terbuka adalah dilarang sama sekali di tapak projek pada bila-bila masa. 2) Guna semula biojisim sisa tersebut sebagai <i>mulching</i>. 3) Buangan domestik dikumpul dan dilupuskan dengan sewajarnya. 4) Bekas bahan kimia (baja dan racun) yang digunakan hendaklah membuat permohonan dan pelupusan

		mengikut prosedur-prosedur kerja yang selamat jika tidak lagi dipakai di tapak projek.
- Aktiviti pembalakan - Pembersihan tanah - Aktiviti perladangan	Flora & Fauna	1) Pembersihan tapak hendaklah dijalankan secara berperingkat seperti yang dicadangkan. 2) Pembersihan tapak hendaklah terhadap kepada kawasan yang khusus seperti yang dicadangkan. 3) Penampian riparian hendaklah disimpan. 4) Dicadangkan pemasangan pagar letrik dan longkang sepanjang tapak projek untuk mengurangkan konflik manusia-gajah. 5) Membangunkan pelan kontigensi bagi langkah-langkah kawalan dan penjagaan flora dan fauna di kawasan projek
- Aktiviti pembalakan - Aktiviti perladangan	Sosio ekonomi	1) Memenuhi keperluan dan mengupah pekerja tempatan seboleh yang mungkin.
- Aktiviti pembalakan - Pembersihan tanah - Aktiviti perladangan	Perlindungan cerun	1) Peranti mengawal hakisan dan mendapan (BMPs) akan dipasang sebelum bermula kerja-kerja fizikal. 2) Rekabentuk penggredan dan penurapan yang wajar untuk penyaliran (sudut kecerunan, jenis parit, dsb.).

4.2 Zon Penampapan


Semua zon penampapan semulajadi (53.99 hektar – 13.5%) daripada keseluruhan kawasan perlu ditanda dalam peta dengan tanda warna di lokasi tapak projek. Zon penampapan semulajadi ini perlu dibiarkan dalam keadaan asalnya dan tiada penebangan atau aktiviti penanaman dibenarkan di kawasan ini. Pemantauan secara berkala juga akan dilakukan secara berterusan agar aktiviti pembangunan ladang tidak menceroboh kawasan zon penampapan terutamanya zon penampapan sungai yang diwujudkan di sepanjang sungai kekal dalam tapak projek. Ini adalah untuk mengekalkan zon penampapan sungai semula jadi 20.0 meter di kedua-dua belah sungai yang terdapat dalam tapak projek. Zon penampapan sungai semulajadi ini akan bertindak sebagai pencegah dan penapis untuk mengelakkan larian permukaan yang dihasilkan semasa kejadian hujan. **Rajah 4.1** menunjukkan tapak projek setelah mengecualikan kawasan zon penampapan sungai semulajadi. **Jadual 4.2** menunjukkan garis panduan untuk zon rizab sungai oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Walau bagaimanapun, kelebaran zon penampapan sungai akan merujuk kepada syarat Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Rajah 4.1: Menunjukkan tapak projek yang dicadangkan setelah mengecualikan kawasan zon penampungan sungai semulajadi




A) Guideline For Buffer Zone At The Area With River Bank (Slope < 15 Deg.)

Width of River Between Both River Bank (Y)	Width of River Between Both River Bank (X)
More than 40 m (2 chains)	45 meter (50 yards)
Between 20 m & 40 m (1 & 2 chains)	40 meter (2 chains)
Between 10 m & 20 m (1/2 & 1 chains)	20 meter (1 chains)
Between 5 m & 10 m (1/4 & 1/2 chains)	10 meter (0.5 chains)
Less than 5 m (1/4 chains)	5 meter (1/4 chains)




B) Guideline For Buffer Zone At The Area Without River Bank (Between Two Hill)



- Case 1 : Felling activity are prohibited.
Case 2 : Reserve river bank was allocated at 60 meter from the flood level.
Case 3 : Reserve river bank was allocated at 40 meter from the flood level.

Jadual 4.2: Menunjukkan garis panduan untuk zon rizab sungai

Semua pokok kayu, tumbuh-tumbuhan semula jadi dan semak tidak boleh tersentuh di kawasan zon penampungan sungai semulajadi ini kerana komponen semulajadi ini mempunyai kemampuan memintas hakisan, sedimen dan bahan pencemar daripada langsung mengalir ke sungai. **Rajah 4.2** menunjukkan komponen gabungan pokok, tumbuh-tumbuhan dan semak yang disarankan agar tidak tersentuh di zon penampungan sungai semulajadi dan bertindak sebagai penapis untuk memintas larian permukaan yang membawa bahan-bahan sedimen dan bahan pencemar yang terhakis dari memasuki sungai. **Jadual 4.3** menunjukkan fungsi dan keberkesanan jenis tanaman di kawasan zon penampungan sungai semulajadi. Pada dasarnya zon penampungan sungai semula jadi ini telah terbukti menjadi elemen kawalan yang sangat berkesan untuk memintas bahan pencemar, bahan yang terhakis dan bendasing dari memasuki sungai secara langsung. Pengusaha projek harus memberikan semua maklumat ini kepada kontraktor kerja tanah dan juga kontraktor membuat teres untuk memahami supaya perkara itu dapat diikuti semasa melakukan kerja tanah dan aktiviti teres.



Rajah 4.2: Menunjukkan komponen gabungan pokok, tumbuh-tumbuhan dan semak yang bertindak sebagai penapis bagi bahan sedimen.

Function	Max Slope (degree)		
	Grass	Shrub	Tree
Stabilize riverbank erosion	Medium	High	Medium
Prevent riverbank failure	Low	Medium	High
Trap sediment	High	Medium	Low
Filter sediment-bound nutrients, pesticides & microbes	High	Low	Low
Filter soluble nutrients, pesticides & microbes	Medium	Low	Medium

Source: Adopted from Fisher & Fischenich, 2000

Jadual 4.3: Menunjukkan fungsi dan keberkesanan jenis tanaman di kawasan zon penampunan sungai semulajadi.

Zon penampunan juga diwujudkan bagi mengurangkan hakisan dan sedimentasi melalui beberapa kaedah berikut:

- Pembinaan jalan yang baik dengan mempunyai parit, parit lintang dan perangkap lumpur;
- Mewujudkan zon penampunan terutama di sepanjang sungai kekal;
- Bagi kawasan berpayau, zon penampunan hendaklah sekurang-kurangnya 10 meter dari gigi air. Kawasan penampunan bertindak sebagai penapis air supaya tidak tercemar dan berkelodak;
- Bagi mengelakkan hakisan semua kawasan kosong hendaklah ditanam dengan tumbuhan; dan
- Semua pembentungan hendaklah diperiksa dan diselenggara supaya tidak tersumbat.

Perkara ini akan diberi tumpuan sejak dari peringkat awal pembangunan projek, penebangan pokok dan pembersihan kawasan hutan yang mana semua kerja-kerja akan dilaksanakan oleh kontraktor yang berpengalaman. Kerja-kerja pembalakan akan dilakukan dengan cermat untuk memastikan keadaan semulajadi tanah tidak terusik dengan ketara dan tidak ada penolakan tanah lapisan atas supaya kesuburan tanah tidak terjejas.

4.3 Pengendalian Bahan Kimia dan Racun

Sebahagian daripada bahan berbahaya seperti bekas racun perosak dan bekas racun rumpai dianggap sebagai bahan buangan terjadual. Jenis bahan buangan boleh menimbulkan bahaya keselamatan alam sekitar dan kesihatan yang serius kecuali jika dikendalikan, disimpan, diangkut dan dilupuskan dengan cara yang betul di tapak-tapak yang sesuai (premis yang ditetapkan) oleh pekerja yang cekap (kontraktor) seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, untuk meminimumkan kesan-kesan yang berkaitan.

Pengusaha projek perlu mengetengahkan polisi bagi meminimumkan penggunaan agrokimia dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- Menggunakan *Integrated Pest Management* (IPM), menggantikan racun perosak sintetik dengan sebatian organik, pemangsa semulajadi atau agen semulajadi untuk mengawal populasi perosak;
- Mengurangkan dari penggunaan racun perosak secara sistematik dan berkala tetapi mengehadkan penggunaan racun perosak untuk mengawal perosak dan penyakit sebenar yang dikenal pasti; dan
- Melatih pekerja dengan penggunaan agrokimia yang betul termasuk cara jadual masa yang sesuai, kadar penggunaan dan kaedah penggunaan yang mematuhi aspek keselamatan.

Safety Data Sheet (SDS) mesti disediakan kepada pekerja yang mungkin terdedah kepada bahan berbahaya yang digunakan atau racun perosak dan racun rumpai berbahaya yang ditangani atau disimpan. SDS memberikan maklumat mengenai setiap bahan berbahaya yang digunakan atau barang berbahaya pada label. Kaedah untuk mengawal risiko termasuk risiko pendedahan dan standard pendedahan yang relevan juga terdapat di SDS. Sekiranya terdapat tumpahan racun perosak atau racun herba semasa pengendalian, pencegahan daripada bahan kimia untuk sampai ke kawasan sungai dapat dielakkan kerana SDS memberikan semua maklumat yang berkaitan dengan cara keselamatan dan kesihatan yang berkaitan dengan bahan kimia dan juga ciri-ciri bahan kimia.

Semua sisa berbahaya termasuk bahan yang dicemari oleh sisa berbahaya dan bekas kosong bahan berbahaya hendaklah disimpan di kawasan yang tertentu di lokasi untuk pembuangan dan pelupusan secara berkala oleh kontraktor berdaftar mengikut Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005. Racun perosak harus disimpan dan diletakkan sejauh mungkin dari bekalan makanan dan air

- minimum 60-meter (200 kaki) dari kawasan kediaman. Letakkan tanda amaran yang jelas di bangunan yang digunakan untuk menyimpan racun perosak. Sertakan ruang pengudaraan (di bangunan simpanan untuk mengurangkan risiko letupan. Penggunaan kadar baja standard dan pelepasan lambat (*Slow Release Fertilizer*) adalah pendekatan positif untuk meminimumkan tanah ion kimia yang berlebihan dalam satu masa. Hanya bahan kimia yang didaftarkan di bawah Jadual Pertama (Bahagian 2) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 (Akta 149) yang akan digunakan dalam aktiviti projek. Penggunaan kompaun dan bahan kimia yang tidak dibenarkan yang dapat berpindah dengan mudah ke dalam tanah, air dan penggunaan teknik aplikasi di udara juga harus dielakkan.

Semua semak dan pokok renek akan dibersihkan untuk membolehkan pembinaan lapisan dan teres bagi penanaman anak pokok. Biomas yang dijana akan disusun di sepanjang reba ini dan antara teres jalan untuk dibiarkan reput secara semula jadi dan menghasil humus untuk meningkatkan kesuburan tanah. Biomass itu hendaklah diuruskan dengan betul sebagai kompos untuk memperkayakan bahan organik tanah semasa tanaman baru dan mendapat manfaat semasa penyediaan tapak dan fasa penanaman. Sisa reba tambahan perlu merebak sekata pada kawasan yang diperuntukkan dan dibiarkan reput. Sisa minyak dan gris harus diisi dalam tong dan disimpan dengan selamat, dan kemudiannya dilupuskan dengan cara yang diluluskan mengikut peraturan-peraturan Jabatan Alam Sekitar. Bekas buangan terjadual mestilah dilabelkan dengan jelas mengikut peraturan Jadual Ketiga Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005 untuk tujuan pengenalan dan amaran.

Penyelenggaraan kenderaan dan jentera hendaklah dilaksanakan seboleh-bolehnya jauh dari mana-mana sumber air larian permukaan. Kawasan penyelenggaraan kenderaan dan jentera hendaklah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang sesuai seperti longkang koleksi dan perangkap minyak dan gris untuk menghalang sisa berminyak mengalir atau dibasuh ke dalam sungai atau longkang terbuka. Semua penyelenggaraan peralatan perlu disimpan dengan baik untuk mengelakkan tumpahan. Semua sisa minyak dan gris akan disimpan dengan betul sebelum penjualan kepada kontraktor-kontraktor sisa berjadual yang diluluskan. Jika terdapat tangki dalam tapak projek, ia perlu diletakkan di atas tanah stabil dan dielak dari apa-apa tumpahan. Ia mestilah sentiasa dibawah teduhan untuk mengelakkan cahaya matahari. Teduhan tersebut berturap konkrit dan mengandungi 110% kapasiti isipadu tangki.

Adalah perlu dipastikan sebatian racun yang digunakan selamat dari segi ekologi dan perubahan mengikut amalan industri dan pengurusan terbaik, dan menggunakan kaedah penyemburan rendah. Masa, iklim (arah tiupan angin, hujan) dan musim perlu diambil kira dalam menyembur bahan kimia

agro. Kemudahan simpanan yang sesuai perlu dibina untuk memastikan bahan-bahan kimia agro terletak jauh dari mana-mana saluran air. Pasukan pengurusan projek hendaklah mematuhi syarat dan peraturan seperti yang ditetapkan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan Piawaian Kualiti Air Kebangsaan yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Bahan-bahan kimia yang digunakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak. Pengusaha projek harus beri tumpuan kepada bahan-bahan kimia yang mesra alam.

Untuk makhluk perosak seperti tikus, kawalan biologi boleh dipilih untuk menggantikan penggunaan racun makhluk perosak. Di mana kawalan yang tidak cukup dicapai dengan burung hantu dan pemangsa lain, umpan dan racun mesra alam sekitar lain boleh digunakan. Pemangsa mamalia kecil seperti ular dan burung hantu perlu dilindungi. Tumbuh-tumbuhan perumah musuh semulajadi perosak perlu digalakkan atau dipelihara untuk membina pembiakan mereka.

Bagi mencapai kawalan rumpai yang mampan dan mengurangkan risiko ketahanan racun rumpai, satu program boleh dirancang diperkenalkan untuk mengubah bahan-bahan aktif. Elakkan daripada menggunakan racun sistematik dan tabah semasa kawalan makhluk perosak dan rumpai dalam bidang pengurusan ladang hutan. Racun rumpai lebih bermanfaat dan efektif dalam mengawal rumpai daripada menggunakan kaedah fizikal seperti menebas dengan parang.

4.4 Pencegahan Kebakaran


Kebakaran hutan biasanya berlaku semasa musim kemarau di antara bulan Januari hingga Mac dan Jun hingga September setiap tahun. Kebakaran hutan dalam hutan simpanan kekal biasanya bermula dan merebak dari luar kawasan hutan. Insiden kebakaran hutan bertambah buruk dan sering berlaku apabila aktiviti pembukaan tanah pertanian dilakukan bersebelahan hutan simpanan kekal. Pembakaran terbuka hasil daripada pembukaan tanah pertanian ini merupakan faktor utama kepada kebakaran hutan. Apabila berlaku kejadian kebakaran, kepantasan bertindak dengan cekap dapat mengurangkan kemusnahan harta benda, alam semulajadi dan kehilangan nyawa. Kecekapan bertindak adalah bergantung sepenuhnya kepada kemahiran dan pengetahuan pengusaha projek.

Dalam penubuhan tapak projek ladang ini, kemungkinan ada ancaman kebakaran terutamanya dari luar dan sampingan kerana syarikat akan setakat mana yang mungkin mempraktikkan sifar pembakaran terbuka dalam penubuhan ladang baru. Ini bermaksud kaedah penubuhan ladang dengan tebingan habis dan ditanam tanpa pembakaran terbuka. Penggunaan api akan hanya digunakan sebagai pilihan

terakhir dan akan dijalankan dengan kawalan penuh atas dasar setiap kes jika timbul keperluan. Terdapat juga kemungkinan kebakaran berlaku dengan sengaja atau tidak sengaja dari pekerja dan kontraktor di tapak pembakaran sisa, puntung rokok dan lain-lain yang boleh merebak kepada habitat berhutan bukan sahaja dalam di tapak projek tetapi juga kepada persekitaran. Ini seterusnya akan menjejaskan hidupan liar dan habitat fauna. Walau bagaimanapun, untuk keseluruhan kebakaran, garis panduan pencegahan dan latihan akan diberi kepada kakitangan dan juga kontraktor. Beberapa langkah dikenalpasti untuk pencegahan kebakaran ladang hutan iaitu:

- Bagi memastikan semua anggota mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menghadapi situasi kebakaran, persiapan rapi adalah perlu dibuat. Persiapan yang perlu termasuklah mempunyai Pelan Tindakan menghadapi kejadian yang merangkumi persiapan anggota dan kemudahan fasiliti. **Rajah 4.3** menunjukkan siap siaga pelan tindakan kebakaran hutan bagi syarikat ini.

Pelan Kawalan Kebakaran



Rajah 4.3: Pelan Tindakan Kebakaran Hutan Syarikat Liput Raya Sdn Bhd

- Menubuhkan Pasukan Kawalan Kebakaran Hutan bagi mengawal dan mencegah kebakaran hutan. Kejayaan pasukan ini adalah bergantung kepada sistem amaran awal bersama-sama dengan indeks kelas risiko akan dibangunkan untuk membantu dan mengoptimumkan mobilisasi sumber dan disasarkan untuk kawasan yang mempunyai risiko yang tinggi berlaku kebakaran. Pelan Tindakan Pencegahan dan Pengawasan Kebakaran Hutan yang komprehensif hendaklah dibangunkan yang akan membantu untuk mencegah dan memadam kebakaran. Butir-butir pelan mestilah termasuk strategi pelaksanaan, kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, peruntukan dan latihan kakitangan, penyediaan pasukan 'fire-fighting', perkakas, peralatan dan prosedur operasi. Latihan khas mengenai prosedur dan keselamatan untuk memerangi wabak kebakaran adalah penting kepada pekerja yang terlibat dalam projek perladangan untuk memastikan mereka sentiasa siap-siaga. Masyarakat setempat yang tinggal berhampiran tapak projek perlu dimaklumkan tentang pengharaman segala bentuk pembakaran terbuka serta bahaya wabak kebakaran tidak terkawal terhadap harta benda dan nyawa.
- Denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi tempoh lima tahun atau kedua-duanya sekali akan dikenakan kepada mana-mana pihak yang didapati membuat pembakaran secara terbuka;
- Sungai akan mempunyai zon penampungan sekurang-kurangnya 10 m di kiri dan kanan di mana tumbuh-tumbuhan tidak akan dibenarkan untuk dibersihkan. Jalan utama juga akan mempunyai minimum selebar 10 m yang akan dibersihkan dari tumbuhan. Badan-badan air semulajadi dan jalan utama (dicadangkan dan sedia ada) direka untuk bertindak sebagai penghadang api yang berkesan (disusun atur sungai dan jalan-jalan). Badan-badan air akan menjadi sumber sedia air jika tercetusnya kebakaran;
- Kawasan mudah dilanda kebakaran hendaklah dikenalpasti dan satu menara kawalan api telah dicadangkan untuk memantau di tapak projek (**Plat 4.1**). Penggunaan alat pemantauan seperti drone (**Plat 4.2**) juga adalah digalakkan kerana ianya mudah untuk dikendalikan dan mengurangkan bebanan tugas anggota;
- Komponen utama pencegahan kebakaran hutan adalah mengurus unsur manusia, itulah punca utama kebakaran hutan. Kebanyakan kebakaran terutamanya di kawasan hutan tropika adalah dimulakan oleh manusia. Mencegah kebakaran yang dimulakan oleh manusia kebiasaannya melibatkan:
 - (i) pendidikan dan mengajar masyarakat tentang risiko penyalan api;
 - (ii) latihan dalam penggunaan cara betul untuk mengurangkan kebakaran dan cara melarikan diri dan mengurangkan kerosakan luar; dan

(iii) menggalakkan perilaku yang lebih bertanggungjawab oleh orang-orang yang sering gagal untuk mengawal kebakaran dengan memastikan mereka benar-benar mendapat manfaat daripada pencegahan kebakaran. Situasi kebakaran di hutan tropika yang boleh dihapus dan dikawal oleh pasukan kebakaran terutamanya Jabatan Bomba Dan Penyelamat dengan adanya alat-alat yang betul.



Plat 4.1: Contoh Menara Kawalan Kebakaran



Plat 4.2: Contoh Drone

4.5 Pencegahan Serangan Perosak dan Penyakit

Tumbuh-tumbuhan yang ditanam biasanya tertakluk kepada serangan oleh perosak dan penyakit, pokok Kelampayan dan pelbagai spesies pokok hutan juga tidak terkecuali. Penyakit yang biasa dijumpai pada pokok Kelampayan adalah penyakit akar putih, merah dan coklat yang disebabkan oleh kulat *Rigidoporous lignosus*, *Ganoderma pseudoferrum* dan *Phellinus noxius*. Berlakunya penyakit-penyakit ini akan dikurangkan semasa peringkat awal penanaman dengan mencabut semua tunggul yang ditinggalkan selepas tebangan. Ini boleh dilakukan dengan menggunakan jentolak semasa penyediaan tanah dan membina teres. Tunggul yang masih ada boleh diracun menggunakan Garlon 4 Ultra Ticlopyr. Racun rumpai yang dicampur dengan diesel digunakan ke atas permukaan yang diratakan. Pokok yang terjejas oleh penyakit akar mempamerkan daun kekuningan tetapi boleh dirawat dengan racun kulat seperti Tilt dan Bayleton. Penyakit lain yang penting ialah penyakit pink yang biasanya menyerang kedua-dua batang dan dahan pokok muda. Tanda-tanda awal adalah titisan yang keluar dari dahan yang terlibat. Luka kemudian membentuk dan merebak di dahan-dahan yang lain lalu akan mati secara beransur-ansur. Rawatan penyakit ini ialah dengan menggunakan calixin dan menyembur dengan campuran Bordeaux.

Makhluk perosak pokok Kelampayan dan pelbagai spesies pokok hutan termasuk anai-anai, siput, pelbagai mamalia seperti tikus serta hidupan liar seperti babi hutan, monyet, rusa dan termasuk gajah. Pada amnya, perosak seperti anai-anai, serangga dan ulat boleh dikawal dengan penggunaan pelbagai Heptachlor 2E, Sevin 85S dan Malathion L.V. Untuk haiwan besar seperti babi hutan, monyet, rusa dan gajah amat sukar untuk mengawal memandangkan sebahagian haiwan ini juga dilindungi. Oleh itu mereka perlu diuruskan dengan cara yang teratur dan mesra alam sekitar (guna pagar letrik) dan keracunan atau pengumpan harus dielakkan. Selain itu, pengusaha projek dikehendaki maklumkan kepada Jabatan PERHILITAN apabila terdapat gangguan hidupan liar.

4.6 Kawalan Species Asing Merbahaya (*Invasive Alien Species*)

Bagi memastikan khazanah Malaysia dipelihara dan diurus dengan baik, “National policy on biological Diversity 2016 – 2025” diwujudkan dan selaras dengan halatuju Convention on Biological Diversity (CBD). Spesies Asing Berbahaya (IAS) adalah spesies asing yang dibawa masuk ataupun merebak secara semulajadi ke kawasan di luar daripada kawasan sebaran yang pernah direkodkan sebelum ini. Kemasukkan IAS ke kawasan baru menimbulkan masalah kerana ia sering kali menjejaskan kepelbagaian biologi dan menyebabkan kepupusan spesies asal di sesuatu habitat. IAS merupakan spesies asing yang menjejaskan ekosistem melalui kemampuannya untuk membiak dengan cepat dan menjejaskan populasi organisma asal. Penyebaran IAS boleh memberi kesan negatif terhadap alam sekitar, kesihatan manusia, haiwan, tanaman dan ekonomi. Perdagangan antarabangsa tanpa sempadan dan industri pelancongan yang berkembang mungkin telah menyebabkan bilangan IAS semakin tinggi. Selain itu, perubahan iklim juga berperanan dalam penyebaran IAS. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa IAS telah mengenalpasti IAS yang terdapat di dalam Malaysia. Berikut merupakan beberapa IAS yang mungkin terdapat di dalam ladang hutan dan kaedah-kaedah untuk mengecam dan langkah-langkah kawalan.

4.6.1 Spesies Flora

Merujuk kepada *Invasive Alien Species in Malaysia 2018*, Malaysia mempunyai 4 (empat) spesies asing merbahaya kategori flora yang berkemungkinan terdapat di tapak projek iaitu *Salvinia molesta*, *Parthenium hysterophorus*, *Mikania micrantha* dan *Rottboellia cochinchinensis*.

4.6.1.1 *Salvinia molesta* (Kariba Weed)



Plat 4.3: *Salvinia molesta* (Kariba Weed)

Pengenalan - *Salvinia molesta* atau *Kariba Weed* (**Plat 4.3**) adalah akuatik terapung jenis pakis yang tumbuh dengan perlahan, kaya dengan nutrien, suam, air tawar. Ia adalah diusahakan oleh akuarium dan kolam pemilik dan kadangkala dilepaskan oleh banjir, atau pembuangan sampah yang disengajakan. Ia telah tersebar secara meluas di seluruh dunia dan invasif dalam pelbagai habitat akuatik, termasuk tasik, sungai dan sawah.

Pengenalpastian – Tumbuhan pakis tanpa akar yang dapat dikenali oleh pelepah hijau bulatnya yang luas. Sepasang pelepah baru ini dihasilkan di setiap simpulan batang mendatar yang terapung tepat di bawah permukaan air. Sementara daun muda tumbuh rata di permukaan air, daun matang mempunyai panjang antara $\frac{1}{2}$ hingga $1\frac{1}{2}$ inci (1,27 dan 3,8 cm) dan akan tumbuh menegak. Permukaan daun tumbuhan ini memiliki barisan "rambut" silinder di atas dengan empat dahan yang disatukan pada hujungnya untuk membentuk sangkar atau bentuk telur.

Penyebaran - Afrika, Asia termasuk Asia Tenggara, Amerika, Eropah dan Oceania. Ancaman *S. molesta* boleh mengubah akuatik ekosistem. Apabila matang, tumbuhan ini membentuk menjadi seperti tikar tebal dan terapung di mana ia menyebabkan oksigen dan cahaya terhalang dari air. Selalunya bersaing dengan tumbuhan asal yang berakar dan tenggelam tumbuh-tumbuhan dan mengurangkan kepelbagaian tumbuhan vaskular. Penyebaran cepat perosak ini mengancam penanaman tanaman akuatik, boleh menyebabkan saluran air minuman tersumbat dan mengakibatkan hidroelektrik tanaman menjadi kotor. Perairan yang dipenuhi *S. molesta* akan terjejas dan tidak boleh digunakan untuk berperahu atau tujuan rekreasi lain.

Langkah-langkah Kawalan - Kawalan mekanikal *S. molesta* adalah mengeluarkan rumpai dari badan air. Ini boleh dilakukan secara manual, menggunakan peralatan tangan atau mesin (**Plat 4.4**). *Weevil Salviniae Cyrtobagous* telah diperkenalkan untuk mengawal *S. molesta* di Malaysia. *Weevil Salviniae Cyrtobagous* adalah spesies kumbang yang dikenali sebagai kumbang salvinia. Ia digunakan sebagai agen kawalan perosak (biologi) terhadap tumbuhan akuatik salvinia gergasi yang merbahaya.



Plat 4.4: Mengeluarkan rumput dari badan air

4.6.1.2 *Parthenium hysterophorus* (Parthenium Weed)

Pengenalan - *Parthenium hysterophorus* (**Plat 4.4**) dari keluarga Asteraceae (Compositae) yang semakin banyak telah memberikan masalah kepada populasi rumput lain. Ia dikenali sebagai salah satu rumput yang paling merbahaya di dunia. Pada tahun 2015, Malaysia telahewartakan rumput ini sebagai perosak yang berbahaya.



Plat 4.4: *Parthenium hysterophorus* (Parthenium Weed)


Pengenalpastian – Tumbuhan pertama (fasa awal) membentuk roset basal, diameter boleh capai ukuran kaki. Tumbuhan kemudian membentuk batang bercabang dengan alur memanjang tumbuh hingga ketinggian 5-6½ kaki. Daun pada batangnya alternatif. Tumbuhan ini boleh mencapai ketinggian akhir 2 meter. Daunnya pucat hijau, bercabang dan ditutup dengan rambut halus yang lembut. Bunga

putih kecil (4 mm seberang) mempunyai lima sudut yang berbeza dan tumbuh di hujung batang. Setiap bunga menghasilkan empat atau lima biji berbentuk biji hitam yang panjangnya 2 mm dengan sisik putih nipis.

Penyebaran - Parthenium mampu tumbuh di kebanyakan jenis tanah tetapi menjadi paling dominan di tanah liat beralkali. Tumbuhan ini berasal dari Mexico, Central dan Amerika Selatan. Sekarang ia boleh didapati di lebih dari 30 negara di Utara, Tengah dan Amerika Selatan, Afrika, Asia dan Australia. Pertama kali dikesan di Malaysia pada tahun 2013 pada Batang Kali, Selangor. Ancaman kutu oleh rumpai Parthenium merosakkan ekosistem semula jadi. Rumpai secara agresif menjajah kawasan yang terganggu dan mengurangkan pertumbuhan padang rumput serta menghalang pengeluaran makanan. Biji-bijian debunga, bahan tumbuhan kering (dikeringkan melalui udara) dan akar lalang Parthenium menyebabkan tindak balas jenis alahan seperti fotodermatitis, asma, ruam kulit, mata bengkak, batuk berterusan, hidung berhingus dan menyebabkan penyakit ekzema pada manusia. Pada haiwan, tumbuhan ini boleh menyebabkan anoreksia, pruritus, alopecia, dermatitis dan cirit-birit. Rumpai Parthenium dapat mencemarkan daging keldai dan membuat susu tenusu menjadi basi kerana bau yang menjengkelkan.

Langkah-langkah kawalan - rumpai ini telah diwartakan sebagai perosak berbahaya di Malaysia dan tindakan undang-undang boleh diambil dan dikuatkuasakan melalui Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167). Langkah kawalan secara fizikal seperti membuat penggemburan tanah, mencabut rumpai dan memotongnya boleh dilaksanakan bagi mengurus rumpai tersebut. Beberapa langkah adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 4.4** di bawah:

Rajah 4.4: Langkah pengurusan rumpai



4.6.1.3 *Mikania micrantha* (Bitter Vine)

Pengenalan - *Mikania micrantha* (Plat 4.5) adalah pemanjat terkenal dengan pertumbuhan yang kuat dan meluas. Ia tumbuh dengan baik di mana kesuburan, kadar organik, kelembapan dan kelembapan tanah semuanya tinggi. Ia telah diakui global sebagai ancaman utama kepada kepelbagaian biologi dan disenaraikan dalam 100 dari Spesies Asing Merbahaya di dunia. Di Malaysia ia diperkenalkan sebagai penutup tanah bukan dari kategori legum. Hari ini kebanyakan kawasan yang ditinggalkan telah diserang oleh rumpai ini.



Plat 4.5: *Mikania micrantha* (Bitter Vine)

Pengenalpastian - Merupakan pokok anggur abadi yang bercabang dan langsing. Daunnya disusun secara berpasangan di sepanjang batang dan berbentuk hati atau segitiga dengan hujung akut dan pangkalan yang luas. Panjang daunnya 4 hingga 13cm. Bunga, masing-masing 3 hingga 5mm, disusun dalam terminal padat atau corymbs axillary. Floret individu adalah putih hingga kehijauan-putih. Benih berwarna hitam, bujur linear, bersudut lima dan kira-kira 2mm lama. Setiap biji mempunyai pappus terminal bulu putih yang memudahkan penyebaran oleh angin atau pada rambut haiwan.

Penyebaran - Sebaran asli di Amerika Tengah dan Selatan, *M. micrantha* kini meluas di Asia dan Pasifik, Australia dan Selatan, Amerika Utara dan Tengah. Mikania membasmi tumbuh-tumbuhan dalam keadaan hancur hutan semula jadi. Ancaman *Mikania micrantha* memanjat dan berpusing pada sokongan menegak, termasuk tanaman, semak, pokok, dinding dan pagar. Pucuknya sudah dilaporkan tumbuh hingga 27mm sehari. Vegetatif pembiakan juga cekap dan kuat. *M. micrantha* merosakkan atau membunuh tanaman lain dengan menghalang kemasukan cahaya matahari dan menyekat mereka. Ia juga bersaing untuk air dan nutrien.

Langkah-langkah Kawalan – Kawalan mekanikal iaitu merumpai sebelum berbunga dan penanaman benih memberi kawalan sementara. Pencabutan semasa peringkat awal pertumbuhan (sebelum berbunga dan berbuah) adalah kaedah kawalan mekanikal yang paling berkesan. Walau bagaimanapun, kaedah kawalan mekanikal sangat intensif buruh dan tidak ekonomik. Kedua-dua pra dan pasca racun herba biasanya digunakan untuk mengawal spesies *Mikania*. Glyphosate digunakan secara meluas menentang *Mikania*, terutama di ladang hutan. Semua aplikasi racun herba sebaiknya dijalankan sebelum berbunga.



4.6.1.4 *Acacia mangium*

Pengenalan – *Acacia mangium* (**Plat 4.6**) sedang ditanam dan ia adalah perosak utama di tempat lain. Walaupun sedikit pembiakan dicatatkan dalam dirian yang ditanam, spesies harus dipantau untuk kelakuan invasif. Mungkin adalah bijak untuk tidak memperkenalkan spesies ke pulau-pulau yang belum ada (PIER, 2003). Sebatang pokok yang lebih tua (mungkin sebelum perang) telah diperhatikan di hutan batu kapur di Saipan tanpa pembiakan dan latar belakang hutan asli yang akan menunjukkan invasif terhad. Beberapa penanaman semula jadi dicatat di Rota. (PIER, 2003).



Plat 4.6: *Acacia mangium*

Pengenalpastian - Pokok kecil, penyedut daun bipinnate; batang sehingga 1m tebal dalam pokok yang sangat tua, phyllodes bergantian, coriaceous, selari-melengkung-urat, panjang 8-10cm, menyempit di kedua hujungnya; bunga kuning, dengan kepala globosa kecil dengan diameter 6-8mm; kepala 1 atau 2 dalam axil phyllode; buah sedikit bersama-sama, linear atau agak melengkung, rata atau sedikit berpintal, coklat, panjang 5-10cm, lebar 1cm atau lebih sedikit, dengan kira-kira 8 biji; biji dimampatkan, berwarna coklat (PIER, 2002). Daunnya nampaknya bersifat allelopatik kerana tanah di bawah pokok-pokok ini bebas daripada rumpai.

Langkah-langkah kawalan – Kawalan awal telah dikenal pasti oleh Kementerian Pertanian melalui pasukan petugas untuk pengurusan IAS. Namun, secara amnya tidak ada strategi dan rancangan tindakan konkrit yang dapat dilihat bagi sebilangan besar ancaman IAS di Malaysia. Terdapat juga langkah untuk menggunakan ester triclopyr pada 5% produk dalam minyak diesel yang digunakan pada kulit kayu basal.

4.6.2 Spesies Fauna

Merujuk kepada *Global Invasive Species Database*, Malaysia mempunyai beberapa spesies asing (fauna) merbahaya iaitu *Rhinella marina* dan *Sturnus vulgaris* yang mungkin terdapat di tapak projek.

4.6.2.1 *Rhinella marina* (Bufo Toads)

Pengenalan - *Bufo Toad* (**Plat 4.7**) diperkenalkan kepada banyak negara sebagai agen kawalan biologi untuk pelbagai serangga perosak pokok tebu dan tanaman lain. Namun, selepas masa tertentu, kodok ini ternyata menjadi perosak juga. Mereka akan memakan hampir mana-mana haiwan darat dan bersaing dengan amfibia asli untuk makanan dan pembiakan habitat. Rembesan toksik mereka adalah diketahui menyebabkan penyakit dan kematian haiwan peliharaan yang bersentuhan dengan mereka seperti anjing dan kucing serta hidupan liar seperti ular dan biawak. Kematian manusia telah direkodkan setelah tertelan telurnya.



Plat 4.7: *Rhinella marina* (Bufo Toads)

Pengenalanpastian - *Bufo toad* mempunyai kaki pendek. Ia boleh membesar hingga 30 cm bagi jantan dan 20 cm bagi betina. Jantan sedikit lebih kecil. Jari tidak mempunyai jaring, tetapi jari-jari kaki memang betul webbed berat. *Bufo toad* dewasa mempunyai kulit kasar, ketuat, berwarna coklat, hijau kusam atau hitam. Tympanum berbeza, kira-kira satu setengah hingga dua pertiga ukuran mata. Kelenjar racun digabungkan bersama untuk membentuk parotoid yang besar dan kelenjar khas, terdapat di atas setiap bahu.

Penyebaran - Sebar di seluruh dunia termasuk di Malaysia sebagai IAS yang menyerang spesies fauna. Ancaman *Bufo toad* mempengaruhi populasi semulajadi ular sawa dan biawak monitor. Bertindak sebagai pemangsa kepada tikus. Ia boleh menghasilkan toksik yang menyebabkan penyakit dan kematian di dalam negeri dan haiwan liar yang bersentuhan dengannya seperti anjing, kucing, ular dan biawak.

Langkah-langkah kawalan - Membuat pemeriksaan kuarantin, kesedaran dan tindak balas orang ramai.

4.6.2.2 *Sturnus vulgaris* (European Starling)

Pengenalan - *European Starling* (Plat 4.8) telah diperkenalkan di peringkat global. Burung ini lebih suka habitat dataran rendah dan merupakan omnivor yang agresif. Spesies ini menyebabkan kerosakan pertanian setiap tahun bernilai ratusan juta dolar dan menyebabkan penurunan spesies tempatan burung semulajadi melalui persaingan sumber dan ruang sarang.



Plat 4.8: *Sturnus vulgaris* (European Starling)

Pengenalanpastian - Seekor burung kecil kira-kira 21.5 cm dan beratnya sekitar 70 hingga 100 gram. Bulu berkilau hijau berkilau menutupi tengkuk, dada dan belakang burung, sementara sayap berwarna hitam, kadang-kadang dengan venir hijau atau ungu.

Penyebaran - Eropah, Asia (Malaysia, Thailand, Korea Selatan, Jepun, China, Mongolia, India, Pakistan, Afghanistan, Kazakhstan, Iran, Iraq, Arab Saudi, Mesir, Filipina dan Lao) dan Afrika Utara. Habitat: Lebih suka habitat dataran rendah daripada kawasan pergunungan. Burung ini membuat ruang sarang, menggunakan retakan, celah, dan ruang yang dihasilkan oleh spesies lain. Semasa musim pembiakan, burung ini memerlukan lubang untuk bersarang dan ladang tumbuh-tumbuhan untuk memberi makan. Burung ini menyebabkan kerosakan pada tanaman pertanian. Burung ini akan turun di ladang buah dan bijirin untuk mencari makan, menyebabkan kerosakan besar dan boleh menyebabkan kesan kepada ekonomi. Burung ini juga mengganggu orang ramai dan boleh merosakkan infrastruktur, lapisan bumbung dan lain-lain.

Langkah-langkah kawalan - Kuarantin dan mengawal pengenalan ke dalam negara - Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Kelima Jadual). Tiada izin dibenarkan untuk mengimport spesies. Kawalan mekanikal dengan memerangkap dan menembak.

4.7 Kawalan Keselamatan Fizikal

4.7.1 Pelan Tindakan Kecemasan

Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) merupakan komponen penting dalam strategi keselamatan dan kehilangan kemudahan. Ia menyediakan satu struktur yang teratur untuk rangkaian tindakan yang akan dilancarkan sekiranya berlaku kecemasan di Tapak Projek. Dalam konteks kecemasan ERP, ia ditakrifkan sebagai kejadian yang berpotensi menyebabkan kecederaan atau kehilangan nyawa, dan/atau kerosakan kepada harta benda dan persekitaran di sekelilingnya.

Bahagian ini menggariskan keperluan untuk penyediaan dan ERP untuk fasa operasi projek. Pelan ini tidak dimaksudkan untuk memberikan butiran spesifik mengenai bagaimana menangani situasi kecemasan yang mungkin berlaku tetapi telah memberi perhatian kepada perkara yang penting. Apabila projek memulakan operasi, pelan ini akan digunakan sebagai templat atau panduan untuk membangunkan pelan yang lebih terperinci. Penerangan mengenai pelbagai tindakan perlu diambil sebagai respons kepada kecemasan tertentu.

4.7.2 Objektif Pelan Tindakan Kecemasan

Objektif utama pembangunan ERP adalah untuk:

- a) Menubuhkan pasukan kecemasan rasmi;
- b) Mengawal dan memuatkan mana-mana kecemasan di Tapak projek melalui langkah-langkah respons segera dan berkesan secara setempat;
- c) Memastikan orang terperangkap atau cedera diselamatkan dan diberi bantuan perubatan yang segera dan sesuai;
- d) Mengawal penyebaran kerosakan yang timbul daripada keadaan kecemasan kepada alam sekitar termasuk reseptor sensitif yang terdekat;
- e) Menyalurkan maklumat mengenai kecemasan kepada kakitangan yang berkaitan dan pihak-pihak tertentu di Tapak Projek, termasuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pihak berkuasa tempatan;
- f) Menyimpan maklumat dan rekod untuk menyiasat kejadian/ kemalangan;

- g) Memulihkan tapak projek ke keadaan normal sebelum kakitangan memasuki semula tapak projek selepas kerja-kerja kecemasan; dan
- h) Memberi latihan kepada semua pekerja dalam pengurusan tindakan kecemasan untuk mengekalkan tahap kesediaan yang tinggi pada setiap masa.

4.7.3 Asas Pelan Tindakan Kecemasan

ERP adalah dokumen rasmi yang mengenalpasti keadaan kecemasan yang berpotensi di tapak projek. Ia menentukan tindakan yang telah dirancang untuk diikuti dan meminimumkan kerosakan harta, alam sekitar dan kehilangan nyawa. Dokumen tersebut menyatakan tindakan yang harus dilakukan oleh pengurus tapak projek untuk mengurangkan kesan kemalangan dan mengandungi prosedur serta maklumat langkah demi langkah untuk membantu pihak berkuasa yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kecemasan untuk mengeluarkan pesanan amaran dan pemberitahuan awal.

Secara amnya, ERP mengandungi enam (6) elemen utama:

- i) Menenalpasti situasi kecemasan yang berkemungkinan berlaku
Latihan pengenalanpastian kecemasan adalah untuk menyenaraikan kecemasan atau bahaya atau keadaan tidak normal yang diakibatkan oleh operasi projek. Dari latihan itu, risiko tinggi dan sederhana boleh dikenalpasti dan kejadian yang mungkin berlaku didokumenkan. Tindakan respons kecemasan yang berkaitan bagi setiap bahaya ini akan menjadi tumpuan kepada pelaksanaan perancangan kecemasan.
- ii) Carta aliran pemberitahuan
Carta alir pemberitahuan menunjukkan orang yang perlu diberi perhatian dan mengikut keutamaan semasa kecemasan. Maklumat yang dibentangkan pada carta alir diperlukan untuk memastikan pemberitahuan tepat pada masanya kepada orang yang bertanggungjawab untuk menangani situasi kecemasan.
- iii) Pengesanan kecemasan, penilaian dan klasifikasi
Pengesanan awal dan penilaian keadaan (peristiwa) atau kejadian yang mencetuskan atau memerlukan tindakan kecemasan adalah sangat penting. Penubuhan prosedur untuk pengklasifikasian keadaan kecemasan yang tepat dan tepat pada masanya adalah perlu untuk memastikan tindakan segera yang sesuai diambil berdasarkan keadaan.
- iv) Tanggungjawab Kakitangan dalam Kecemasan

Takrifan yang jelas mengenai tanggungjawab kakitangan untuk tugas yang berkaitan ERP mesti ditentukan semasa perumusan pelan. Pengurus projek atau operator kemudahan bertanggungjawab untuk membangun, memelihara dan melaksanakan ERP.

Pegawai Pengurusan Kecemasan dari persekutuan dan tempatan mempunyai kewajipan berkanun untuk memberi amaran dan memindahkan kawasan yang terjejas. ERP mesti menentukan dengan jelas tanggungjawab pengendali dan bila/ bagaimana menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pegawai kerajaan untuk memastikan tindakan yang berkesan dan tepat pada masanya.

v) Kesedaran Kecemasan

Tindakan ERP diambil untuk menyederhanakan atau mengurangkan kesan kepada situasi yang berpotensi dan tindak balas kemudahan terhadap keadaan.

vi) Peta Zon Terpengaruh

Peta zon terpengaruh menggambarkan kawasan yang boleh terjejas akibat peristiwa tidak sengaja di tapak projek. Peta zon terpengaruh digunakan oleh pengurus projek dan Pegawai Pengurusan Kecemasan untuk memudahkan pemberitahuan tepat pada masanya dan pemindahan kawasan-kawasan yang terjejas oleh peristiwa yang tidak disengajakan.

4.7.4 ERP Tapak Projek

4.7.4.1 Organisasi

Jawatankuasa Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) perlu diwujudkan untuk memastikan semua isu yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar berkaitan dengan Tapak Projek, pekerja dan persekitaran di sekelilingnya dimasukkan ke dalam pelaksanaan sebenar ERP. Walau bagaimanapun, penubuhan jawatankuasa bergantung kepada bilangan orang yang bekerja di tapak projek. Sekiranya bilangannya adalah di bawah 40, maka maklumat jawatankuasa itu tidak diwajibkan dalam undang-undang.

Apabila perjanjian atau penerimaan ERP yang dicadangkan oleh DOE dan DOSH, jawatankuasa HSE hendaklah memastikan bahawa semua kakitangan sudah mengetahui pelan tersebut. Untuk memastikan kebolehlaksanaan pelan, sesi latihan dan latihan biasa oleh pasukan latihan perlu dijalankan.

i) Penubuhan 'Pasukan Tindakan Tempatan'

'Pasukan Tindakan Tempatan' boleh diwujudkan melalui permulaan jawatankuasa HSE yang dinamakan. Pasukan itu terdiri daripada agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan seperti

BOMBA, DOSH dan DOE. Senarai Telefon Kecemasan Agensi Kerajaan ditunjukkan dalam **Jadual 4.3**.

'Pasukan Tindakan Tempatan' boleh diwujudkan melalui permulaan jawatankuasa HSE yang dinamakan. Pasukan itu terdiri daripada agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan seperti BOMBA, DOSH dan DOE. Senarai Telefon Kecemasan Agensi Kerajaan ditunjukkan dalam **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4: Senarai Telefon Kecemasan Agensi Kerajaan

No	Agensi	Lokasi dan Alamat	Nombor Perhubungan
1	Jabatan Alam Sekitar (DOE)	Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak, Tingkat 4&7, Bangunan Seri Kinta, Jalan Sultan Idris Shah, 30000 Perak	No Tel: 05-253 4749
2	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Perak, Tingkat 3, Bangunan Sri Kinta Jalan Sultan Idris Shah, 30000 Perak	No Tel: 05-254 9711 No Fax: 05-255 5219 e-mail: jkkppk[at]mohr.gov.my
3	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA)	Balai Bomba dan Penyelamat Slim River, Jalan Sungkai, 35800 Slim River, Perak	No. Tel : 05 - 452 8444 No. Faks : 05 - 452 6912 Email :bbp_slimriver@bomba.gov.my
4	Ibu Pejabat Polis Daerah Sungkai	Balai Polis Sungkai, Jalan Besar, 35600 Perak	No Tel: 05-438 6222 Emel: kpdsungkai@rmp.gov.my
5	Hospital Slim River	Hospital Slim River 35800, Slim River Perak.	No Tel: 05-450 8000 No Fax: 05-450 8002 Emel: hospslim_adu@moh.gov.my
6	Klinik Kesihatan Sungkai	Jln Pekan Lama, 35600, Batang Padang	No Tel: 05-4386478 Emel: kk_sungkai@moh.gov.my
7	Jabatan Kerja Raya (JKR) Muallim	35800, Persiaran Wisma, Kampung Manggis, 35800 Slim River, Perak	No Tel: 05-452 0077

8	Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan	Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan, 35000, Tapah, Perak	No Tel: 05-401 1216
---	--	--	---------------------

ii) Jenis Kecemasan

Kecemasan adalah gabungan keadaan yang tidak diduga yang mengganggu keadaan operasi normal dan menimbulkan ancaman yang berpotensi terhadap kehidupan manusia, kesihatan dan harta benda atau persekitaran jika tidak dikawal. Ia mesti dikawal atau dihapuskan dengan serta-merta. Secara amnya, kecemasan di Tapak projek boleh dikategorikan kepada yang berikut (Rajah 4.5).

Rajah 4.5: Kategori Kecemasan di Tapak Projek



Kemalangan / Ancaman Kemudahan Dalaman

- Api : Kebakaran disebabkan oleh kerosakan peralatan.
- Letupan : Letupan disebabkan oleh kerosakan peralatan.
- Penyelamat Pekerja : Apa-apa bentuk kecemasan lain di mana seorang pekerja terperangkap dan harus diselamatkan untuk menyelamatkan nyawanya.
- Lain-lain : Keadaan cuaca yang melampau menghancurkan sistem dan fungsi loji ataupun keruntuhan struktur yang mengancam integriti sistem struktur.

4.7.4.2 Tahap Pengelasan Kecemasan

Kecemasan dikelaskan mengikut keterukan dan keperluan mereka. Sistem klasifikasi kecemasan adalah salah satu cara mengklasifikasikan peristiwa kecemasan mengikut masa yang berlainan di mana ia berlaku dan tahap keparahan yang berbeza-beza. Tahap klasifikasi kecemasan untuk jenis kecemasan yang diterangkan dalam bahagian sebelumnya boleh dibahagikan kepada tiga (3) tahap respons. Sistem tiga peringkat ini dicadangkan sebagai prinsip am untuk mengaktifkan jenis tindak balas kecemasan dan disenaraikan di bawah:

a. Tahap 1 (Peringkat Kawalan Organisasi)

Ini adalah keadaan kecemasan di mana hanya kakitangan tapak projek diperlukan untuk mengurus dan mengawal kecemasan. Tahap 1 kecemasan biasanya akan memanggil pasukan sumber dan peralatan untuk stesen pemindahan dalaman sahaja.

b. Tahap 2 (Peringkat Bantuan Luar)

Ini adalah keadaan kecemasan yang memerlukan tindakan dan pengurusan oleh usaha gabungan pasukan tindak balas stesen pemindahan dalaman atau mana-mana agensi kerajaan yang berkaitan (contohnya BOMBA).

c. Tahap 3 (Peringkat Bencana)

Ini adalah keadaan kecemasan di mana kecemasan darjah 2 telah meningkat menjadi keadaan yang tidak terkawal dan mengakibatkan, atau mengakibatkan, kehilangan banyak nyawa manusia, harta yang luas atau kerosakan alam sekitar, dan telah mencapai skala yang berada di luar kawalan dan keupayaan semua pasukan respons digabungkan. Oleh itu, pelan tindakan pemindahan kemudiannya diperlukan untuk diaktifkan.

4.7.4.3 Tanggungjawab Umum Komander (OSC) dan Pasukan Tindakan Kecemasan

Tujuan untuk mempunyai pasukan tindakan kecemasan yang dilantik adalah untuk mengambil tindakan segera untuk memerangi kecemasan di peringkat kawalan organisasi (tahap 1). Sekiranya kecemasan meningkat kepada tahap 2 atau 3, tindakan kecemasan perlu memastikan tindakan yang betul diambil untuk mengawal kecemasan sambil menunggu bantuan luar yang datang, seperti BOMBA dan bantuan luaran yang lain.

Pasukan tindakan kecemasan diketuai oleh komander (*On-Scene Commander* - OSC). OSC biasanya seorang pegawai umum yang mempunyai kawalan operasi pasukan tindakan kecemasan dan menyelia semua operasi di tempat kejadian. Dia adalah orang yang bertanggungjawab untuk semua keputusan yang berkaitan dengan pengurusan kejadian itu. Sebagai OSC, dia harus berpengalaman dengan operasi stesen pemindahan dan mesti mempunyai pengetahuan mendalam mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

